

30 OGOS 2021 (ISNIN)



MESYUARAT PERTAMA

PENGGAL KEEMPAT

DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2021

SHAH ALAM, 30 OGOS 2021 (ISNIN)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Sungai Tua)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.
(Bandar Baru Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Kota Kemuning)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ir. Izham bin Hashim (Pandan Indah)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Puan Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Hee Loy Sian (Kajang)

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Borhan bin Aman Shah, P.J.K. (Tanjong Sepat)

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni (Sungai Kandis)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Banting)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin, P.P.T. (Morib)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew (Sungai Pelek)

Y.B. Puan Rozana binti Zainal Abidin (Permatang)

Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (Bukit Melawati)

Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman (Sabak)

Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (Taman Templer)

Y.B. Tuan Chua Wei Kiat (Rawang)

Y.B. Tuan Edry Faizal bin Eddy Yusof (Dusun Tua)

Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Subang Jaya)

Y.B. Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri (Taman Medan)

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. Puan Lim Yi Wei (Kampung Tunku)

Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin (Bandar Utama)

Y.B. Tuan Shatiri bin Mansor (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar (Meru)

Y.B. Tuan Azmizam bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George (Sentosa)

Y.B. Puan Wong Siew Ki (Balakong)

Y.B. Tuan Halimey bin Abu Bakar (Seri Setia)

Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli (Jeram)

Y.B. Tuan Sallehudin bin Amiruddin (Kuang)

Y.B. Datuk Rizam bin Ismail, P.M.W. (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali
S.P.M.S., S.M.S. (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Dato' Mohd Imran bin Tamrin, D.I.M.P (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Zakaria bin Hj Hanafi (Semenyih)

Y.B. Datuk Abdul Rashid bin Asari,
P.S.D., S.M.S., J.P. (Selat Klang)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi, P.J.K. (Sementa)

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (Dengkil)

Y.B. Tuan Muhammad Hilman bin Idham (Gombak Setia)

TIDAK HADIR (Dengan Maaf)

Y.B. Tuan Mazwan bin Johar (Sungai Ramal)

Y.B. Tuan Lai Wai Chong (Teratai)

Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar, D.P.N. (Batang Kali)

Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias,
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar, D.M.S.M., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha, S.M.S. (Lembah Jaya)

30 OGOS 2021 (ISNIN)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

**Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron, D.P.M.S.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Salim Bin Soib @ Hamid, D.S.D.K., P.K.T.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

**Y.B. Dato' Haji Haris Bin Kasim, D.P.M.S., S.I.S., A.S.A, P.P.T.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian Dewan

Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha Dewan

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha Pentadbiran

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Bentara

Encik Mohamad Izad Shafiq bin Ahmad Mashudi
Puan Nurul Liana binti Musa
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN : Selamat pagi dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Yang Ke Empat Belas pada 30 Ogos 2021 dimulakan dengan bacaan doa.

PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan Doa.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Salam sejahtera, selamat pagi pada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, pada pemerhati sekalian. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan kita bersambung dan pada ini saya telah menerima laporan-laporan daripada semua Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan semua petugas dewan mengenai saringan kendiri ujian *RTK-Antigen* daripada kita semua yang terlibat, syukur *Alhamdulillah* dimaklumkan bahawa semua sihat walafiat. inilah norma baru yang kita amalkan. Tahniah. Saya mempersilakan Sungai Burong. Tidak hadir Sungai Burong. Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Tuan Speaker, soalan saya no. 57.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : KEBAKARAN TIMBUNAN RICIH (KEPINGAN KECIL) TAYAR DI JETI SRITAMA, KUALA LANGAT

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kenapakah Kerajaan Negeri tidak dapat mengenalpasti aktiviti yang tidak berlesen ini?
- b) Apakah jaminan di masa hadapan kes seperti ini tidak akan berlaku dan berulang lagi?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang dan terima kasih kepada Tuan Speaker. Tuan Speaker, Jeti Sritama adalah sebuah

30 OGOS 2021 (ISNIN)

kawasan jeti persendirian yang terletak di kawasan persisir Sungai Langat. Aktiviti yang dijalankan adalah melibatkan kemasukan pelbagai barang yang telah mendapat kebenaran daripada Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Kastam Diraja Malaysia. Selain daripada aktiviti jeti, terdapat 14 lot berjumlah 15.4359 hektar di sekitar jeti tersebut telah dijadikan premis gudang bagi menempatkan barang yang telah dibawa masuk daripada jeti.

Lot yang menempatkan timbunan rincih tayar yang menjadi punca kebakaran masih berstatus tanah pertanian. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat telah mengeluarkan Notis Untuk Memulih Pelanggaran Syarat (Borang 7A) di bawah Kanun Tanah Negara pada 12 Julai 2021 kerana menjalankan aktiviti perindustrian di atas tanah berkategori pertanian. Pemilik tanah perlu dalam tempoh 90 hari dari tarikh penyampaian notis supaya mengambil tindakan untuk memulihkan pelanggaran tersebut. Pemilik tanah perlu mengosongkan dan membersihkan keseluruhan kawasan tersebut dengan mengekalkan syarat nyata tanah untuk Tanaman Getah. Selain itu, pihak Majlis telah mengeluarkan Notis Kesalahan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian (MDKL) 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen dari MPKL dan arahan tidak menjalankan perniagaan dalam kawasan tersebut. Notis Kesalahan di bawah Seksyen 70 (13)(c), Akta Jalan Bangunan & Parit 1974 (Akta 133) turut dikeluarkan kepada pemilik tanah kerana mendirikan struktur bangunan tanpa kebenaran MPKL.

Pihak Majlis berpandangan perkara ini tidak akan berlaku pada masa akan datang dengan tindakan bersepada daripada pihak Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat, MPKL, Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), dan juga Kastam Diraja Malaysia.

Selain daripada itu, syarikat utiliti iaitu pihak Air Selangor, TNB, Telekom dan lain-lain hendaklah memastikan setiap permohonan sumber utiliti daripada kilang-kilang hendaklah menyertakan geran yang diakui sah daripada Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat dan kelulusan pelan pembangunan yang diakui sah daripada MPKL. Ini bagi memastikan kilang-kilang tersebut sah untuk beroperasi dalam daerah Kuala Langat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Silakan Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Aktiviti ataupun Jeti yang berada di kawasan ini saya kira bukan suatu yang baru. Sebahagiannya lebih daripada 10 tahun ataupun lebih daripada 20 tahun. Saya tak pasti sama ada semuanya mendapat kelulusan secara LMS ataupun pajakan. Saya ingat isu ini pernah dibangkitkan sebelum dan antara alasan yang diberikan adalah kawasan ini terletak di bawah kawasan *port limit*, yang mana sebahagian dari aktivitinya dikawal selia oleh Pelabuhan Klang. Mungkin ada kedudukan di peringkat Kerajaan Negeri boleh berbincang bagaimana akhirnya aktiviti seperti ini yang tidak berlesen tidak dapat dikesan dari awal lagi. Bukan jeti yang beroperasi secara begitu

30 OGOS 2021 (ISNIN)

lama dan aktivitinya kita tidak dapat tentu sahkan dan akhirnya memberikan kesan yang tidak baik kepada alam sekitar.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Ini merupakan satu perkara yang penting untuk memastikan semua kilang ataupun premis perniagaan yang beroperasi di kawasan itu berlesen dan mendapat kelulusan daripada agensi yang bertentu. Cadangan dan pandangan Yang Berhormat itu diambil maklum dan kami akan berbincang dengan MPKL, Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat dan agensi yang lain supaya premis-premis di sana mendapat kelulusan dan lesen penuh. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sementa.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no. 58.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI (N43 SEMENTA)

TAJUK : HIJRAH SELANGOR

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh manakah bayaran balik yang diterima daripada peminjam dalam tempoh pandemik ini? Peratusan yang terkesan dan tidak? Apakah bantuan kepada mereka?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri khususnya bagi menjana pendapatan tambahan kepada peminjam Hijrah?

JAWAPAN :

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Sementa. Sementa bertanya tentang sejaух manakah bayaran balik peminjam-peminjam Hijrah. Sehingga kini bayaran balik pinjaman sehingga 30 Jun 2021 adalah 72%. Antara bantuan yang telah diberikan sepanjang pandemik Covid 19 ini adalah pemberian moratorium pada Mac hingga Jun 2020 (3 bulan) dan juga tambahan daripada bulan Jun 2021 hingga 15 Julai 2021. Yang kedua, kita beri peluang penjadualan semula kepada mereka yang telah pun tamat moratorium tapi masih lagi tidak dapat lakukan pembayaran tersebut kita beri lagi satu peluang untuk mereka melalui penjadualan semula jadual yang mana mereka boleh membayar mengikut jadual yang telah pun dibincangkan bersama. yang ketiga ini adalah perkara yang

30 OGOS 2021 (ISNIN)

paling signifikan yang Hijrah telah fikirkan bagi membantu semua peminjam Hijrah untuk tidak terkesan masalah peniagaan ini bila mana kebanyakannya daripada kita tidak dapat bermiaga jadi skim pembiayaan Go *Digital* bagi membantu usahawan memasarkan produk di platform atas talian dilaksanakan. Jadi skim *Go Digital* ini bukan sahaja di sudut memberikan pinjaman tapi mereka juga diberikan latihan hingga diberikan perkakas yang sesuai untuk pelaksanaan ini dapat dilaksanakan dan kaedah permohonan pinjaman di *Google Form* juga di kemukakan ataupun dilaksanakan dan akhirnya banyak juga kursus yang dilaksanakan atas talian dengan kerjasama INSKEN. Antara perancangan Kerajaan Negeri khususnya bagi menjana pendapatan tambahan kepada peminjam bagi yang kita lihat disebabkan kita dapati pandemik COVID ini kerajaan telah memberi satu insentif bagi iaitu Paket Kita Selangor 2.0 iaitu peruntukan pinjaman sebanyak RM 80 Juta dan kita telah perkenalkan skim NaDI yang telah pun telah memberikan fokus kepada wanita khususnya yang kebanyakannya mereka telah mulakan perniagaan di dalam rumah atau dari rumah iaitu sebanyak RM10 Juta. Dan yang terakhir tadi saya sebut tentang Skim Digital peruntukan itu sebanyak RM15 Juta. Jadi keseluruhannya peruntukan khas RM150 Juta adalah untuk memastikan untuk menjana atau memangkinkan balik ekonomi peminjam-peminjam Hijrah. Sekian, Tuan Speaker.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN : Yang Berhormat EXCO saya nak tanya. Sekiranya peminjam meminjam tidak dapat membayar pinjaman walaupun kita dah memberi penjadualan semula adakah sebarang tindakan diambil terhadap peserta-peserta ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Kalau kita lihat dari jumlah mereka yang telah berjaya membayar 70% dan ada yang tidak dapat membayar memang ada tindakan atau proses yang kita laksanakan. Selain kita berkali-kali untuk melaksanakan perbincangan ini malah kita juga memberikan mereka beberapa notis untuk mereka membayar semula tapi dalam masa yang sama pihak Hijrah lebih suka untuk membuat satu pendekatan untuk membimbang mereka dan kali ini pula di bawah pembangunan usahawan kita gabungkan usaha ini dengan kita membuka satu program iaitu Klinik Keusahawanan Selangor. Maknanya kita nak mereka tampil ke depan berbincang. Ada di kalangan mereka yang tidak dapat bayar ini walaupun kita telah pun membuat usaha ada di kalangan mereka yang tidak dapat dikenal pasti. Ada yang telah berpindah. Kita lihat pandemik COVID sekarang ini, masalah ini terkesan bila mana ramai yang bermiaga dulu dan tinggal di Selangor dan sekarang ini tidak dapat dikesan disebabkan mereka telah pun berpindah balik kampung sebenarnya. Jadi di sini juga kita cuba untuk melihat bagaimana keadaannya tetapi kalau sampai berkali-kali dan semua proses telah dilaksanakan jadi kita akan bentangkan balik kepada pihak Lembaga untuk tengok bagaimanakah sama ada

30 OGOS 2021 (ISNIN)

mereka ini wajar dilupuskan mereka punya pembayaran atau mereka akan dikenakan tindakan seterusnya. Tapi semenjak kita laksanakan sewajarnya kita tidak mengambil dasar yang keras tapi lebih kepada membimbing dan membantu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Tuan Speaker, soalan Ijok no. 59.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : MASALAH BANJIR DI KAMPUNG RANTAU PANJANG IJOK

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan tindakan Kerajaan Negeri untuk mencegah air dan lumpur dari Tadahan Air HORAS yang sering berlaku di kawasan kampung merosakkan harta dan tanaman?
- b) Adakah spesifikasi pembinaan benteng-benteng yang sedia ada di projek HORAS cukup untuk mengelak bencana alam?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Ijok, Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat Ijok bertanyakan soalan berhubung dengan persoalan masalah banjir di Kampung Rantau Panjang, Ijok, apakah usaha Kerajaan Negeri dalam mencegah air lumpur dari tadahan air HORAS 600 yang sering berlaku di kawasan kampung. Untuk makluman Yang Berhormat Ijok HORAS 600 ataupun *Hybrid Of River Augmentation System* atau kolam takungan air mentah alternatif bagi keperluan air mentah tambahan sebanyak 300 juta liter sehari kepada Sungai Selangor. Berhubung insiden banjir pada 19 Julai 2020 di Kampung Rantau Panjang, siasatan yang telah dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab yang berwajib termasuklah JPS mendapati ia bukan berpunca daripada aliran limpahan atau kegagalan struktur kolam takungan HORAS 600. Hasil siasatan lanjut mendapati tiada limpahan air melimpah atau mengalir ke sungai utama atau ke kawasan seperti yang dilaporkan. Berdasarkan rekod paras Sungai Selangor pada hari kejadian berada pada paras tinggi dan di dalam zon berjaga-jaga.

Kawasan yang terjejas dengan banjir itu berada pada kawasan lembah dan sistem perparitan yang tidak efisien di kawasan tersebut menjadi punca utama air larian hujan bertakung. Ketiadaan sistem perparitan yang sempurna menyebabkan 'backflow' air

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Iarian yang tidak dapat mengalir ke Sungai Selangor dan menyebabkan banjir kilat. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada pihak JPS Kuala Selangor, JPS telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan sistem saliran Kg. Rantau Panjang dan menaiktaraf ‘culvert outlet’ saliran ke Sungai Selangor dengan anggaran kos sebanyak RM20,000.00. Sekian.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ijok.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker, kalau tengok keadaan yang banjir lumpur itu, lumpur tu datangnya dari kolam. Kalau banjir tu oleh sebab air oleh perparitan tidak sempurna air tu *backflow*, tapi rumah yang kena tu nampak saya nampak lumpur datang dari kolam menurun ke bawah, jadi itu lah tanda tanya masyarakat di situ. Adakah ban-ban yang dibuat itu selamat akan mengatas masalah kerosakan harta dan juga tanaman banyak peladang di situ pun dia memberitahu banyak tanaman-tanaman mereka seperti durian pun rosak oleh sebab banjir di kawasan itu, dan saya tahu ada separuh pihak pun telah mengambil tindakan undang-undang ke atas kerajaan jadi Ijok mahu tahu, kita kena berwaspada prihatin *and make sure the specs is okay* untuk keselamatan rakyat di situ.

Y.B. TUAN IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih, Y.B. Ijok, untuk makluman Y.B. Ijok dan Ahli Berhormat yang lain saya sebenarnya sudah beberapa kali berucap di Dewan ini berhubung dengan isu banjir terutama di kawasan berkenaan yang berkaitan dan kawasan ini sebagaimana mana saya sebut sebelum ini pun adalah kawasan rendah dan saya rasa terdedah kepada banjir dan saya memang ada jawapan untuk secara menyeluruh dalam penggulungan nanti berhubung dengan soalan sebab di sentuh oleh Y.B. Ijok dalam pembahas titah ucapan Tuanku, jadi saya akan sentuh di dalam, cuma saya nak sebut di sini ialah bahawa kalau berlaku lumpur ini bukan sebenarnya, bukan daripada kolam biasa. Kalau lumpur banjir lumpur dia adalah kawasan-kawasan baru yang diteroka atau pun pembangunan itu yang menyebabkan banjir lumpur kolam ini kolam yang dah lama jadi tidak akan mengeluarkan lumpur daripada sini sebab airnya dah stabil kolam ini dan kita telah membuat pemantauan berulang kali sentiasa memastikan ban itu kukuh dan tidak ada tanda-tanda *breach* ataupun pecahnya ban di HORAS 600 ini, di mana kajian telah dibuat oleh jabatan dan agensi berkaitan jadi tidak timbul isu, dan tidak ada juga *discharge* daripada situ, ketika yang itu kita takung di situ. Jadi ini bukan punca daripada HORAS 600, banjir lumpur ini banyak faktor yang boleh memberi sebab untuk terutamanya pembangunan, kawasan-kawasan pertanian baru diteroka atau pun kawasan binaan baru yang membawa mengalirkan air melalui sungai dan juga sistem *storm water* ataupun *drainage* daripada dalaman yang membawa air lumpur ke kawasan yang lembah. Tempat ini saya sebut tadi kawasan yang lembah jadi tentulah airnya akan semua terkumpul di sini dan dia tidak dapat mengalir ke Sungai Selangor, sebab Sungai Selangor ketika airnya tinggi yang memerlukan sistem yang

30 OGOS 2021 (ISNIN)

saya sebut awal-awal dulu, yang sedang dalam pembinaan iaitu, *system pumping station* dan sebagainya yang diperlukan bagi menangani isu banjir di kawasan-kawasan rendah ini. Sekian, terima kasih.

TAUAN SPEAKER : Dusun Tua

Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF : Tuan Speaker, soalan saya No.60

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF (N23 DUSUN TUA)

TAJUK : SMART SELANGOR

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah terdapat perubahan terhadap hala tuju Smart Selangor selepas negeri terkesan dengan pandemik COVID-19?

JAWAPAN :

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Dusun Tua atas soalan yang telah dikemukakan berkenaan dengan pelaksanaan *Smart State* atau pun Smart Selangor menjelang 2025. Berdasarkan perkembangan dan ramalan semasa, kerajaan negeri tidak menjangka akan ada sebarang perubahan kepada hala tuju program Smart Selangor. Namun, ramalan ini adalah berdasarkan kepada keadaan terkini pandemik COVID-19 dan keupayaan kewangan kerajaan negeri. Sebagai mana yang sedia maklum kerajaan negeri meletakkan perbelanjaan yang besar bermula tahun lepas tahun 2020 dan tahun 2021 untuk memastikan program-program yang direncanakan di bawah Smart Selangor berjalan dengan baik dan kita berjaya mencapai hala tuju menjadi sebuah *Smart State* menjelang tahun 2025. Ahli yang Berhormat sekalian sebelum ini Smart Selangor meletakkan 12 domain sebagai hala tuju sekarang telah memudahkan kepada 4 domain iaitu, kita namakan sebagai *Smart Government, Smart Economy, Smart Community dan Smart Digital Infrastructure*. Dalam keempat-empat bilah *pillar* ini ataupun tiang seri ini kita meletakkan inisiatif sebagai contoh dalam program *Smart Government*, kita meletakkan program seperti *CCTV Analytic Smart Selangor Data Platform* dan juga pengupayaan *Smart Selangor Operation Centre* ataupun *Command Centre*. Kita yang berada berdekatan dengan bangunan Dewan ini, dalam program *Smart Economy* kita letakkan program sebagai contoh *Smart Selangor as platform* dan beberapa inisiatif-inisiatif seperti SELDEC dan *Smart Community* kita turut laksanakan beberapa yang telah berjalan dengan baik sebagai contoh *Smart Selangor Parking, Selangor Intelligent Transform System (SITS)*

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Intelligent Response Selangor atau pun IRS yang berkenaan dengan jalan berlubang dan sebagainya yang terus berjalan sehingga kini. Dalam *Smart Digital Infrastructure* contoh kita melaksanakan *Selangor Gigabyte Network* dan ini membantu banyak *command center* kita juga memberi unit kita mendapat pencapaian yang pantas dan cepat dan juga beberapa inisiatif-inisiatif lain yang sedang direncana dan dirancangkan hasil daripada COVID-19 sebenarnya berulang kali saya lihat ia telah mempercepatkan proses digitlisasi di dalam negeri dan negara kita. Kalau kita lihat dengan inisiatif yang bermula sejak tahun 2016 lagi dengan permulaan blueprint semuanya berjalan dengan lebih pantas dan penerimaan *public* dan masyarakat juga lebih pantas program yang dirancangkan kita sebagai contoh bila kita mulakan dahulu kita hanya melatih sekitar 100 orang satu-satu tahun bagi tiap tahun untuk program Selangor Apps yang melatih dan juga mencuba untuk digital kan mereka yang terlibat dalam bidang perniagaan tetapi dengan program e-Bazar kita mampu menjemput lebih daripada 20,000 peserta-peserta dan rakyat juga menggunakan beberapa inisiatif-inisiatif dengan lebih pantas ketika pandemik ini dan saya beranggap pandemik ini hikmah yang nampak positif ialah mempercepatkan digitlisasi dan ini selari dengan hasrat kerajaan negeri mencapai sebuah *Smart State* menjelang tahun 2025, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Y.A.B Dato' Menteri Besar saya ucapkan terima di atas komitmen yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri untuk meneruskan inisiatif membangunkan Selangor sebagai sebuah *Smart State*. Cuma, pertanyaan saya apakah Kerajaan Negeri ada perancangan untuk selaraskan inisiatif-inisiatif Smart Selangor ini dengan inisiatif Mydigital yang diterajui Oleh Kerajaan Persekutuan, sebagai contohnya konsep ataupun inisiatif *open data* di mana perkongsian data di antara agensi-agensi kerajaan dengan jabatan-jabatan dan kementerian dan juga *cloud computing* ataupun istilah pengkomputeran awam di mana kita boleh menyimpan data-data kerajaan ini 80 peratus dengan menggunakan *cloud computing*. Jadi persoalan saya ialah apakah Kerajaan Negeri ada perancangan untuk menyelaraskan inisiatif *Smart Selangor* dengan Mydigital. Terima kasih Tuan Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Bukit Antarabangsa atas soalan yang ditanyakan. Sudah pasti asas utama untuk melaksanakan program seperti *Smart State*, satu inisiatif baru kerap kali kita selalu diingatkan bahawa kita tidak boleh *work in silos* atau pun bekerja secara sendirian kalau kita secara sendirian ia tidak menghubungkan data-data itu, kalau kita sebut tentang *Smart State* biasanya kita akan sebut analisa data raya ataupun *big data analysis*, *big data analysis* hanya mampu dicapai apabila kita mampu mengabungkan data-data dan maklumat itu bersama dan bagi pihak kerajaan negeri sebagai mana yang kita cuba laksanakan ketika pengawalan pandemik perkongsian data merupakan salah satu daripada isu

30 OGOS 2021 (ISNIN)

penting yang mampu untuk kita atau pun menjangkakan sebarang perubahan dan pergerakan penyakit juga dalam pergerakan serta *attitude* atau pun sikap manusia yang boleh di canai atau pun yang di boleh disemak di dalam program-program atau pun rencana yang direncanakan, dari situasi itu kita tidak ada masalah kalau terbuka kita boleh bincangkan termanya sudah pasti ada syarat-syarat tertentu kerana ia melibatkan data dan maklumat dan kita tertakluk di bawah PDPA dan PDPA menetapkan beberapa garis dan ini antara syarat yang kita tetap laksanakan dan patuh kepada MCMC jawapan nya YA dan kita terbuka sudah pasti ia adalah selari dengan hasrat lebih lagi Selangor merupakan nadi kepada ekonomi nadi kepada pergerakan dalam Negara kalau kita tidak berkongsi ia tidak akan membawa maklumat, terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Banting

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada Y.A.B tentang... Y.A.B Menteri Besar memandangkan konsep *Smart Digital* Selangor dan Smart Mydigital ini sebenarnya melibatkan dasar *cabotage* negara yang lebih terbuka dan tidak semesti apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan sekarang. Saya ingin bertanya kepada Y.A.B Menteri Besar sama ada kerajaan negeri akan membuat seruan kepada Bukit Antarabangsa yang akan dilantik selaku Menteri Kanan tidak lama lagi untuk memastikan dasar *cabotage* negara yang diasalkan, yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan yang baru buktikan agenda Smart Selangor dan agenda Mydigital ini dimansuhkan untuk membenarkan lebih ramai pelaburan asing dalam sektor ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih, soalannya untuk Bukit Antarabangsa, bukan untuk saya. Jadi, soalannya dasar tiada kaitan dengan pihak pentadbiran negeri tetapi ia sedikit sebanyak ada kesan kerana ia melibatkan kabel bawah laut dan sebagainya yang sikit sebanyak ada kesan kepada tarikan pelabur-pelabur sudah pasti ia harus difikirkan dengan cermat kerana kita memang itu hala tuju dan itu adalah masa depan, itu sekarang perlu lakukan dan perubahan yang besar itu perlu dilaksanakan, walaupun ada asas untuk itu pada sektor dan sudut pandang yang lain terima kasih.

TUAN SPEAKER : Bukit Melawati

Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya 61

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PEMBELAAN PARA PENIAGA KOMPLEKS PKNS

61. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tindakan dan usaha Kerajaan Negeri dalam membantu dan membela para Peniaga di Kompleks PKNS seperti di Shah Alam, Bangi dan Kuala Selangor pasca pandemik COVID-19?
- b) Apakah perancangan jangka pendek dan panjang bagi membolehkan para peniaga dapat terus menjalankan perniagaan?

JAWAPAN :

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Speaker dan soalan daripada Bukit Melawati. Sebenarnya soalan ini telah pun saya gulungkan sekali dengan soalan ataupun persoalan yang telah ditimbulkan oleh Kota Anggerik baru-baru ini walau bagaimanapun saya akan bacakan sekali lalu dan saya akan sambung kepada soalan yang kedua iaitu saya ingin memaklumkan di sini isu yang berbangkit kepada semua para peniaga kompleks PKNS, antara usaha Perbadanan PKNS ataupun melalui anak syarikat iaitu PKNS Real Estate Sdn. Bhd. (PREC). Ada 8 perkara yang telah diberikan bantuan kepada peniaga-peniaga yang menyewa di Kompleks PKNS baik di Shah Alam, Bangi atau pun Kuala Selangor, iaitu pertama pengecualian bayaran sewa yang mana telah pun dilaksanakan yang mana idea telah pun kita memberikan satu kelonggaran iaitu mereka tidak perlu atau pun pengecualian sewa bayaran daripada tempoh PKP yang telah pun diumumkan sehingga kini. Yang kedua rebat sewaan kita memberi, ataupun PKNS memberikan rebat sewaan daripada 10% atau pun 10 peratus kepada 50 peratus kepada penyewa Kompleks PKNS sejak April 2020 lagi sehingga 2020 dan sekarang ini ia nya masih diberikan tetapi bergantung pada jenis perniagaan yang mereka lakukan. Yang ketiga pengecualian pembayaran faedah lewat bayar yang ini juga pihak PREC telah pun memberikan pengecualian kepada pembayaran faedah lewat dulu ada tetapi semenjak pandemik kita batalkan ataupun kecualikan terus faedah pembayaran lewat bayar ini yang ia nya akan dilaksanakan dijangka sehingga Disember 2021.

Seterusnya bantuan atau pun bimbingan atau pun perkara kita bela para peniaga itu dengan kita atau pun PREC melaksanakan Bazar Lokal ini adalah platform e-Dagang khusus yang dibuat oleh PREC iaitu untuk para peniaga melakukan bisnes secara atas talian, supaya mereka tidak tertinggal supaya mereka tidak orang kata resah disebabkan banyak barang-barang mereka yang tidak dapat jual kalau kita lihat kan PKP ini berlangsung dan kita dapat sehingga kini Bazar Lokal sudah pun mempunyai lebih 500 produk yang dimuat naik dengan lebih daripada 200 peniaga yang telah pun terlibat daripada semua penyewa-penyewa yang ada. Yang kelima, aktiviti di ruang legar iaitu program Jom Beli dan *insyaAllah* sekarang ini dengan adanya sedikit

30 OGOS 2021 (ISNIN)

kelonggaran pihak-pihak pembeli akan boleh *walk-in* atau pun datang semula untuk membuat pembelian, selain daripada itu ada promosi di media sosial dan juga promosi di ruang-ruang iklan yang telah pun ditentukan. Bukit Melawati bertanya tentang jangka pendek dan jangka panjang apa pelan yang dibuat, pelan jangka pendek PKNS telah bersetuju telah bersetuju untuk memberikan pengecualian pembayaran sewaan yang sebagaimana yang saya sebut tadi, dan jangka panjang kita mahu supaya semua penyewa-penyewa ataupun peniaga-peniaga di PKNS hendaklah berada di dalam juga menyewa atau pun bukan maksud saya mesti lah mereka itu berada di atas secara talian juga mereka ada dua perniagaan satu fizikal dan juga satu secara maya yang jangka panjang PKNS bercadang akan bersama-sama dengan peniaga bagi mempromosikan Kompleks PKNS Kuala Selangor bagi menarik perhatian orang awam dengan media pengiklanan secara atas talian serta menyediakan platform dengan kerjasama *Shopee* dan juga *Lazada*, memandangkan ia satu *trend* pembelian, sebarang produk pada masa ini jadi itu sahaja jawapan daripada saya Tuan Speaker, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Banting

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ke 62.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LAU WENG SAN (N52 BANTING)

TAJUK : CONTACT TRACING MELALUI SELANGKAH

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan Selangor masih menjalankan *contact tracing* melalui SELangkah sekarang? Bagaimana kerja-kerja *contact tracing* ini boleh dilakukan sekiranya tiada kerjasama dan perkongsian maklumat antara Kerajaan Selangor dengan Kementerian Kesihatan Malaysia?

JAWAPAN :

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : *Bismillahirahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Banting. Soalan ini Yang Berhormat Tuan Speaker akan saya menjawab bersekali dengan soalan dari Gombak Setia nombor 185 dan Kampung Tunku nombor soalan 228 (b). Untuk Gombak Setia 185 (a). Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, secara lazimnya penjejakan kontak boleh dibahagikan kepada dua jenis penjejakan iaitu kontak kasual dan kontak rapat. SELangkah pada awalnya dibangunkan bagi mengoperasi kedu-

30 OGOS 2021 (ISNIN)

dua jenis penjejakan kontak. Namun memandangkan terdapat beberapa kekangan seperti keengganan perkongsian data daripada Kementerian Kesihatan serta tindakan mewajibkan penggunaan aplikasi MySejahtera bagi penjejakan kontak kasual melalui Kod QR, SELangkah telah menyatukan fungsi penjejakan kontak kasual bersama MySejahtera, ini dapat dilihat apabila sejak Februari 2021 aplikasi SELangkah yang dilancar semula telah ditambah baik dengan pertambahan fungsi yang boleh mengimbas Kod QR MySejahera, dengan ini ke semua data pengguna SELangkah bagi penjejakan kontak kasual dilaksanakan oleh MySejahtera. Sehubungan itu Kerajaan Negeri telah mengubah fokus fungsi SELangkah dengan memberi lebih penekanan jenis penjejakan kontak rapat yang lebih menyumbang kepada kes positif di Negeri Selangor ini. SELangkah telah menambah baik keadaan pengesanan kontak rapat di Negeri Selangor melalui beberapa kaedah berikut :

- i. Membina pangkalan data penjejakan kontak rapat tersendiri hasil maklumat pelaporan individu daripada Program Saringan COVID-19 Kerajaan Negeri.
- ii. Membina pangkalan data penjejakan kontak rapat tersendiri hasil maklumat temu duga pesakit di Pejabat Kesihatan Daerah PKD, COVID-19 Assessment Center (CAC), Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) yang menggunakan Sistem SELangkah.
- iii. Membina pangkalan data penjejakan kontak rapat tersendiri hasil maklumat temu duga secara maya atau *virtual* pesakit yang sedang menjalani kuarantin kendiri di rumah.

Sehingga 8 Ogos 2021, seramai 164,354 individu telah dikesan merupakan kontak rapat melalui kaedah di atas. Kesemua maklumat yang diperoleh di kongsi bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, *Selangor Task Force COVID-19* dan petugas serta sukarelawan daripada *Greater Klang Valley Task Force*. Selain itu juga fungsi dan peranan aplikasi SELangkah kini telah ditambah baik dan dipertingkatkan lagi melalui beberapa aspek :-

- i. Peta risiko wabak. SELangkah turut menawarkan kemudahan peta risiko wabak secara *anonymous* bagi memberi maklumat awal tentang lingkung kawasan manakah yang mempunyai kebarangkalian transmisi jangkitan COVID-19 yang tinggi bagi pengetahuan dan tindakan pra pengguna. Peta SELangkah yang lebih interaktif membantu rakyat mengawal selia risiko sendiri.
- ii. Pendaftaran dan keputusan saringan COVID-19. Pendaftaran dan keputusan saringan komuniti COVID-19. SELangkah kini menawarkan kemudahan digital bagi pendaftaran penyertaan dan keputusan ujian saringan komuniti COVID-19 anjuran Kerajaan Negeri Selangor. Kemudahan ini telah diguna pakai oleh hampir 44,640 rakyat yang telah disaring menerusi program-program saringan yang dianjurkan oleh

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Kerajaan Negeri dengan lebih 2,312 dikesan positif dan dapat diasingkan lebih awal bagi memastikan tiada penularan di kalangan komuniti.

- iii. Fungsi pengurusan pesakit di peringkat Pejabat Kesihatan Daerah, CAC dan kuarantin di rumah. Fungsi SELangkah turut dibangunkan bersama-sama para petugas kesihatan Malaysia bagi menguruskan kes-kes di PKD dan CAC secara lebih mampan di Selangor. SELangkah turut dilengkapi fungsi kuarantin di rumah yang membolehkan pengawasan tahap kesihatan pesakit dipantau oleh petugas kesihatan. Sebanyak 40,990 kes positif telah berjaya diuruskan di CAC Stadium Melawati dan CAC Stadium Gombak. Semenjak sistem SELangkah diperkenalkan, seramai 21,200 pesakit telah diawasi melalui fungsi kuarantin di rumah dengan sifar kadar kematian di rumah. Akhir sekali SELangkah telah ditambah baik dengan fungsi sukarelawan. Apabila SELangkah turut mengendalikan keperluan sukarelawan bagi pengurusan COVID-19 di Negeri Selangor seperti pengurusan kawalan orang ramai *cloud control* di pusat-pusat CAC, pemantauan kuarantin di rumah dan pendaftaran vaksin bagi golongan buta IT.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO mungkin ada sikit lari daripada soalan, tentang keselamatan data, kerahsiaan data pesakit-pesakit ini. Adakah selamat dan apabila data ini dikongsi bersama MySejahtera, satu kebimbangan saya sebab saya difahamkan aplikasi MySejahtera itu sendiri tidak dibuat di Malaysia. Jadi bagaimana tentang faktor keselamatan data-data pesakit-pesakit itu sendiri.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Meru. Data-data di bawah SELangkah ini memang di bawah amanah Kerajaan Negeri dan ada data-data yang kita tidak perlu memberi kesemua maklumat dan dia boleh diberi secara *anonymous* untuk kontak kasual dan sebagainya. Dan saya ingin mengatakan bahawa inilah kadang-kadang alasan yang diberikan untuk tidak Kementerian Kesihatan berkongsi alamat, berkongsi data *anonymous* dengan kita atas sifat PDPA itu. Tetapi apa yang kita lakukan adalah melihat kepada keseluruhan data, yang membuat kerja itu bukan manusia tetapi AI itu sendiri yang mencerakinkan data yang sedia ada itu. Terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Banting.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sebenarnya soalan saya ada satu bahagian belum dijawab iaitu bagaimana mungkin fungsi penjejakan kontak ini boleh dilakukan oleh SELangkah sekiranya tidak ada perkongsian data daripada MySejahtera dan saya ingin bertanya apakah yang kita boleh lakukan untuk bagi memastikan dasar ini boleh diubah. Adakah Yang Berhormat akan membuat seruan terbuka kepada Bukit Antarabangsa yang sekarang ada di Dewan yang mulia ini, dah baliklah? Tak apalah, mungkin secara terbuka, Gombak Setia ada, supaya dasar ini diubah untuk membolehkan kluster pembuatan ini kita bolehkekang. Kita tak nak nanti ada orang tutup pintu depan, ada orang buka pintu belakang kluster naik dan kontrak rapat tidak boleh dilakukan. Adakah Yang Berhormat boleh bersetuju dengan saya, seruan ini harus dilakukan sekarang.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Yang Berhormat Banting. Sebenarnya tadi saya lupa menyebut bahawa SELangkah adalah satu aplikasi yang sebenarnya diluluskan oleh PDPA yang kita ada langkah keselamatan untuk melindungi data dari orang yang maklumat kita ada daripada mereka. *The only one actually* dan sebenarnya bila kita bercakap mengenai data ini Yang Berhormat semua faham kita sudah kita cuba untuk menghubungkan kedua-dua data ini dan kami masih lagi untuk mendapat mandat daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk berjumpa dengan Menteri Kesihatan yang baru untuk kita boleh menyelaraskan di antara data MySejahtera dan data SELangkah. Data yang kita ada, adalah data yang mereka yang menggunakan aplikasi SELangkah. Kalau mereka tidak menggunakan aplikasi SELangkah maka kita tidak ada mereka dengan kita. Jadi maknanya kalau siapa yang hanya menggunakan MySejahtera dan sebagainya dan tidak ada langsung akses atau tidak mahu akses kepada SELangkah kita tidak ada data mereka. Jadi kontak *tracing* kita hanya berupaya di antara mereka. Jadi yang ada kita sekarang, CAC menggunakan SELangkah, PKD menggunakan SELangkah tapi belum seluruh Selangor sebab khidmat untuk CAC program belum pergi ke semua daerah di dalam Negeri Selangor lagi.

Y.B TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya untuk soalan nombor 63. Terima kasih.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR (N05 HULU BERNAM)

TAJUK : PELABURAN DOMESTIK

30 OGOS 2021 (ISNIN)

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai pelaburan yang masuk ke Negeri Selangor sejak Januari 2020 hingga sekarang mengikut kategori dan jenis pelaburan?
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa pelaburan di Selangor sentiasa diyakini oleh pelabur?

JAWAPAN :

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bagi tempoh Januari 2020 hingga sekarang, Negeri Selangor telah mencatatkan jumlah nilai pelaburan sebanyak RM 22,447,511,340 (RM 22.45 Bilion) dengan 411 projek perkilangan diluluskan. Dari jumlah ini sebanyak RM 10.43 Bilion adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 12.02 Bilion daripada pelaburan asing. Sebanyak 27,491 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan. Tuan Speaker, Negeri melalui Invest Selangor selaku agensi penggalakan pelaburan sentiasa melaksanakan berbagai program dalam usaha memastikan Negeri Selangor kekal relevan dan sentiasa diyakini oleh pelabur. Walaupun dalam keadaan dunia dilanda pandemik COVID-19 ketika ini, ia tidak menghalang untuk pihak Kerajaan Negeri melaksanakan program-program promosi yang telah dijadualkan dan dirancang sebelum ini menerusi pelbagai kaedah seperti webinar, persidangan dan pameran secara maya (*virtual*). Bagi program-program secara fizikal pula, perlaksanaan program – program tersebut mengikut SOP yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan dalam memastikan sektor pelaburan terus berkembang di Selangor adalah seperti berikut; -

i. **Perancangan Strategik:**

Perancangan Strategik dengan perlaksanaan pelan tindakan seperti pelaksanaan Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Negeri Selangor dengan izin (*Selangor Aerospace Action Plan*) dan penyediaan Pelan Tindakan Bioteknologi Selangor dengan izin (*Selangor Biotechnology Action Plan*).

ii. **Pelaksanaan Program Promosi Penggalakkan Pelaburan**

Bagi tempoh Januari hingga Julai 2021, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap telah melaksanakan sebanyak 121 program atau aktiviti bagi menggalakkan aktiviti pelaburan baru dan penambahan pelaburan sedia ada. Walaupun perintah larangan ke luar negara masih berkuatkuasa disebabkan Pandemik COVID-19, pihak Invest Selangor mengambil pendekatan dengan mengadakan program *Virtual*

Investment Mission dan juga *Round Table Meeting* dengan izin bersama pelabur berpotensi dari luar negara.

Dalam memastikan penyaluran maklumat serta mempromosikan sektor perdagangan, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor telah membangunkan Selangor Business Hub Portal serta akan menganjurkan pameran *Selangor International Business Summit (SIBS) 2021* dan juga *Selangor Aviation Show (SAS) 2021*.

iii. Program – Program Menyantuni Pelabur (Investor Engagement Programs)

Selain usaha menarik pelaburan, Kerajaan Negeri juga turut membantu pihak pelabur dalam proses–proses pelaksanaan pelaburan mereka dan membantu menyelesaikan isu berbangkit menerusi mesyuarat penyelaras projek yang diadakan setiap bulan. Dalam menyediakan persekitaran kawasan perindustrian yang kondusif dan selesa kepada pihak pelabur, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan mengadakan mesyuarat *Industrial Park Management Committee* dengan izin (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu – isu yang berbangkit. Mesyuarat ini diadakan secara berkala setiap tiga bulan yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua atau Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran.

iv. Penubuhan Jawatankuasa Petugas Khas Pembangunan.

Dalam membantu merancakkan pembangunan ekonomi serta perlaksanaan projek oleh pihak swasta, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan cadangan Penubuhan Jawatankuasa Petugas Khas Pembangunan di Selangor Golden Triangle yang akan membantu menyelaras perlaksanaan pembangunan beberapa mega projek oleh pihak swasta yang melibatkan Daerah Sepang dan Kuala Langat.

Y.B TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Semenyih.

Y.B TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Terima kasih Tuan Speaker. Semenyih ingin mengambil kesempatan ini untuk buat soalan tambahan untuk pelaburan domestik ini kita akui selaku adalah Selangor merupakan peneraju utama tapi saya harap lepas ini pandangan dan cadangan saya supaya Kerajaan Selangor mewajibkan tiap-tiap pelaburan ini mendapat tempat di kilang-kilang disediakan penempatan untuk pekerja-pekerja khususnya menangani masalah COVID-19 fasal sekarang banyak pekerja-pekerja di sewa di kawasan-kawasan perumahan orang ramai yang banyak menjaskan kesihatan setakat ini yang kita maklum. Kita harap

30 OGOS 2021 (ISNIN)

pelabur akan datang mengambil kira penempatan pekerja-pekerja khususnya daripada kalangan pekerja-pekerja asing inilah. Terima kasih, cadangan saya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sememangnya telah pun menggalakkan pihak pengilang atau pelabur yang mempunyai tanah yang luas untuk membina asrama pekerja di dalam kawasan kilang mereka. Setakat ini, kilang yang besar yang melaksanakan itu adalah seperti Hartalega, di mana lebih daripada 3,000 orang pekerja menghuni di kawasan kilang mereka itu sendiri. Itu ialah satu contoh atau satu modul yang baik. Tetapi kita tidak dapat sekarang ini untuk membuat apa-apa Undang-undang untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah pun sedang dalam proses akan melaksanakan dengan secepat mungkin iaitu menggalakkan pihak Pemaju untuk memajukan MIP (*Manage Industrial Park*) di mana untuk kawasan industri baru yang cukup besar, maka kita berikan insentif untuk mereka bagi membolehkan mereka menguruskan kawasan itu sendiri termasuk mengadakan asrama untuk pekerja-pekerja bagi kilang-kilang yang membina kilang mereka di dalam kawasan tersebut. Bererti, ada satu asrama setempat, asrama yang boleh dikongsi oleh pekerja-pekerja daripada berbagai-bagai kilang di dalam kawasan MIP tersebut. Terima kasih.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Seri Setia.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya hendak tanya pihak Kerajaan Negeri ada tak perancangan untuk membangunkan kawasan FIZ (*Free Trade Industrial Zone*) Sungai Way memandangkan di situ pun telah ada asrama yang dibina oleh PKNS?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, FIZ (*Free Trade Industrial Zone*) di kawasan Seri Setia, itu bukan milik Kerajaan. Kawasan itu memang ada diisyiharkan sebagai *Free Trade Zone* tetapi pembangunannya tidak berkaitan dengan Kerajaan Negeri tetapi kalau ada, kita menggalakkan. Sekarang ini, saya kira ada sebuah syarikat daripada Taiwan telah pun membeli satu kilang yang cukup besar, saya lupa syarikat yang asalnya, tetapi cukup besar dan mereka memerlukan asrama dan sementara itu, kita melalui PKNS telah pun membina sebuah asrama di hadapan kawasan *Free Trade Zone* tersebut dan saya kira buat masa ini adalah mencukupi untuk keperluan kilang-kilang yang dibina di dalam kawasan *Free Trade Zone* tersebut.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Speaker, soalan tambahan.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Tuan Speaker. Tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat bahawa IPMC (*Industrial Park Management Committee*) mengadakan mesyuarat tiga (3) bulan sekali. Saya sangat setuju kalau IPMC ini boleh diperkasakan, tetapi mungkin ya lah, saya minta kalau ada jawapan daripada peringkat Majlis-majlis Tempatan berapa banyak sebenarnya yang berlaku mesyuarat yang ada pada hari ini? Kerana saya ingat daripada rujukan yang sebelum ini, kadang-kadang sekali ataupun dua kali sahaja dan saya dapat *respond* daripada Pengusaha-pengusaha kilang yang dulu hadir di dalam mesyuarat pun seolah-olah dia sudah hampir *give up* dengan perkara-perkara yang dibincangkan dan tidak ada penyelesaiannya. Apakah perancangan, mungkin Kerajaan Negeri untuk terus memperkasakan IPMC ini supaya ia benar-benar memberikan impak yang baik kepada sistem industri negara kita?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, Tuan Speaker, sebenarnya saya sentiasa memantau perkembangan perjalanan Mesyuarat IPMC, di dalam setiap Jawatankuasa, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap yang diadakan tiga (3) kali setahun, saya akan melihat jadual yang menunjukkan berapa kali setiap PBT mengadakannya dan saya sentiasa memberi teguran kepada PBT yang gagal melaksanakan Mesyuarat IPMC mengikut jadual. Walau bagaimanapun, di beberapa kawasan memang tidak banyak isu yang dibangkitkan maka mungkin ia kurang sekali dalam tiga (3) kali yang kita tetapkan. Kita lihat kepada keadaan dan bukan sahaja bilangan mesyuarat yang kita lihat tetapi juga bilangan kes yang diselesaikan. Itu adalah penting dan buat masa ini, saya kira, melalui FMM (*Federal Manufacturing Malaysia*) cawangan Selangor, mereka agak berpuas hati dengan perjalanan IPMC khususnya di daerah-daerah yang giat dalam perkilangan ini termasuk Klang dan Petaling dan Kuala Langat mungkin sebelum ini tidak banyak perindustrian tetapi saya akan meninjau, melihat sama ada mereka aktif kerana banyak kawasan industri telah pun dibangunkan di dalam kawasan Majlis Perbandaran Kuala Langat. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Templer.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Soalan saya Nombor 64.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

30 OGOS 2021 (ISNIN)

- a) Apakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membina projek perumahan mampu milik di Daerah Gombak terutama di DUN Taman Templer? Jika ada mohon disenaraikan.

JAWAPAN :

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Speaker, terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Taman Templer bertanya tentang projek-projek Perumahan Mampu Milik di daerah Gombak khususnya di Taman Templer. Untuk makluman Taman Templer, sehingga 31 Julai 2021 terdapat satu (1) projek Rumah Selangorku di kawasan DUN Taman Templer yang telah diluluskan iaitu :

Bil	Pemaju / Lokasi	Jenis / Jumlah Unit
1	Setia Eco Templer Sdn. Bhd. Pekan Templer, Daerah Gombak.	Jenis A: 117 Jenis C: 246 Jenis D: 25 Jumlah : 388

Walau bagaimanapun, pembinaan Rumah Selangorku di Setia Eco Templer tersebut terpaksa ditangguhkan berikutan isu mendapan tanah ketika kerja cerucuk sedang dijalankan. Pihak Pemaju telah mengemukakan semula jadual pembangunan yang baharu dan mereka telah menyatakan, *insyaAllah*, dimulakan semula pada tahun 2022 setelah proses merawat tanah itu selesai. Bagi memohon ataupun menampung permintaan sedia ada selain yang telah pun saya nyatakan, sebenarnya, rakyat ataupun masyarakat boleh memastikan ataupun memohon rumah-rumah yang ada di sekitar Parlimen ataupun di daerah Gombak yang mana penduduk di sekitar, Kerajaan telah pun meluluskan sebanyak 36 projek yang dengan itu akan menampung 20,374 buah unit Rumah Selangorku di seluruh daerah Gombak. Ada tiga (3) jenis pembangunan yang sedang ataupun yang boleh saya cerakinkan tetapi panjang, saya akan bekalkan. Saya hanya buat rumusan sahaja iaitu Rumah Selangorku siap bina di daerah Gombak, ada tiga (3) yang mana telah pun menyediakan 696 buah unit rumah, yang sedang dibina ya, masih sedang dibina adalah lima (5) projek besar iaitu sebanyak 1,568 buah unit ditawarkan dan dalam perancangan, maknanya mereka telah pun mengemukakan permohonan untuk membuat projek Rumah Selangorku, dalam permohonan, banyak, ada 24. Kita tengok tahun ini agak meriah sedikit di Gombak ini. Sebanyak 24 projek yang mana akan memberi ruang kepada 18,110 unit rumah untuk dimiliki ataupun dimohon oleh mereka yang tinggal di sekitar daerah Gombak. Itu sahaja Tuan Speaker, terima kasih.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Tuan Speaker.
Soalan saya Nombor 65.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI (N12 JERAM)

TAJUK : TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI SELANGOR

65. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah jangkaan siap sepenuhnya pelupusan sisa pepejal di kawasan Jeram?
- b) Apakah jaminan baik pulih infra yang telah rosak akibat laluan pengangkutan sisa pepejal yang selalu menggunakan jalan kampung?
- c) Apakah tanggungjawab CSR kepada penduduk yang tinggal berhampiran dengan tapak pelupusan pepejal?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Tuan Speaker, tapak pelupusan Jeram sedia ada berkeluasan 290.8 ekar menerima jumlah sisa pepejal purata di dalam 3,500 metrik tan sehari dan mula beroperasi dari tahun 2007. Tapak sedia ada dijangka mampu bertahan sehingga tahun 2025. Kerajaan Negeri pada tahun 2018 telah meluluskan tanah seluas 200.2 ekar yang terletak bersebelahan tapak sedia ada untuk pembangunan Pusat Integrasi Pengurusan Sisa Pepejal (ISWMC) atau loji *Waste to Energy* (WTE) sebanyak 30 ekar dan berserta tapak pelupusan seluas 170 ekar.

Pusat Integrasi Pengurusan Sisa Pepejal yang juga dikenali sebagai WTE1 dan 2 dijangka akan mula beroperasi pada tahun 2025 dengan kapasiti 2,700 metrik tan sehari. Oleh yang demikian, mengambil kira jumlah sisa pepejal yang akan diterima di tapak pelupusan, jangka hayat tapak pelupusan jeram yang berkeluasan 170 ekar mampu menampung pelupusan sisa pepejal untuk tempoh lebih dari 30 tahun akan datang.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Pihak Worldwide Holdings Berhad (WHB) sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan di dalam membantu memastikan penyelenggaraan infrastruktur sentiasa di tahap yang memuaskan. Untuk makluman, bagi tahun 2020 hingga kini, pihak WHB telah membelanjakan hampir RM3 Juta bagi kerja-kerja menaik taraf infrastruktur di tapak di kesemua tapak-tapak pelupusan di Selangor. Pihak WHB juga telah memberikan notis peringatan kepada semua pelanggan agar menggunakan laluan yang dibenarkan sahaja untuk ke tapak dan larangan masuk ke tapak akan dikenakan bagi pelanggan yang tidak mematuhi arahan berdasarkan aduan dari Pihak Berkuasa Tempatan.

Pihak Worldwide Berhad pada setiap tahun telah membuat sumbangan kepada penduduk setempat sama ada dalam bentuk kewangan atau lain-lain bantuan termasuk kepada pihak sekolah, masjid dan Persatuan Penduduk. Pihak Worldwide Berhad juga membantu pihak berkuasa tempatan di dalam melaksanakan kerja-kerja gotong royong setempat, sumbangan keperluan awam seperti tong sampah dan lain-lain yang berkaitan. Di samping itu, pihak Worldwide Berhad sentiasa memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat bagi membantu meningkatkan ekonomi penduduk tempatan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Jeram.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Tuan EXCO membacakan skrip yang diberikan oleh Worldwide. Sebenarnya, apa yang tertulis dan realitinya berbeza. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, baru-baru ini ada MOU dengan Worldwide dan juga Majlis PBT. Semasa perjumpaan saya dengan pihak Worldwide berkenaan dengan Western Energy, saya ada meminta 50% peluang pekerjaan diberikan kepada orang tempatan iaitu orang Jeram itu sendiri. Jadi, adakah pihak Kerajaan Negeri memandang serius perkara ini dan seperti mana yang saya meminta, 50% peluang pekerjaan itu akan diberikan? Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Jeram. Oleh sebab WB ini melibatkan, kita perlu tenaga kerja yang *technical*, sekiranya orang tempatan berupaya untuk menjalankan tugas yang akan diadakan di WB maka saya nampak tiada masalah bagi Worldwide untuk mempertimbangkan permohonan pekerjaan daripada orang tempatan. Jadi, yang paling penting sekali, kita perlu ada *qualification* untuk memegang jawatan tersebut. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sementa.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik dengan soalan (b) oleh Jeram iaitu tentang siapakah dan saya ingin bertanya siapakah yang akan membaik pulih jalan-jalan laluan lori-lori KDEB yang sentiasa berulang-alik pergi dan balik melalui jalan-jalan kampung ini terutama nya Kampung Bukit Kapar? Yang mana pada sidang yang lepas, saya ada menyebut bahawa kalau kita duduk di tepi jalan Kampung Bukit Kapar itu, minum di satu gerai di tepi jalan itu, kita boleh, mereka boleh mengira setiap 1 minit, lori KDEB ini akan lalu melalui Jalan Iskandar di Kampung Bukit Kapar ini. Jadi, sudah semestinya ia akan menyebabkan jalan-jalan yang dilalui dalam Kampung ini yang dilalui oleh lori-lori ini akan cepat rosak. Jadi, saya mohon agar pihak Kerajaan Negeri memantau jalan-jalan ini agar ia tetap dalam keadaan baik untuk kegunaan bersama penduduk kampung dan juga mungkin sudah memang itu laluan oleh lori-lori sampah ini maka ia perlu diselenggarakan dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Sementa. Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal merupakan satu perkhidmatan yang sangat penting dalam tempoh PKP ke, PKPD ke, PKPB, PKP 1,2,3 itu, pengurusan sisa pepejal tidak pernah berhenti dan tidak boleh berhenti. Dan, berkenaan jalan tadi, Y.B. Sementa sebut Jalan Kapar? Bukit Kapar? Okay, saya ambil maklum. Saya akan minta agensi untuk buat semakan, jalan itu di bawah agensi yang mana, adakah di bawah Pejabat Daerah, MPK ataupun di bawah Worldwide dan kami akan buat semakan dan pemantauan akan diadakan. Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat Sungai Pelek.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sebut Yang Berhormat ya, Yang Berhormat, jangan YB ya.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan WTE yang akan diadakan di Jeram itu begitu besar, yang katakan akan membakar ataupun menerima lebih daripada 2,000 tan sehari, jadi, adakah semua aspek telah ditinjau, diteliti di bawah Undang-undang termasuk EIA, *social impact*, Pendengaran Awam, adakah semua telah dibuat? Itulah soalan saya.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker, sebenarnya soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Sungai Pelek ini telah agak jauh daripada soalan pokok tetapi saya akan jawab dengan ringkas...

TUAN SPEAKER : Kalau jauh, tidak payah jawablah Yang Berhormat, tidak perlu jawab.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tidak payah jawab, okay terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sentosa

Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE : Selamat pagi dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan saya Nombor 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN GUNARAJAH A/L R GEORGE
(N48 SENTOSA)**

TAJUK : PENGURUSAN BENCANA DAERAH

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Mengapakah pengurusan bencana daerah tidak melibatkan ADUN kawasan dalam pengurusan bencana daerah seperti perlaksanaan PKPD, penempatan PPV dan CAC, dan juga perlaksanaan Program Vaksin Outreach?

JAWAPAN :

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Speaker dan juga Sentosa atas pertanyaan yang telah dikemukakan. Pengurusan Bencana COVID-19 adalah berdasarkan arahan MKN No. 20, dasar dan mekanisme Pengurusan Bencana. Pengurusan Bencana dikendalikan secara bersepadu oleh Agensi dan Jabatan-jabatan yang berkaitan sama ada di peringkat daerah, di peringkat Negeri dan juga di peringkat Persekutuan. Dan sebagai mana semua maklum dua kerangka besar yang memegang kepada COVID-19 ini adalah Akta 342, 342 Asasnya adalah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia. Majoriti daripada tindakan-tindakan dan arahan-arahan sama ada Perintah PKBD, pewartaan kawasan CAC, pewartaan kawasan-kawasan kuarantin, semuanya adalah pewartaan yang harus dibuat di peringkat Persekutuan dan ia adalah tertakluk pewartaan di bawah Jawatankuasa, di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa punca, punca kuasa di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

Justeru saya percaya kadang-kadang penempatan lokaliti kawasan-kawasan yang dibangkitkan, saya rasa Sentosa ingin merujuk kepada CAC yang berkaitan satu ketika dahulu yang tidak mungkin mendapat maklumat yang sebaiknya dan akhirnya terpaksa ditukar, dipindah. Saya rasa sahabat saya EXCO juga ada bangkitkan hal yang sama. Ya, memang ini antara masalah dan perkara-perkara yang timbul sedikit sebanyak, namun begitu memang selalu kita kerap kali galakkan untuk dilihat dan galakkan untuk berbincang. Cuma dalam beberapa waktu dan ketika kadang-kadang masa agak terhad, kadang-kadang pengumuman diumumkan dahulu sebelum kita

30 OGOS 2021 (ISNIN)

boleh merancang dan boleh menentukan sesuatu keputusan-keputusan seperti PKPD ini. PKPD, *Alhamdulillah* setakat ini kita tengok di Negeri Selangor, berjalan dengan baik malahan telah direkodkan PKPD kita tutup lebih awal daripada 2 minggu berbanding PKPD pertama di Sungai Lui yang memakan masa hampir sebulan. Tapi PKPD di Selangor sekarang, kurang daripada 2 minggu. Makna kadangkala cepat 8 hingga 5 hari. Ini menunjukkan bagaimana kita telah mengubah serta berjaya menyepakuan sama ada kerjasama di peringkat negeri dan daerah dan juga Ahli-Ahli Dewan Negeri secara keseluruhan.

Namun dalam hal pengurusan bencana, dia memang ada aturan tadi. Arahan MKN, Majlis Keselamatan Negara Bilangan 20 menetapkan bahawa DO akan melaksanakan kadangkala mungkin kita perlu membuat dengan segera. PKPD kita tidak boleh umum 2 hari awal, maksudnya umum 2 hari awal, kita hanya kepung rumah, orang dah tiada macam mana contohnya. Kadangkala perkara-perkara itu memang menimbulkan sedikit kekeliruan. Namun saya sudah berulang kali sebutkan agar di hubungi Ahli-ahli Dewan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen setempat supaya kita dapat mendapat pandangan, kadang-kadang pandangan itu tidak bertepatan dengan lokaliti, kita hanya mendapat tentang pelan dan juga anggapan-anggapan dan andaian-andaian itu, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Soalan tambahan. Saya rasa isunya bukan siapa punya bidang kuasa. Isu adalah pengurusan bencana, khususnya bencana COVID-19 adalah di bawah DO. Kemudian kes-kes COVID-19 yang berlaku di kawasan DUN masing-masing, memang banyak. Tapi ADUN tidak tahu di mana kes COVID-19 ini, macam mana kita boleh hantar bantuan dan sebagainya. Sehingga satu tahap yang terlalu lambat di mana PKPD terpaksa di laksanakan. Jadi saya hendak tanya Yang Amat Berhormat, bolehkah mulai bulan hadapan 1 September, pihak Pengurusan Bencana Daerah berkongsi maklumat tentang kes-kes COVID-19 dengan Adun-adun semua supaya kita boleh sama-sama menguruskan dan membantu pesakit-pesakit COVID-19.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Di peringkat awal sebagaimana yang disebutkan oleh EXCO Kesihatan tadi, memang ada usaha untuk kita elakkan daripada menghebahkan, di manakah rumah personel atau pun rumah individu-individu yang dijangkiti kerana di peringkat awal lagi ada masalah kerana mereka di pulaukan sekeluarga dan sebagainya. Tapi dalam isu yang ini adalah menyebabkan pengurusan dan sebagainya, jadi saya ingat kita boleh kemukakan, saya akan bawakan dalam Majlis Keselamatan Negeri Selangor yang saya pengurus untuk kita kongsikan. Sekali lagi perkongsian data ini bukan masalah punca kuasa, data itu bukan milik kita. Data milik pihak tertentu, milik pihak Kementerian, milik PKD dan

30 OGOS 2021 (ISNIN)

mereka beranggapan tidak wajar untuk didedahkan. Jadi itu yang menjadi isu dan juga hal yang berkaitan dalam pengurusan pandemik khususnya dalam pengawalan penyakit dan juga dalam penilaian risiko di satu-satu lokaliti dan kawasan, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Pandamaran.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No.67

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE (N47 PANDAMARAN)

TAJUK : PENUTUPAN KILANG DALAM PKP

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri diberi kuasa untuk menutup kilang *essential* walaupun mereka dapat surat MITI dalam masa PKP?
- b) Bolehkah Kerajaan Negeri di saman jika tidak mengikut arahan Majlis Keselamatan Negara?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tuan Speaker. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab memastikan sesebuah kilang beroperasi dengan mematuhi syarat lesen yang telah ditetapkan. Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri tidak akan menutup kilang sekiranya kilang tersebut mendapat kelulusan MITI dan mematuhi semua syarat lesen yang telah ditetapkan oleh PBT. Menurut Sub Seksyen 3, Akta 776 MKN merupakan Pihak Berkuasa Pusat bagi Kerajaan untuk mempertimbangkan perkara berkenaan dengan keselamatan negara. Secara prinsipnya bagi maksud keselamatan negara, MKN mempunyai kuasa untuk mengawal, menyelaras dan mengeluarkan apa-apa arahan kepada entiti Kerajaan sebagai mana yang termaktub di bawah Seksyen 5 Akta 776. Selain itu, menurut Sub Seksyen 19(1) akta yang sama, MKN juga boleh mengeluarkan Perintah Eksekutif kepada entiti Kerajaan sebagaimana yang di fikirkan perlu berhubungan dengan kawasan keselamatan.

Akta 776 tidak memperuntukkan hukuman atau kesalahan berkaitan kegagalan dan atau ke tidak patuhan oleh Kerajaan Negeri dalam mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh MKN. Namun begitu, ini tidak bermakna arahan-arahan yang dikeluarkan oleh MKN ini tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang dan tidak perlu

30 OGOS 2021 (ISNIN)

dipatuhi oleh Kerajaan Negeri. Arahan-arahan yang dikeluarkan oleh MKN merupakan suatu kehendak undang-undang yang perlu dipatuhi dan mengikut Kerajaan Negeri. Bagi memastikan hasrat penggubalan Akta 776 ini dapat dilaksanakan oleh MKN, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri haruslah melaksanakan amalan tadbir urus yang baik atau pun *good governance practices* dengan wajar khususnya untuk memastikan permasalahan kesihatan rakyat, kepentingan ekonomi dan pentadbiran negara atau negeri dapat dipelihara dan diurus dengan baik dan amnya. Demi menjaga keselamatan negara lebih-lebih lagi dalam pandemik COVID-19 ini, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, memang kita akui kuasa itu bawah *federal*, MITI tetapi di peringkat PBT sendiri mungkin ada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pengusaha-pengusaha ini. Jadi setakat mana, sejauh mana apa nama, di peringkat PBT boleh kenakan tindakan kepada kilang-kilang ini untuk ditutup. Macam baru-baru ini bagaimana kita lihat banyak kes melibatkan kluster kilang ini tapi kita tidak boleh hendak buat apa-apa. Mungkin ada ruang daripada peringkat PBT untuk kita gunakan untuk menutup kilang tersebut, adakah boleh atau tidak?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Meru kerana bertanya soalan ini, soalan yang penting. Kalau kita hendak sebut kuasa, kita perlu tahu di mana kuasa itu dan sampai mana kuasa itu. Dan kalau kita hendak tahu di mana kuasa dan sampai mana kuasa kita, kita harus merujuk kepada Akta Enakmen atau pun Undang-undang Kecil. Jadi bagi Pihak Berkuasa Tempatan biasanya kita harus rujuk kepada Undang-undang Kecil dan bagi lesen perniagaan apabila sesebuah PBT memberi lesen perniagaan kepada mahupun kilang atau pun kedai, ada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan ditentukan semasa permohonan. Sekiranya premis tersebut, premis yang berlesen tersebut mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh PBT dan mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh PBT, maka tiada sebab bagi PBT atau pun kita punya Majlis untuk menutup kilang tersebut, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Sikit, sikit lagi soalan tambahan. Saya hendak tanya sikit macam contoh kuasa permohonan mungkin ikut prosedur tetapi sebenarnya benda itu tidak berlaku ada penipuan dan sebagainya. Adakah boleh serta-merta kita buat tindakan kepada mereka?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Kita kena tengok kesalahan apa itu. Sebenarnya kalau hendak apa itu, kita hendak rujuk kepada kes pandemik COVID-19 pelbagai agensi telah mengadakan satu operasi bersepadu iaitu Ops Patuh. Ia melibatkan PDRM, Jabatan Imigresen, Kerajaan Tempatan dan Agensi-agensi yang lain. Ops Patuh itu

30 OGOS 2021 (ISNIN)

adalah untuk memastikan SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dipatuhi oleh kilang-kilang. Jadi Ops Patuh ini telah berjalan setiap hari, setiap hari mengikut keperluan dan sehingga saya tidak ada angka beberapa kilang yang telah ditutup. Tapi banyak juga yang melanggar syarat itu, telah diarahkan tutup atau pun dikenakan saman, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 68.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB (N18 HULU KELANG)

TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI KELANG OLEH IKS AU3

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Kemukakan satu dokumentasi memuatkan semua kompaun daripada PBT dan PBN sebagai bukti penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas IKS AU3 kerana kegiatan pencemaran sungai sejak 2008.

JAWAPAN :

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Tuan Speaker, saya bangun lagi untuk menjawab soalan 68 daripada Yang Berhormat Hulu Kelang. Tuan Speaker semakan dan tindakan penguatkuasaan premis perniagaan dan operasi bersebelahan Sungai Kelang dan IKS AU3 Keramat telah dilaksanakan pada 1 Disember 2020 hingga 4 Disember 2020 oleh Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan dan Jabatan Kesihatan Alam Sekitar dan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPAJ. Jumlah tindakan penguatkuasaan adalah sebanyak, jumlah semakan premis 61. Jumlah kompaun yang dikeluarkan 8 dan jumlah notis pembatalan lesen dikeluarkan adalah 1 ketika penguatkuasaan di adakan pada 1 Disember 2020 hingga 4 Disember 2020.

Satu soalan lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang berapa jumlah kompaun. Jumlah kompaun yang dikeluarkan atas kesalahan syarat lesen dari tahun 2008 sehingga 2012 kepada pengusaha IKS Keramat AU3 adalah sebanyak 41 kompaun. Dan dokumentasi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang itu sangat panjang, sangat panjang. Saya akan kemukakan dalam bentuk bertulis, terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan saya adalah tentang IKS itu. Bila saya tengok tadi jawapan akan dijawab oleh Yang Berhormat Hee Loy Sian, dah bentang dah akhirnya betul. Kerana ada satu soalan saya yang ditolak adalah tentang penemuan mayat di Sungai Klang, ini dekat awal Hulu Kelang, dekat kawasan sampah... Saya tanya soalan daripada tahun 2000 sampai 2020, berapa mayat yang ditemui hampir 18. Pada tahun 2004, 2004 kalau tidak silap saya 4 orang mayat. Dan ditemui dibuang di dalam beg besar dan dihanyutkan, mati lah. Mungkin dia tidak sempat, nak buka macam mana kan. Jadi saya hendak tanya soalan, jawapan yang diberikan oleh soalan saya ditolak kerana tidak tahu bidang kuasa siapa. Jadi saya hendak pastikan bahawa ini yang ditulis ini MPAJ, LUAS dan MPAJ siapa yang autoriti? Isunya pencemaran kan?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi dengan apa-apa pencemaran yang dilakukan oleh mana-mana pihak. Kalau hendak, kita hendak asingkan kuasa PBT dan LUAS sebenarnya mereka bekerjasama. Bagi pencemaran sungai yang itu di bawah bidang kuasa LUAS tetapi pencemaran itu daripada mana? Sekiranya pencemaran itu dari kilang, maka ia merupakan bidang kuasa di bawah PBT untuk mengambil tindakan bersama LUAS terhadap kilang yang tersebut. Dan pemantauan di kawasan IKS AU3 Keramat ini akan di teruskan supaya masalah pencemaran ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dapat ditangani, terima kasih.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Gombak Setia.

Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM : Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO keadaan kegawatan ekonomi hari ini sudah tentulah akan sedikit sebanyak memberikan impak kepada Kerajaan Negeri dan sudah tentulah salah satu cara untuk kita menangani ini ialah dengan memperkasakan IKS dalam negara dan juga negeri kita ini. Dalam soal IKS di AU3 ini saya ingin bertanyakan kepada Kerajaan Negeri adakah Kerajaan Negeri melalui PBT bercadang untuk melakukan penempatan semula kepada IKS di AU3 ini memandangkan kebanyakan IKS-IKS ini, telah pun beroperasi sekian lama. Saya kira lebih 20 tahun di kawasan itu. Jadi, ia sudah tentulah ianya sangat penting apatah lagi dalam kegawatan ekonomi hari ini, terima kasih.

Y.B. TUAN NG. SZE HAN : Okay terima kasih atas cadangan dan pandangan diberi oleh Yang Berhormat Gombak Setia. Cadangan ini saya akan ambil dan untuk berbincang dengan agensi yang berkaitan terima kasih atas cadangan ini.

TUAN SPEAKER : Semenyih....

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya No.69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : ORANG ASLI

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik perbelanjaan pembangunan Kerajaan Negeri Selangor kepada penempatan Orang Asli mengikut daerah bagi tempoh 2010-2020.

- b) Apakah perancangan kerajaan Negeri Selangor untuk menaiktaraf infrastruktur jalanraya dan pembinaan menara komunikasi di penempatan Orang Asli di Semenyih?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih kepada Yang Berhormat Semenyih yang sangat prihatin terhadap isu Orang Asli terutama kawasan beliau. Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Orang Asli baru diwujudkan pada tahun 2020. Dengan peruntukan Pembangunan sebanyak RM500,000 setiap tahun. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM297,050 telah pun dibelanjakan bagi agihan sumbangan Bakul Makanan kepada masyarakat Orang Asli di Selangor dalam menangani kesan COVID-19. Yang kedua, sebanyak RM96,322 telah dibelanjakan bagi Projek Membaik Pulih dan Menaik Taraf Jalan Konkrit Simen untuk laluan utama dan Kerja Sistem Saliran Di Kampung Orang Asli Batu 12, Daerah Gombak. Yang ketiga sebanyak RM53,132 telah bagi.. bagi kerja menaik taraf jalan iaitu premis di laluan masuk Kampung Orang Asli Bakar Leleh, Pulau Carey, Daerah Kuala Langat. Manakala sebanyak RM53,495 eh...RM53,495.50 telah disalurkan kepada Pejabat Daerah Tanah Gombak bagi Kerja Menaik Taraf Taman Permainan di Kampung Orang Asli Hulu Kuang. Walaubagaimanapun projek tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan masa akibat PKP dan hanya dilaksanakan pada tahun ini. Selain daripada itu Program dan Projek Pembangunan di Kampung Orang Asli menggunakan Akaun Amanah Orang Asli dari Tahun 2010 hingga kini secara keseluruhannya adalah berjumlah RM1,043,536.00. Untuk menjawab soalan kedua, Peruntukan Pembangunan di Bawah Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli pada tahun ini, lebih memfokuskan kepada projek-projek menaik taraf atau membina baru struktur, infrastruktur serta kemudahan asas di perkampungan Orang Asli. Ini

30 OGOS 2021 (ISNIN)

termasuklah membaik pulih jalan raya, dewan dan sebagainya. Atas sebab peruntukan di bawah Jawatankuasa ini hanyalah sebanyak RM500,000 sahaja. Maka peruntukan bagi kerja-kerja menaik taraf ini akan disalurkan kepada Pejabat Tanah dan Daerah berkenaan. Berdasarkan permohonan yang dikemukakan. Oleh yang demikian Yang Berhormat Semenyih adalah disarankan untuk memaklumkan Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat bagi tujuan tersebut. Bagi pembinaan menara telekomunikasi pula , isu tanah dan kesesuaian kawasan perlu dikenal pasti terlebih dahulu dan pihak syarikat telekomunikasi hendaklah memain peranan mereka juga, sekian.

TUAN SPEAKER : Semenyih....

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Soalan tambahan. Adakah tuan EXCO, adakah Yang Berhormat Tuan EXCO ada tak perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menaikkan lagi apa peruntukan RM500,000 ini saya memandangkan saya nampak buat masa sekarang ini rasa itu peruntuk yang terlalu kecilah, terima kasih. Khususnya menangani untuk permasalahan infra di Semenyih ini, rasa saya... saya telah bangkitkan beberapa kali ke pihak Pejabat Tanah dekat di Kampung Kacau Dalam yang melibatkan di kawasan dalaman apa, penempatan orang asli ini JAKOA lah yang ambil alih tapi luar daripada kawasan ini penempatan ini melaporkan jalan-jalan utama ini yang melalui lebih kurang 2km telah menyebabkan masalah. Anak-anak pergi ke sekolah makan masa sampai satu jam dan kenderaan-kenderaan van sekolah tak mahu masuk. Jadi permasalahan ini lah infra ini saya rasa minta Kerajaan Negeri memberikan pendekatan yang apalah... untuk demi masa depan anak-anak untuk pelajaran mereka, terima kasih

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Memang Peruntukan Tahunan Orang Asli untuk di bawah Jawatankuasa Standco saya memang agak rendah. Itu hanya, permulaan RM500,000. So kita harap pada masa akan datang ditambahkan ikut apa permintaan. Kalau ada permintaan yang lebih kita akan tambahkan lah pada tahun akan datang. Dan untuk Yang Berhormat kena faham ya Jawatankuasa Orang Asli ini kita menjaga kebijikan bukan setakat menjaga kebijikan dan juga untuk menaik taraf infra-infra yang sedia ada di kampung-kampung Orang Asli tapi. untuk peruntukan-peruntukan yang lain tetap di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli Semenanjung. Kita Negeri hanya membantu, yang tanggungjawab utama adalah daripada JAKOA. So sebab itu lah peruntukan kita agak kurang sikit tapi kita harap akan ditambahkan. Untuk masalah jalan yang masuk di Kampung Orang Asli Kacau Dalam, Kacau Luar memang saya mengakui ada masalah di sana. Bukan kita tak mahu membuat jalan itu, tapi jalan itu masalah yang mana tanah-tana, ada beberapa kawasan itu di bawah jalan, apa syarikat perseorangan. Itu bukan tanah Kerajaan so kita masih bincang dengan mereka dengan dapatkan persetujuan ya...

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HAJI HANAFI : Tuan speaker boleh mencelah? Saya minta jasa baik Tuan EXCO lah pasal ini, tanah ini melibatkan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Saya harap ada usaha lah dari pihak Kerajaan Negeri untuk mungkin laluan kebenaran laluan ataupun pengambil alihan. Pasal ini penempatan orang ini penempatan yang lama kan yang lebih 50 tahun. Saya rasa ini, kita sebagai hari nak menyambut Hari Merdeka ini bagi saya, dia pun lebih semangat untuk menyambut merdeka dan kita berilah keistimewaan kepada apa... perhatian lebih kepada pihak Orang Asli la. Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Saya menyokong tetapi kita ada kekangan juga, masalah kewangan ya sebab ini tanah Persendirian. So kalau kita nak ambil alih itu mengambil wang, kewangan yang agak.. agak tinggi. So kita masih berbincang. Yang penting kita nak membuat jalan itu, membaik pulih. Sekarang kita tengah berbincang dengan Pejabat Tanah dan juga orang persendirian atau pun syarikat yang terlibat supaya kita dapat sekurang-kurangnya untuk menurap, membaiki menurap jalan itu supaya dapat membantu Orang Asli Kacau Dalam dan Kacau Luar. Sekian.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik tak hadir. Bukit Gasing tak hadir. Kota Damansara...

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Tuan Speaker soalan Kota Damansara yang ke-72.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR (N39 KOTA DAMANSARA)

TAJUK : PENYELENGGARAAN TASIK COVA

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah tindakan terkini kerajaan untuk menyelesaikan masalah tersebut?

JAWAPAN :

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Kota Damasara. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Kota Damansara bertanyakan soalan berhubung dengan status Kuala.. Penyelenggaraan Tasik Cova. Nama cantik ya Tasik Kova. Berdasarkan kepada Mesyuarat EXCO, MTES pada Bilangan 30/2019, telah bersetuju agar pihak Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB), melaksanakan Kerja-kerja Penyelenggaraan Tasik Kova. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor telah melantik KSSB untuk melaksanakan penyelenggaraan tersebut bermula Januari 2020. Kerja-kerja penyelenggaraan kolam tersebut mengalami kelewatan disebabkan satu, Perintah Kawalan Pergerakan sebabkan pandemik COVID-19 yang melanda

30 OGOS 2021 (ISNIN)

negara. Kedua, ketiadaan laluan keluar masuk yang sesuai kerana jalan sedia ada merupakan laluan keluar masuk utama penduduk dan laluan alternatif melibatkan tanah milik memerlukan kos yang amat tinggi ke pihak KSSB. Walau bagaimanapun dalam masa yang sama juga pihak JPS untuk jangka panjangnya telah melantik perunding bagi melaksanakan kajian takungan dan saliran di kawasan tadahan Tasik Cova dan kajian tersebut telah pun siap pada Ogos 2021 dan meliputi merangkumi perkara-perkara berikut:

- 1) Mengkaji kapasiti kolam sedia ada dan sistem saliran di kawasan sekitar sebagai salah satu komponen mitigasi banjir;
- 2) Mencadangkan reka bentuk sistem saliran dan pengurusan air aliran yang sesuai bagi keseluruhan kawasan tadahan Tasik Cova serta jadual penyelenggaraan
- 3) Mengkaji tahap kualiti air di kawasan tadahan Tasik Cova

Hasil daripada kajian itu yang saya pun telah meneliti dan telah melihat pihak JPS telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf menyelenggara tasik tersebut untuk sementara ya. Tapi untuk jangka panjang ialah Pelaksanaan Projek Secara Bersepadu bagi memastikan kolam ini dapat diuruskan dengan lebih baik untuk masa akan datang dan kos nya dianggarkan di sekitar RM19 Juta. Pelaksanaan projek ini akan kita bentangkan untuk kelulusannya pada pihak MTES dalam masa terdekat. Saya telah meminta pihak JPS supaya menyiapkan... di selaraskan untuk di bawa ke MTES dalam masa terdekat dan JPS juga akan membuat pewartaan ke atas Tasik Cova ini sebagai kolam takungan bagi memastikan peruntukan penyelenggaraan Tasik Cova ini disenaraikan dalam Program Penyelenggaraan Tahunan JPS. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Pelek...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan 73.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW (N56 SUNGAI PELEK)

TAJUK : BANTUAN KEBAJIKAN

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah ahli Skim Mesra Usia Emas yang tidak hadir/menuntut baucer program JOM Shopping SMUE 2020? Adakah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk menuarkannya kepada konsep e-wallet, baucer, atau kad KISS yang dimasukkan sekali maklumat skim khairat SMUE

JAWAPAN :

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Sungai Pelek Program Jom *Shopping*, Skim Mesra Usia Emas mula diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri pada Mei 2019. Sepanjang tahun 2020, seramai 294,212 ahli SMUE telah berdaftar untuk menerima manfaat ini. Dan daripada jumlah tersebut, 145,357 ahli menikmati manfaat Jom *Shopping* SMUE ini. Seramai 158,855 ahli SMUE yang tidak dapat menghadiri Majlis Pemberian Baucar Jom *Shopping* SMUE atau tidak menuntut Baucar tersebut bagi sepanjang tahun 2020. Bilangan ini adalah agak tinggi disebabkan pandemik COVID-19 yang baru melanda negara pada ketika itu yang mana ahli-ahli SMUE yang sangat berisiko di kalangan warga emas dan OKU merasa risau dan bimbang akan keselamatan dan kesihatan diri mereka. Untuk makluman awal Yang Berhormat Sungai Pelek, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak Yayasan Warisan Anak Selangor iaitu YAWAS selaku agensi pelaksana Program Skim Mesra Usia Emas sedang dalam proses mengkaji kebolehlaksanaan untuk mendigitalasikan Program SMUE iaitu kedua-dua Program Jom *Shopping* dan Skim Khairat. Menggunakan sistem aplikasi e-baucar, e-wallet atau kad pintar memandangkan keadaan pandemik yang perlukan pengurusan program secara *contactless* dan selamat. Khasnya Program Jom *Shopping* SMUE yang melibatkan golongan warga emas dan orang kurang upaya. Walau bagaimanapun ianya peringkat perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat. Perkara ini sememangnya akan dilaksanakan agar sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor ke arah *Smart State* menjelang Tahun 2025.

TUAN SPEAKER : Banting...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih. Saya ingin bertanya tentang soalan ini dan adakah mungkin Kerajaan boleh mempertimbangkan sebenarnya pelaksanaan Jom *Shopping* ini, selain daripada dilakukan secara digitalisasi kita mungkin boleh percepatkan ya dan melaksanakannya melalui *pilot project*. *Pilot project*, projek perintis di beberapa kawasan DUN terlebih dahulu. Barangkali boleh cuba satu DUN di kawasan bandar, satu lagi di kawasan luar bandar, satu lagi di kawasan *semi-urban*, *semi-rural*/ tengok macam mana ia boleh dilaksanakan dengan dengan.. dengan bagus dan kemudiannya kita percepatkan, perluaskan. Memandangkan kita ada banyak platform-platform digitalisasi platform RiDE, platform macam-macam ada. Jadi saya rasa boleh kita tumpang platform ini. Apakah pendapat....

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN : Yang Berhormat Banting..sebenarnya seperti telah yang mana saya nyatakan tadi, perbincangan sedang dilaksanakan dan memang cadangan-cadangan seperti Yang Berhormat telah juga diambil maklum dan kita akan memberi jawapan.. *I mean..*kita akan maklumkan perkara-perkara yang Yang Berhormat telah dibawakan dalam perbincangan nanti. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Taman Templer...

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Soalan saya No.74

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Ini memang tepat betul waktunya ia.... (Ketawa)

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat EXCO, sila duduk. Maaf Templer ya....

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Saya jawab, jawab nanti dalam penggulungan nanti....

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan Sesi Pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mempersilakan Yang Berhormat Kajang untuk menyambung penjelasan Penggulungan. Saya bagi masa 10 minit la.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya harap boleh habiskan Penggulungan saya dalam masa 10 minit kalau tak ada gangguan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

TUAN SPEAKER : Sila, sila.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Sebab topik saya agak hangat juga. Tuan Speaker, untuk menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Banting berhubung isu projek Pertanian Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Sungai Kelambu, Kuala Langat. Untuk makluman projek Pertanian Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan iaitu TKPM Sungai Kelambu adalah berada dalam kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Selatan seluas lebih kurang 80 hektar. Buat masa ini permohonan permit permohonan sedang diproses berdasarkan Peruntukan Seksyen 32 Enakmen (Pemakaian) Akta Hutan Negeri Selangor 1985.

Justeru itu satu kertas ringkasan EXCO MTES berkaitan permohonan permit penggunaan ini telah pun disediakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Kertas ringkasan ini sedang dalam penelitian saya sebelum dibawa ke Mesyuarat MTES. So, kita harap dalam masa terdekat ini paper ini akan dimasukkan di Mesyuarat MTES.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan. Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Silakan Banting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Kajang. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas usaha gigih yang ditunjukkan cuma sebenarnya jawapan yang sama telah pun dibangkitkan sebelum ini dan saya berharap ia boleh dipercepatkan. Cuma kalau sekiranya saya faham ada kekangan atau *consideration* di situ saya mohon Yang Berhormat boleh mempercepatkan seperti apa yang saya selalu sarankan kalau bagi pemohon yang memenuhi syarat yang ikhlas yang mampu untuk melaksanakan, mematuhi undang-undang dan syarat-syarat dan peraturan ditetapkan kita memberi kebenaran kepada mereka untuk menjalankan mendapatkan permit ini dahulu, dan bagi mereka yang masih ragu-ragu lagi kita mungkin boleh ke belakang sedikit supaya kita boleh nampak model ini berjalan dan kemudian kita berkeyakinan di situ. Saya mohon supaya ini boleh dipertimbangkan untuk mempercepatkan usaha ini kerana perkara ini telah pun lama dibangkitkan dan sampai sekarang masih belum ada satu *no light at the end of the tunnel*. Sekian.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat ada bahas isu ini?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, ada, ada.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ada Tuan Speaker. Memang setiap kali Dewan dia Yang Berhormat mesti bangkitkan isu dia tapi untuk makluman Yang Berhormat kadang-kadang kita ada masalah dilema, adakah kita setuju untuk membenarkan hutan simpan kekal ini untuk bagi tujuan pertanian? Sebab ada Yang Berhormat di antara kita ini memang tak bersetuju. Mereka nak peliharakan, mempertahankan hutan simpan tapi Yang Berhormat nak bantu petani-petani ni untuk buat taman pertanian kecil. Saya faham, sebab ni merupakan boleh katakan tanah haram yang diusahakan sejak 30 tahun yang lepas. Ini sejarah yang diturunkan sampai sekarang.

Semasa Yang Berhormat Bukit Lanjan menjadi EXCO sampai sekarang isu ini tidak dapat diselesaikan. Banyak masalah yang timbul. Saya tidak ada masalah untuk pertanian, tanaman kontan secara kecil-kecilan tapi untuk mereka yang mengusahakan tanaman sawit ini saya agak tidak setuju sebab hutan simpan ini bukan bagi tujuan tanaman hutan untuk tujuan tanaman kelapa sawit. Ada yang di antara tauke-tauke di belakang ini menyalahgunakan Orang Asli untuk masuk ke hutan simpan. Saya pun hairan Orang Asli ini mereka tidak ada peruntukan, tak ada duit tapi mereka boleh beli benih-benih kepala sawit beribu-ribu pokok. So duit itu datang dari mana? So ada tauke di belakang mereka untuk mengusahakan tujuan ini. Orang Asli hanya orang yang dibantu untuk menanam kepala sawit ini tapi yang tauke itu di belakang, so saya agak tidak setuju kalau hutan simpan ini digunakan untuk pakai tanaman kelapa sawit. Tetapi untuk tanaman kontan kemungkinan saya tak ada masalah. So harap jawapan ini dapat menjawab soalan daripada Yang Berhormat Banting.

Tuan Speaker, untuk menjawab soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan, Yang Berhormat Kampung Tunku, Yang Berhormat Sijangkang, Yang Berhormat Sungai Panjang, Yang Berhormat Bukit Gasing, berhubung status penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan juga isu cadangan menambah keluasan Hutan Simpan Kekal. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor adalah sentiasa komited untuk mengekalkan dan juga meningkatkan keluasan Hutan Simpanan Kekal ataupun HSK di negeri Selangor sebanyak tidak kurang daripada 30% daripada keluasan tanah negeri selaras dengan keputusan MMKN ke 3/2008 bertarikh 19 November 2008 dan keputusan MMKN ke 45/2014 bertarikh 19 November 2014. Malahan komitmen ini telah pun dizahirkan di dalam Rancangan Struktur Selangor 2035 yang seterusnya menyokong kepada Rancangan Fizikal Negara serta komitmen di peringkat antarabangsa seperti Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1952 dan juga Perjanjian Paris pada Persidangan Iklim Paris 2015 ataupun COP 2015. Kerajaan negeri Selangor turut memberi fokus untuk menambah keluasan hutan simpan kekal di negeri Selangor dengan mengenal pasti mewartakan tanah-tanah kerajaan hutan yang berpotensi untuk dijadikan hutan simpan kekal.

Secara umumnya hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk mencapai sebanyak 32% kawasan hutan simpan kekal daripada keluasan negeri seperti mana yang dinyatakan di dalam Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 adalah menjadi asas utama dalam pengurusan hutan di negeri ini. Pada masa kini jumlah kawasan hutan simpanan kekal di negeri Selangor adalah berjumlah 205,207.39 hektar atau pun bersamaan dengan 31.5% daripada keluasan negeri Selangor. Berhubung status penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Mesyuarat MMKN ke 17/2021 pada 5 Mei 2021 yang disahkan oleh MMKN ke 18 pada 19 Mei 2021 telah memutuskan hanya seluas lebih kurang 536.7 hektar ataupun bersamaan dengan lebih kurang 1,326.34 ekar daripada keseluruhan Hutan Kawasan Simpan Kuala Langat Utara diluluskan untuk dinyahwarta di bawah Seksyen 12 Enakmen (Pemakaian Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985). Jumlah keluasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang telah dinyahwartakan ini adalah 54% daripada jumlah asal yang dicadangkan iaitu berjumlah lebih kurang 991.9 hektar atau pun... biar saya habiskan dulu.. atau lebih kurang 2,450 ekar hanya adalah kerana Kerajaan Negeri Selangor telah mengambil kira bantahan dan kepentingan biodiversiti serta kepentingan Orang Asli. Justeru itu hanya sebahagian Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang dinyahwartakan.

Tuan Speaker, berdasarkan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri yang sama, seluas lebih kurang 581.48 hektar ataupun bersamaan dengan 1,436 ekar telah diluluskan sebagai kawasan gantian Hutan Simpan Kekal iaitu melibatkan PT4182 mukim Sungai Panjang daerah Sabak Bernam seluas lebih kurang 38.62 hektar ataupun bersama dengan lebih kurang 762.29 ekar di Ampang Pecah mukim Buluh Telor daerah Hulu Selangor. Seluas lebih kurang 208.98 hektar ataupun lebih kurang 516.4 ekar dan di

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Bukit Broga mukim Semenyih daerah Hulu Langat seluas lebih kurang 63.88 hektar ataupun lebih kurang 157.86 ekar merupakan hutan gantian.

Secara umumnya kerajaan Negeri Selangor masih dapat mengekalkan keluasan hutan simpan kekal di Negeri Selangor tidak kurang daripada 30% setelah mengambil kira keluasan hutan simpan kekal yang akan dinyahwartakan dan kawasan gantian baru jumlah keluasan hutan simpan kekal adalah berjumlah lebih kurang 250,255.36 hektar iaitu pertambahan sebanyak lebih kurang 47.97 hektar. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Yang Berhormat Kajang, apa yang kita saya telah sebut dalam Dewan yang mulia ini adalah Kerajaan Negeri sepatutnya melindungi semua keluasan ataupun mengekalkan semua keluasan hutan simpan kekal di Negeri Selangor memandangkan satu; Dewan yang mulia ini sebulat suara telah meluluskan satu Usul tahun lepas bulan November yang mengatakan bahawa keluasan hutan simpan perlu dipelihara di negeri Selangor. Ini tidak maksudnya kita boleh keluar gazet ataupun nyahwarta Hutan Simpan Kuala Langat Utara kemudian ditambah dengan kawasan-kawasan hutan simpan ataupun mewartakan kawasan lain sebagai hutan simpan sebagai gantian khususnya apabila kawasan itu di luar kawasan Kuala Langat, apa maksudnya? Maksudnya di Kuala Langat hari ini kita telah hilang sebanyak 1,200 ekar ataupun 536 hektar kawasan hutan simpan gambut yang bagus.

Alasan yang diberi oleh Kerajaan Negeri pada masa itu bila kita dapat berita ini adalah kerana kawasan ini ada banyak kebakaran tetapi fakta telah menunjukkan itu bukan benar. Tidak ada kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang ada kebakaran sejak 5 tahun yang lalu, lebih daripada 5 tahun yang lalu kerana di kawasan itu Orang Asli jaga kawasan tersebut, ada NGO jaga kawasan tersebut, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga turut bertungkus-lumus bersama dengan Jabatan Alam Sekitar untuk memastikan kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara tiada kebakaran. Kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara merupakan kawasan hutan simpan gambut yang sangat unik. Unik bukan sahaja ia diletak di kawasan Kuala Langat tetapi ada pokok yang endemik, ada burung yang khusus hanya didapati di kawasan hutan tersebut, ada binatang liar dan sebagainya. Dan yang saya amat dukacita adalah semasa titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, Sidang Pembukaan, minggu lepas sahaja Tuanku Sultan telah mengatakan bahawa hutan simpan harus dipelihara. Jadi saya ingin mendaftarkan ketidakpuasan saya.

Usul sudah diluluskan oleh semua ADUN, semua Yang Berhormat tak kira daripada Pakatan Harapan, tak kira daripada UMNO, (tepuk meja), BERSATU, orang yang

30 OGOS 2021 (ISNIN)

keluar daripada BERSATU, tak tahu sekarang di mana, BEBAS dan sebagainya. Orang PAS, Yang Berhormat PAS juga Sijangkang, Sijangkang turut bersama dengan kita kerana ini adalah isu yang sangat-sangat penting. Saya rasa, untuk Kerajaan Negeri Selangor kita cukup tanah untuk memberi sesiapa yang ingin membangunkan tanah tersebut tetapi kita tidak sepatutnya beri tanah yang Hutan Simpan kepada swasta, kita boleh apa menimbangkan kalau itu satu projek, projek khusus untuk kepentingan awam. *We can consider that for public purposes dengan izin tetapi bukan untuk ketamakan, bukan untuk keuntungan pihak swasta.*

Saya nak tanya Yang Berhormat Kajang, siapa akan ambil milik ataupun diberimilik tanah tersebut? Apa nama syarikat itu? Siapa pengarah-pengarah? Siapa pemilik tersebut? Saya rasa Dewan ini perlu jawapan yang lebih kukuh, yang lebih teliti daripada Kerajaan Negeri Selangor. Kita bukan seperti negeri-negeri lain, senang beri tanah untuk balak. Senang beri tanah untuk pihak swasta untuk bangunkan apa-apa. Ini sahaja lah tanah yang kita ada. Saya amat-amat kesal, amat kecewa dengan Kerajaan Negeri Selangor. *You have the means, you have the brings tetapi you are not using to your full capacity.* Terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih atas keprihatinan dan juga kemarahan daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan. Saya amat terasa juga, di mana perasaan daripada Yang Berhormat tetapi ini merupakan satu keputusan ya yang telah pun di buat oleh sebulat suara di Mesyuarat MMKN dan saya selaku EXCO yang bertanggungjawab untuk memberi laporan dan juga untuk mempertahankan keputusan Kerajaan Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang Dewan telah pun meluluskan Usul pada Mesyuarat lepas tapi saya nak beritahu Yang Berhormat, Usul daripada *individual* di kalangan Ahli yang buat dia hanya satu Usul yang memberi panduan kepada kita. Dia bukan terikat kepada keputusan dari MMKN. Di mana MMKN boleh membuat keputusan dan kita telah pun merujuk kan semua ini, konsultasi dan juga Usul yang di buat oleh Dewan.

Belum habis lagi, bagi saya habiskan selepas itu saya akan bagi laluan. Sebab itulah kita hormat. Kita sudah dapat pertimbangan daripada, daripada Usul yang dibuat daripada Dewan tapi ini adalah satu Usul Individual. Dia bukan Usul daripada Kerajaan so dia tak terikat kepada keputusan yang kita buat.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Nanti saya habis dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sikit saja. Sikit saja.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Nanti saya habis dulu. Untuk Yang Berhormat Bukit Lanjan juga, ya ini merupakan tanah gambut ya, tanah gambut tapi gantian yang kita telah pun buat, kawasan gantian ini adalah terdiri daripada jenis Hutan Paya Gambut di Mukim Sungai Panjang di mana sama jenis hutan dengan hutan dengan Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Manakala kawasan gantian Ampang Pechah dan Bukit Broga adalah terdiri daripada jenis Hutan Bukit. Kawasan gantian Ampang Pechah mempunyai kepentingan koridor rangkaian ekologi hidupan liar dikenali sebagai *Central Forest Spine* (CFS) di mana diletakkan di dalam Rancangan Fizikal Negara Ketiga. Manakala kawasan Bukit Broga mempunyai nilai-nilai eko pelancongan yang amat tinggi dan merupakan antara tarikan kawasan pendaki utama di Selangor. Nilai biodiversiti di Ampang Pechah...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : ...dan Bukit Broga adalah lebih baik

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : ...dan Bukit Broga adalah lebih baik dari segi kualiti dan juga kuantiti.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya. Minta penjelasan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Nanti saya habis dulu. Nanti saya habis dulu. Tenang sikit hah. Kuala Langat, Banting. Untuk, berdasarkan kajian perunding UPM Konsultasi, ini didapati kepelbagaian biodiversiti, flora, fauna, PH Tanah dan indeks vegetasi di Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan kawasan-kawasan penggantian adalah hampir sama. Maklumat hasil kajian kepelbagaian biodiversitinya adalah seperti berikut, untuk kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara spesies flora adalah 124. Spesies fauna 123. PH Tanah 4.23. Kawasan gantian Sungai Panjang, spesies flora sama, 124 tetapi spesis fauna terdapat 151. Lebih daripada 123 Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan PH Tanah 3.8. Untuk kawasan gantian Ampang Pechah, spesies flora 152 banding dengan Hutan Simpan Kuala Langat hanya 124. Spesies fauna 70 dan PH Tanah lebih kurang sama 4.52 hingga 5.02. Indeks vegetasi lebih kurang sama daripada 0.13 hingga 0.61. Yang ini merupakan kajian ya, kajian pihak ketiga. *Third party*. Bukan kita buat kajian untuk spesies flora dan fauna. dan

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Nanti-nanti... Untuk Bukit Lanjan juga menyatakan di Hutan Kuala Langat Utara ada pokok endemik burung binatang liar. Ini merupakan yang selalu berlaku Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Ini sama juga jenis tanah gambut, tanah gambut. Bukan setakat di Kuala Langat Utara, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan, di Hutan Simpan Raja Musa, di Hutan Simpan Sungai

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Karang, di Sungai Panjang ini merupakan semua tanah gambut yang sedia ada. Jenis binatang, burung semua ada di sana juga.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker...

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Kita bukan untuk menyahwartakan semua keseluruhan Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, Saya nak tanya sedikit sahaja.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Kita hanya menyahwartakan 54% daripada Hutan Simpan kekal yang sedia ada.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Sama ada Bukit Lanjan atau Banting, boleh?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan, syarikat yang diberi kita telah pun memberi pemilikan seluas 494.7 hektar ataupun bersamaan dengan 1,222.43 ekar kepada Gabungan Indah Sdn. Bhd., bagi tujuan pembangunan bercampur. Selain itu, Mesyuarat MMKN telah pun bersama telah meluluskan sebahagian kawasan untuk penggantian baki rizab Orang Asli Busut Baru iaitu sebanyak seluas lebih kurang 42.1 hektar ataupun bersamaan dengan 103.91 ekar di bawah Seksyen 7, Akta Orang Asli 1954. Justeru itu, tuntutan perizaban Orang Asli kawasan Orang Asli Busut Baru seluas *plus minus* 1,000 ekar sebagai penggantian kawasan disebabkan pembinaan KLIA sejak tahun 2006 telah diselesaikan.

Pada zaman dulu, kerajaan dulu untuk mereka telah pun janji untuk beri 1,000 ekar kepada Orang Asli Busut Baru semasa pemindahan daripada tapak KLIA ke kawasan Kuala Langat Utara di mana pada masa itu janji tidak ditunaikan. So, hanya lebih kurang 896.09 ekar diberikan masih kurang 103.91 ekar. So, sekarang kita tunaikan jadikan 1,000 ekar untuk Kampung Orang Asli Busut Baru. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan juga,....

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Sorry, Tuan Speaker. Saya hanya nak minta penjelasan. Apa yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Kajang, tentang biodiversiti Hutan Simpan Gambut. Saya tidak setuju bahawa ekologi dan juga biodiversitinya sama. Kalau kita bandingkan dengan Kuala Langat Utara dengan Raja Musa ataupun Sungai Karang. Hutan Simpan Sungai Karang. Ataupun Hutan Simpan Kuala Langat Selatan. Ianya ada persamaan kerana ianya tanah gambut tetapi di Hutan Simpan Kuala Langat Utara ada pokok dan juga flora dan fauna yang endemik. Apa maksudnya endemik? Endemik maksudnya hanya di dapati di kawasan tersebut iaitu Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Saya beri contoh, Selangor ini haiwan liar yang ada nama Selangor, dengan izin *Selangor Pickme Flying Squirrel* saya tidak ada bahasa, namanya dalam bahasa Malaysia lah. *Selangor Pickme Flying Squirrel* so, hanya kita dapat banyak survey di Negeri Selangor dan juga Semenanjung Malaysia hanya didapati di Kuala Langat Utara. Selepas itu, ada satu jenis ikan yang dipanggil *Langat Red Fighting Fish*. Namanya Langat. Bukan Sabak Bernam fitting fish tetapi *Langat Red Fighting Fish*. Jadi hanya didapati di Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

Macam mana kita boleh samakan dengan biodiversiti di Kuala Langat Selatan, di tempat-tempat lain? Jadi itu adalah satu rasa dengan izin lah, satu *misperception* ataupun *misinformation* bahawa kita boleh bandingkan Hutan Simpan sini, Hutan Simpan sana kalau di sini lebih kita dapat kira lebih flora ataupun fauna maksudnya dia boleh meliputi Hutan Simpan yang kita nak nyahwarta. Itu sahaja Tuan Speaker, terima kasih.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih, saya ingin memberi satu pengumuman terhadap hujah Yang Berhormat Bukit Lanjan, iaitu sebenarnya Hutan Simpan ini adalah sangat spesifik kepada tempat-tempat tertentu. Kita tidak boleh kata kalau saya mohon Yang Berhormat EXCO boleh faham ada satu hujah macam ni. Kita tak boleh nak nyahwartakan Hutan Simpan di Bukit Gasing, di Kinrara, di Kota Damansara dan kemudian kita ganti di tempat lain di Kuala Langat. Ganti di Kuala Langat, ganti di Klang kerana kalau kita kata itu boleh dilakukan maksudnya Hutan Simpan Bukit Gasing, Kota Damansara dan juga apa ni di Taman Yayasan dia boleh di nyahwartakan bila-bila masa sahaja kerana kita boleh ganti dia di mana-mana sahaja. Hutan Simpan di Selangor boleh di nyahwartakan dan diganti di Pahang, di Perak, di Negeri Sembilan tak ada masalah jadi hujah ini ada di situ di luar tu dan kita harus sensitif terhadap hujah ini dan bersiap sedia dengan jawapan yang munasabah.

Saya mengucapkan tahniah, sebenarnya tadi Yang Berhormat Bukit Lanjan tanya satu soalan yang sangat ringkas siapa syarikat yang membuat tadi kami dengar jawapannya ialah Gabungan Indah Sdn. Bhd. Yang memohon jadi itu sahaja yang kita nak tahu siapa yang memohon ni...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Kajang.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat EXCO.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Persoalan saya dalam perbahasan masih belum dijawab dengan jelas. Apakah *benefit?* Strategik *benefit to* Kerajaan Negeri Selangor untuk melaksanakan tindakan ini? Kita dengar banyak bantahan daripada luar, dalam Dewan ini, Pembangkang, Penyokong Kerajaan tetapi apa strategik *benefit?* Adakah kita sangat-sangat memerlukan premium tanah ini?

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Ataupun ada *benefit* strategiknya yang lebih? Boleh tak bagi jawapan yang jelas? Apakah strategik *benefit* kepada Kerajaan dan kepada keseluruhan 6 juta lebih penduduk negeri Selangor kita menyahwartakan hutan ini? *Why don't we just keep dua-dua hutan?* Kat Sabak Bernam dan kat Kuala Langat.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Tambahan. Celahan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kajang, sila teruskan. Sebab masa pun.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Saya bagi ruang kepada mereka nak tanya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Okay, Sijangkang.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker. Saya kira sebagai tambahan kepada hujah-hujahan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi, saya ingin nak menambah bahawa Hutan Simpan Kekal Kuala Langat ini adalah di antara kawasan yang mempunyai tahap bencana alam yang tinggi ya. Risiko untuk berlaku banjir, kerana ini adalah Hutan Simpan Gambut yang menjadi kawasan tebatan banjir ya. Saya mengambil contoh untuk baru-baru ini berlaku banjir di Lebuhraya Elite, kemungkinan besar adalah berkaitan pembangunan daripada Gamuda Cove sendiri, dan kalau ini juga dibangunkan, saya khuatir saya ia akan ia akan berikan bencana yang lebih besar juga selepas itu nanti dan saya harapkan dapat pertimbangan daripada pihak Kerajaan Negeri dan saya nak dapat maklumat juga berapa peratus baki hutan simpan kekal di Kuala Langat ini apa bila di nyahwartakan lebih daripada 500 hektar yang disebutkan tadi. Dan saya ingat dalam bahas saya di dalam sidang-sidang yang lepas pun saya mengharapkan supaya bukan sahaja di Kuala Langat, kita jaga hutan simpan kita tetapi hutan simpan ini harus dikekalkan seperti mana yang disebutkan oleh Banting tempoh hari. Seluruh daerah-daerah sebagai *green lung* kepada rakyat negara kita di samping pembangunan yang mungkin akan merosakkan hasil daripada kita tidak menjaga atau kita tidak ada pertimbangan ini hatta bagi saya sendiri di kawasan Kuala Langat kalau boleh atau di daerah-daerah tu ada bahagian-bahagian yang kita bolehkekalkan hutan simpan yang sedia ada. Terima kasih.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Tambahan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kampung Tunku

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kampung Tunku ada berbahas ya.

Y.B. PUAN LIM YI WEI : Ya saya ada berbahas. Terima kasih Timbalan Speaker, saya ingin tambah kepada soalan Yang Berhormat Bukit Gasing di manakah *strategic*

benefit dengan izin, memandangkan saya ingin ingatkan bahawa beberapa agensi kerajaan telah membantah sendiri kepada cadangan penyahwartaan contohnya, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor juga membantah cadangan penyahwartaan hutan simpan Kuala Langat Utara. Kenapa Kerajaan Negeri Selangor begitu menekan untuk meneruskan cadangan penyahwartaan ini, itu yang pertama. Yang keduanya saya melihat dalam perbahasan ini kita tidak mempertimbangkan kebijakan Orang Asli, *we are not taking into account their dignity* dengan izin. Saya ingin tanya, kalau kamu melihat satu tanah itu sebagai tempat tinggal, sebagai tanah adat, adakah ia mudah digantikan dengan tanah yang lain yang terletak satu jam lebih di tempat lain. Saya tinggalkan Kerajaan Negeri Selangor untuk menjawab terima kasih.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ada lagi, tak ada. Saya rasa soalan dari soalan dari Bukit Tunku ini ada sedikit emosi sangat, Kampung Tunku. So yang fakta pun tidak betul. Tiada jabatan yang membantah. Semasa saya mempengerusikan Jawatankuasa Teknikal yang melibatkan semua jabatan dan juga agensi yang terlibat. So saya rasa ini salah anggapan yang silap daripada Kampung Tunku. Untuk makluman Kampung Tunku, jabatan yang terlibat semasa sesi perbincangan di mana di Pengerusi oleh saya, mereka yang terlibat adalah Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, yang kedua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, yang ketiga Ketua Pengarah Institut Penyelidik Perhutanan Malaysia, yang keempat Pengarah Jabatan Tanah dan Galian Negeri Selangor. Seterusnya Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, Pengarah Lembaga Urus Air Selangor dan juga terlibat dan juga Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara iaitu Perhilitan Negeri Selangor, Pengarah Jabatan Orang Asli iaitu (JAKOA) terlibat dan juga Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara iaitu Perhilitan Negeri Selangor. Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli iaitu JAKOA, Dekan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar Universiti Putera Malaysia, Pegawai Daerah Kuala Langat, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat, Pegawai Daerah Hulu Selangor, Pegawai Daerah semua kita panjang lebar. Saya masih ingat dalam mesyuarat yang saya pengerusi kan kita bincang panjang lebar, kita bincang apakah bantahan oleh orang awam, NGO apakah masalah yang dibangkitkan semasa mesyuarat. Empat jam, empat jam so saya tak menerima masalah yang ditimbulkan. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada seorang Orang Asli yang tinggal di hutan simpan Kuala Langat Utara. Kampung mereka bukan ada dalam Kuala Langat Utara saya rasa Yang Berhormat Kampung Tunku silap. Even kawasan yang di nyahwartakan tiada satu kubur yang terletak dalam Hutan Kuala Langat Utara. Jangan kita buat anggap yang silap, tiada seorang Orang Asli tinggal di Hutan Kuala Langat Utara, tiada sebarang kubur terlibat terletak di kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang nyahwartakan. Untuk makluman Yang Berhormat secara keseluruhan 55 peratus hutan Simpan Kuala Langat Utara telah dinyahwartakan masih tinggal tinggal 45 peratus, kita bukan 100 percent di nyahwartakan, tidak. Ini

30 OGOS 2021 (ISNIN)

satu rasa saya anggapan yang salah, yang dimain peranan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Yang spesies endemik, spesies endemik yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan adalah endemik di Selangor. Maksudnya masih boleh dijumpai di mana-mana kawasan hutan simpan gambut di Selangor boleh jumpa di hutan simpan Kuala Langat Selatan, Raja Musa di Sungai Karang lain-lain tempat. Tambahan pula masih terdapat baki yang tinggal hutan Simpan Kuala Langat Utara yang tinggal, yang boleh menjadi habitat spesies flora fauna di kawasan ini. So saya rasa penjelasan saya untuk Yang Berhormat Bukit Gasing, apakah *benefit*? Yang Berhormat Bukit Gasing mungkin tengok daripada 2 tahun 5 tahun akan datang sahaja. Kerajaan Negeri Selangor tengok ke depan keperluan pembangunan dalam masa 10 tahun 15 tahun. Walaupun Yang Berhormat kata kita masih ada banyak tanah untuk buat perumahan. Ia betul tapi selepas 10 tahun 15 tahun anak-anak kita, cucu kita nak beli rumah masa itu keperluan itu ada. Saya rasa saya tak perlu hurai panjang lebar tentang isu ini. Dan untuk Banting, Yang Berhormat Banting, Hutan Simpan Air Hitam ini, kawasan ini memang sudah jadi hutan simpan dah, dekat Puchong di kawasan itu yang orang suka untuk mendaki termasuk saya, itu merupakan hutan simpan dan untuk hutan Bukit Gasing. Pada mula-mulanya kita nak *classified* Bukit Gasing, hutan Bukit Gasing sebagai hutan simpan, di antara Boga dengan Bukit Gasing akhirnya kita pilih Broga hutan simpan, untuk Bukit Gasing tu lambat sikit kita akan buat, tapi lambat, kita akan cari penyelesaiannya untuk hutan simpan untuk *classified* Bukit Gasing ini sebagai hutan simpan. So saya rasa ada lagi... okay Sijangkang.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Yang Berhormat.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Nanti saya jawab. Untuk Yang Berhormat Sijangkang, 45 peratus masih ada hutan simpan bukan semua. Kerisauan banjir, bencana alam sekitar, saya rasa ini hanya satu anggapan kalau kita bandingkan di Kedah dengan Kelantan lagi teruk Yang Berhormat. Baru-baru ini di Gunung Ledang, hujan lumpur turun daripada gunung so selepas siasatan saya rasa masalah, masalah perhutanan dan juga kuari menjadi masalah dan di Kelantan masih sekarang hujan banjir tak selesai-selesai, kalau kita masih ingat 2015 banjir yang berlaku di Kelantan sampai sekarang, itu Yang Berhormat di Selangor hanya satu-satu negeri kita ada moratorium pembalakan sejak 2010. Ini usaha daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan. Kita telah pun tidak benar siapa-siapa untuk buat pembalakan dalam masa 25 tahun ini. Daripada 2010 hingga 2035 tidak dibenarkan walaupun ada masyarakat ada jumpa saya kerana Kerajaan dulu 2 ribu ekar hutan di Hulu Selangor untuk pembalakan, sekarang dia nak dapat permit, saya tak bagi sebab kita ada moratorium tidak benarkan, titah Tuanku. Dan juga Kerajaan Negeri Selangor satu-satu negeri, kita ada sesi konsultasi, kita ada sesi pendengaran awam di Kelantan mana ada dia orang buat, di Kedah mana ada. Hanya di Selangor kita ada sesi konsultasi siapa-siapa boleh bagi hujah, bagi bantahan kita terima. Selepas itu kita ada mesyuarat dan juga tindakan, siasatan ini pun hanya satu-satu di Malaysia. Kalau kata kita tidak pelihara hutan simpan, saya rasa ini tidak betul. Yang saya nak beri tahu semua Ahli

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Yang Berhormat sekarang, adakah penyahwartaan ini selepas penyahwartaan ini keluasan hutan simpan telah dikurangkan, tidak dia bukan setakat tidak dikurangkan bahkan penambahan, penambahan sebanyak 47.97 hektar keseluruhan, kita dapat tambah keluasan hutan simpan, manakala negeri-negeri lain mana ada. Usaha kita, saya sebagai EXCO mempertahankan hutan simpan, kalau ada kepentingan kalau perlu kita mengambil proses untuk buat. Itu kita janji, kita akan tunai dan lakukan.

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Soalan tidak dijawab.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Yang Berhormat tadi menjawab melihat ke hadapan hendak memberi lebih ruang untuk perumahan baru, itu sebab kita nyahwartakan hutan. *If that is really the case*, apakah strategik nya kita letak perumahan baru yang sangat jauh daripada *epicenter of economy and trade in the Klang Valley*. Kita masih banyak tanah yang telah di zon pembangunan yang belum dibangunkan *so far in the future maybe* dalam 15 tahun daripada sekarang kita nyahwartakan, tidak perlu nyahwartakan sekarang. Batang Berjuntai, Selayang, Rawang even Shah Alam banyak lagi ruang untuk pembangunan perumahan yang belum dibangunkan. *So is it a startegic master plan*. Adakah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa bahawa tanah perumahan semakin berkurangan ada keperluan untuk kita ambil tanah hutan dijadikan tanah perumahan?

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Ya Yang Berhormat Bukit Gasing, kita kena tengok tempat yang strategik. Kita jangan kira tanah dekat Putrajaya, Cyberjaya Hulu Selangor yang jauh. Yang pembangunan bercampur bukan setakat perumahan kilang ada semua ada, komersial ada, kita bukan setakat nak mengembangkan pembangunan kita. Kita kenakekalkan KDNK sekarang ini. Kita tidak boleh ada perancangan pada masa akan datang. Kita perlu buka setakat perumahan, kita perlu pembangunan pada masa akan datang untuk generasi akan datang. Dan mengapa bukan di Petaling Jaya bukan di Shah Alam, di sini ada kengkang tanah yang tak sesuai, pemilikan yang berlainan. So yang tu kita mempertimbangkan juga ECRL juga, laluan ECRL kalau berlaku di selatan. Dia memberikan satu pembangunan yang agak strategik untuk kawasan tersebut. So saya harap penjelasan dapat memuaskan Yang Berhormat, kalau tak memuaskan

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Kajang, sila bagi *point* yang terakhir untuk tamatkan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Timbalan Speaker, sorry Sijangkang silakan.

Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Timbalan Speaker. Tadi saya sebutkan dalam Rancangan Fizikal Negara, kawasan ini adalah

30 OGOS 2021 (ISNIN)

kawasan yang dikategorikan tahap satu kritikal bencana. Apakah pertimbangan kepentingan ini telah diambil, yang ini saya katakan bahawa untuk jangka masa yang panjang kawasan tempatan. Makna kalau ada gantian di luar pun tidak akan selesaikan masalah ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang terakhir ya. Selepas ini Kajang akan gulung tutup.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Timbalan Speaker. Isu saya adalah ini: Apa yang dimaklum kepada YB dalam Dewan yang mulia ini adalah kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara terpaksa dinyahwartakan, ini pada awal tahun lepas. Terpaksa dinyahwartakan kerana ada banyak pembakaran. Hari ini terbukti itu tidak benar. Tidak ada pembakaran, kita tak tunjuk fakta ini, beberapa kali saya sudah tunjuk dalam Dewan ini tiada pembakaran di Kuala Langat Utara. Hari ini baru kita boleh dengar sebab utama hutan simpan Kuala Langat Utara dinyahwartakan untuk satu syarikat membuat pembangunan bercampur. Jadi saya sangat terkilan. Sepatutnya kerajaan Negeri beri fakta yang betul kepada ADUN-ADUN semua dalam Dewan yang mulia ini. *Point* yang terakhir Tuan Speaker, saya nak tunjuk bukti ini. Saya baru dapat buku ini. Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Selangor 2021 sehingga 2030. Dalam semua peta-peta hutan simpan Negeri Selangor masih dapat kita boleh lihat Hutan Simpan Kuala Langat Utara. Dia sangat kecil, saya guna ini, yang merah, yang merah ini tanah gambut. Itu sahaja. Kecil sahaja macam semut. Setiap peta ada hutan simpan Kuala Langat Utara. Apa maksudnya, maksudnya walaupun mungkin lah, saya tidak tahu, saya bukan EXCO lagi, mungkin Jabatan Perhutanan Negeri Selangor ataupun Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia rasa *a bit shy*, dengan izin, nak luahkan perasaan mereka membantah apa yang dibuat oleh kerajaan Negeri. Tetapi buku ini adalah bukti bahawa mereka sokong Hutan Simpan Kuala Langat Utara dikekalkan di Negeri Selangor. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker.

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN : Terima kasih. Saya rasa ni *last* ya. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sijangkang, saya rasa semasa perbincangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bersama dengan JPS, LUAS, kita telah pun mengambil kira semua ni. So saya rasa dalam perancangan akan datang mereka akan submit EIA juga. So kesemua ni kita akan teliti dan untuk makluman Yang Berhormat Bukit Lanjan, 55 peratus kawasan hutan simpan Kuala Langat Utara yang dinyahwartakan tu, 50 peratus yang telah pun dibagi kepada syarikat. Ini merupakan tanah hutan yang terusuk, yang terbakar semenjak 5-6 tahun yang lepas. Masih kosong tak ada pokok-pokok tinggi, terusuk, kena... terbakar dulu, bukan ada

30 OGOS 2021 (ISNIN)

pokok yang sangat tinggi, yang apa, besar, tidak. Ada tanah terusuk terlibat dalam pembakaran. So saya memang, buku Yang Berhormat ambil itu, saya kemungkinan tersilap, ini kesilapan saya. Yang tersilap untuk bagi kepada Yang Berhormat. Ini belum diluluskan oleh Mesyuarat MMKN. Ini merupakan buku yang diberi oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, yang serah kepada saya untuk rujukan. Dia ada 3 naskhah, saya bagi 1 naskhah kepada Yang Berhormat untuk buat rujukan, bukan untuk bentang dalam Dewan ni sebab dia belum diluluskan oleh Mesyuarat MMKN lagi. Ia hanya satu dasar yang daripada pusat untuk makluman dan kelulusan daripada EXCO tapi belum lagi. So, harap difaham. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya persilakan Yang Berhormat Paya Jaras.

YB. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN : Yang Berhormat Speaker, saya minta maaf sebab minggu lepas ada tertinggal satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang, pada penggulungan, saya nak jawab sikit. Yang Berhormat Permatang membangkitkan isu tentang lumba haram di kawasan Yang Berhormat Permatang. Di antara lokasi panasnya adalah di Batu 4, Batu 12, Jalan Klang, Sabak Bernam dan Jalan Ban Kenal, kawasan Taman Nilam, Sungai Terap. Ada dua jawapan yang saya boleh bagi pada Yang Berhormat. Satunya kalau kita nak fokus tentang sukan permotoran, maka jawapan Kerajaan Negeri ada jawapan iaitu kita akan bina satu litar di Gombak ataupun di Hulu Selangor atas tanah yang kita miliki oleh MSN. Tetapi itu tidak menyelesaikan masalah Yang Berhormat. Jadi apa yang Kerajaan Negeri buat adalah saya akan minta pihak berkuasa tempatan, Majlis Perbandaran Kuala Selangor, minta cadangkan pada kerajaan Negeri buat surat kepada saya, cadangkan apakah ada tapak yang sesuai untuk kita buat laluan pecut ini. Kalau ada *insyaAllah* saya akan turun dan melihat dan kita akan cari peruntukan untuk selesaikan masalah adik-adik kita di kawasan Yang Berhormat itu nanti. *Insya Allah.* Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya persilakan Yang Berhormat Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas, bertanya dan memberi pandangan semasa sesi perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Saya ingin memulakan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Banting. Tuan Speaker, Yang Berhormat Banting ada membangkitkan isu mengenai situasi semasa projek ECRL. Saiz landasan, *rail gauge* serta perolehan keuntungan projek ini. Seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Banting mengenai pelaksanaan projek ini, yang diteruskan oleh kerajaan Persekutuan. Keputusan kerajaan Negeri Selangor berhubung projek ECRL ketika ini masih kekal dengan keputusan terdahulu iaitu Jajaran Seksyen C Selatan, iaitu Temerloh-Simpang Pelangai- Kuala Kelawang- Nilai- Putrajaya- Sri Cheeding- Pulau Carey- Westport. Keputusan berhubung jajaran Seksyen C Selatan telah dimaklumkan dengan jelas

30 OGOS 2021 (ISNIN)

sama ada melalui kenyataan media maupun secara rasmi kepada Kerajaan Persekutuan dan MRL Sdn. Bhd. pada 19 April 2021.

Berhubung isu perbezaan *rail gauge* pula, landasan ECRL menggunakan *standard gauge* iaitu 1.435m manakala landasan KTM Berhad menggunakan *meter gauge* iaitu 1 meter. Isu teknikal berhubung penggunaan *gauge* yang berbeza dan projek perolehan perolehan keuntungan projek ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri memandangkan projek ini merupakan projek di bawah seliaan dan kelolaan Kerajaan Persekutuan dan makluman tersebut seharusnya diperolehi daripada pihak yang terlibat di peringkat Persekutuan. Seterusnya, Yang Berhormat Pandamaran ada membangkitkan isu berkaitan kerisauan penduduk terhadap projek LRT 3 apabila berlakunya insiden runtuhan perancah besi ataupun *iron scaffolding* di tapak LRT 3 di Klang dan pemantauan yang dilaksanakan di tapak berkenaan. Insiden runtuhan perancah besi telah berlaku pada 29 Julai 2021 lebih kurang jam 2.41 petang di tapak Pakej GS 09 iaitu di Jalan Langat, Bandar Bukit Tinggi berhadapan Hotel Premier. Insiden ini melibatkan 5 pekerja di tapak di mana 4 daripadanya berjaya diselamatkan dan seorang pekerja meninggal dunia. Arahan henti kerja (*stop work order*) telah dikeluarkan serta-merta kepada kontraktor Pakej GS 09.

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan-tindakan keselamatan yang telah diambil oleh pihak LRT 3 adalah seperti berikut:

- a) Memberhentikan semua kerja perancah, *form work* dan konkrit di sepanjang jajaran LRT 3 selepas kemalangan untuk semakan;
- b) Pembekal yang membekalkan perancah bagi kawasan kemalangan telah diberhentikan penggunaannya di sepanjang jajaran LRT 3 sehingga keputusan penyiasatan akhir dikeluarkan;
- c) Kesemua kontraktor jajaran LRT 3 perlu mengemukakan dan menyemak semula *design calculation and shop drawing* yang diluluskan oleh PE atau CICE untuk perancang dan *form work* bagi mendapatkan kebenaran aktiviti kerja daripada pihak MRCB George Kent Sdn. Bhd. dan memastikan insiden tidak berulang dan;
- d) Jurutera perunding bertauliah yang bebas telah dilantik untuk menjalankan penyiasatan terperinci dan akan menghasilkan laporan penuh hasil siasatan. Laporan akan diserah kepada semua pihak selepas penyiasatan terperinci tamat.

Selain daripada itu, pemantauan dijalankan pihak LRT 3 dengan menyemak semula SOP dan menambah baik perincian dengan mengikuti dan mematuhi *standard BS5975* serta Juru perunding bertauliah yang bebas telah dilantik sebagai pihak ketiga untuk menyemak semula reka bentuk dan pengiraan yang dihantar oleh kontraktor di sepanjang jajaran LRT 3. Langkah segera juga telah diambil pihak LRT 3 terhadap kerosakan jalan berlubang dan lampu isyarat di kawasan tapak projek LRT 3 dengan

30 OGOS 2021 (ISNIN)

melakukan pembaikan segera. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Klang akan sentiasa memastikan aspek keselamatan di tapak perlu dititikberatkan dengan lebih terperinci oleh pemaju projek berkenaan dan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan kejadian seumpamanya tidak berulang dan dapat dielakkan.

Seterusnya saya ingin menjawab kepada soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan dan Yang Berhormat Sijangkang mengenai mengusulkan melibatkan Ahli Majlis dalam Jawatankuasa Tender PBT untuk memantau proses tender. Pada masa ini, Ahli Majlis adalah bertindak sebagai pemerhati dalam Jawatankuasa Sebut Harga dan Jawatankuasa Tender di PBT. Keputusan ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 8 Tahun 2011. Sebagai tambahan, MMKN Ke-14 Tahun 2015 telah bersetuju agar pemerhati akan dalam kedua-dua jawatankuasa tersebut. Boleh memberi pandangan sepanjang mesyuarat dan dibekalkan sesalinan dokumen tender dan sebut harga untuk diteliti semasa mesyuarat sedang berlangsung namun tidak dibenarkan dibawa keluar daripada bilik mesyuarat. Oleh yang demikian, Ahli Majlis masih boleh memainkan peranan mereka serta boleh melaporkan kepada kerajaan Negeri atau pihak berkuasa lain sekiranya ada salah laku yang dikenal pasti dalam proses perolehan.

Yang Berhormat Sungai Air Tawar membangkitkan Ahli Majlis perlu mendalami dan mendekati masalah rakyat khususnya peniaga ketika ini. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat, saya ... Oh dia tak ada dalam Dewan, saya skip ya ...

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Cela, berkaitan dengan penglibatan Ahli Majlis tadi yang untuk terlibat dalam Jawatankuasa Tender, seperti isu yang dibangkitkan baru-baru ini apabila ada kakitangan yang disyaki terlibat dalam isu rasuah ni. Antara faktor adalah ada kontraktor yang membolot projek dan mengawal belasan syarikat, sebab tu saya mencadangkan dalam perbahasan saya supaya sekurang-kurangnya mungkin dalam penyerahan borang tender ataupun bekalan ini dilibatkan Ahli Majlis juga untuk mengelakkan perkara-perkara ini berlaku dan berulang saya kira bukan sahaja mungkin di MPKL tetapi juga di Majlis-majlis lain yang saya dapat maklumat. Supaya kita dapat melihat *owner operator* sahaja yang akan membawa borang dan menyerahkan bukan seorang membuat berbelas borang dan mewakili daripada syarikat yang berbeza. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih. Kes-kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah kes-kes yang lama dan dengan penglibatan Ahli Majlis di dalam sebagai pemerhati di dalam jawatankuasa kedua-dua jawatankuasa itu, dan saya yakin Ahli Majlis dapat membantu perkara seperti macam ni berlaku lagi. Terima kasih.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Maksud saya Yang Berhormat EXCO, Ahli Majlis dilibatkan semasa penyerahan borang permohonan tender ataupun sebut harga lagi.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Ya, yang tu kalau semasa penyerahan borang itu saya nampak hanya satu proses dalam tender proses tender itu yang penting sekali semasa mesyuarat. Semasa mesyuarat semasa syarikat tertentu tu dipilih. Adakah ia dipilih dengan cara yang betul, adakah proses itu mematuhi, inilah peranan Ahli Majlis sebagai pemerhati dalam jawatankuasa tersebut. Mereka perlu melaksanakan pemantauan proses tender.

YB. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Maksud saya untuk mengawal sekurang-kurangnya pada peringkat awal ...

YB. TUAN NG SZE HAN: Ya, yang ni kita akan kaji proses yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Okay Yang Berhormat Permatang memohon kerajaan Negeri menjadikan syarat penyediaan kawasan penjaja sebagai syarat pembangunan baru secara amnya pihak berkuasa tempatan akan berusaha membantu mengenal pasti tapak-tapak baharu yang bersesuaian untuk mewujudkan lebih banyak peluang kepada yang ingin bermula. Bagi penyeliaan tapak penjaja di kawasan pembangunan baharu, perkara ini perlu diteliti dahulu bagi memastikan sesuatu pembangunan dirancang secara mampan dan menepati konsep *sustainable development goal* yang dianjurkan oleh United Nation. Yang Berhormat Sungai Air Tawar lagi.. tak apalah saya jawab sahaja lah, dia mencadangkan MPKS agar kemudahan awam seperti balai raya, tandas awam dibaik pulih. Okay Kerajaan Negeri ambil maklum akan cadangan tersebut dan akan meneliti sewajarnya bersama MPKS dan agensi yang berkaitan.

Yang Berhormat Pandamaran lagi, dia memohon kaji semula jalan JKR di kawasan luar bandar untuk diserahkan kepada PBT. Saya percaya pihak PBT tidak mempunyai masalah sekiranya jalan JKR diserahkan untuk diselenggara oleh PBT. Tertakluk, tetapi tertakluk sekali dengan penyerahan peruntukan. Tiada masalah. Saya pernah bincang perkara ini panjang lebar dengan Datuk Bandar dan YDP semasa Mesyuarat Standco. Adakah kita bersedia? Sebenarnya PBT bersedia tetapi dengan syarat peruntukan itu juga harus diserahkan sekali kepada PBT supaya kita ada keupayaan untuk menyenggara jalan-jalan tersebut. Namun keputusan ini di bawah bidang kuasa JKR.

Yang Berhormat Sentosa meminta untuk meningkatkan pengurusan dan penguatkuasaan sisa pepejal. Kerajaan negeri telah memutuskan agar semua operasi kutipan sisa pepejal domestik dan perkhidmatan pembersihan awam di PBT Negeri Selangor di kendali oleh anak syarikat iaitu *KDEB Waste Management Sdn. Bhd.* Bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, *KDEB Waste Management* telah melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk pemantauan secara bersepadu dan berpusat melalui pusat

30 OGOS 2021 (ISNIN)

aduan yang dikenali sebagai *Centralised Command Centre* dan membangunkan aplikasi *i-clean Selangor* sebagai salah satu platform aduan. Di samping itu Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Sisa Pepejal Negeri Selangor. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh saya bersama Yang Berhormat Alam Sekitar, EXCO Alam Sekitar dan antara ahli adalah PBT negeri Selangor, Jabatan Alam Sekitar negeri Selangor dan KDEB. Oleh yang demikian Jawatankuasa ini akan memantau dan memastikan pengurusan sisa pepejal di PBT masing-masing dilaksanakan dengan baik. Secara amnya pemberian tong sampah percuma kepada setiap rumah merupakan inisiatif dan mengikut kemampuan PBT masing-masing. Terdapat PBT yang menyediakan tong sampah percuma secara berperingkat mengikut DUN atau kawasan bergantung kepada peruntukan semasa. Oleh yang demikian pihak PBT khususnya MPK di kawasan Yang Berhormat Sentosa akan meneliti perkara ini sewajarnya.

Yang Berhormat Permatang juga meminta Kerajaan Negeri perlu meneruskan bantuan kewangan berkaitan pengurusan sisa pepejal Kampung Tradisi di MPKS untuk tahun 2002 dan 2023. Untuk makluman Yang Berhormat Permatang bermula tahun 2016 Kerajaan Negeri telah menyediakan bantuan kewangan kepada PBT yang berpendapatan rendah bagi pengurusan sisa pepejal Kampung Tradisi. Bantuan ini telah disalurkan kepada PBT berstatus Majlis Daerah. Kini beberapa PBT telah dinaiktaraf dari Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran. Seperti mana yang diluluskan kepada Majlis Perbandaran Kuala Selangor. Untuk makluman yang Berhormat antara salah satu kriteria yang ditetapkan oleh KPKT untuk naiktaraf majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran adalah mempunyai pendapatan dari sumber kewangan yang mampan. Dengan hasil tahunan tidak kurang daripada RM20 Juta dan berupaya menyediakan perkhidmatan pada tahap yang wajar dan selesa sesuai dengan tahap kualiti hidup sebuah perbandaran. Oleh itu sebarang pertimbangan bantuan kewangan berkaitan pengurusan sisa pepejal Kampung Tradisi tahun 2020 kepada PBT akan diteliti sewajarnya mengikut kedudukan kewangan sedia ada.

Yang Berhormat Permatang dan Banting juga memohon untuk mengkaji agar kadar caj pemajuan dapat dikurangkan. Untuk makluman Yang Berhormat caj pemajuan merupakan satu berbentuk kutipan wang berkaitan pemajuan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 31 Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 iaitu Akta 172. Pengenaan caj pemajuan kepada pembangunan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada kaedah-kaedah caj pemajuan 2010 dan kaedah-kaedah caj pemajuan pindaan 2021 negeri Selangor yang telah diwartakan. Perkara ini akan diteliti dahulu mengikut peruntukan undang-undang.

Tuan Timbalan Speaker, kita sedih melihat COVID-19 telah meragut nyawa rakyat Malaysia. Kita sering sedih melihat rumah mayat COVID-19 penuh suatu ketika. Kerajaan Negeri Selangor turut bersimpati dan merasai kesedihan mereka yang hilang ahli keluarga akibat COVID-19. Takziah. Kes COVID-19 yang tidak turun-turun telah mendatangkan pelbagai kesan sampingan. Antaranya kesesakan krematorium. Yang

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Berhormat Sentosa dan Balakong telah membangkitkan soal krematorium dan juga timbul cadangan untuk menyediakan lebih banyak krematorium. Kerajaan Negeri telah bersetuju agar semua PBT mengambil tindakan segera berhubung penyediaan tapak perkuburan khas dan krematorium di kawasan pentadbiran masing-masing. Khususnya bagi menangani kes kematian COVID-19. Kerajaan Negeri juga mengarahkan semua PBT supaya kenal pasti lokasi yang sesuai, meneliti dan merancang bagi mewujudkan pusat pembakaran mayat ataupun krematorium di dalam cadangan belanjawan 2022. Termasuk menetapkan satu kadar yang berpatutan bagi tidak membebankan. Kerajaan Negeri tidak ingin melihat rakyat terdesak kerana menghadapi masalah kewangan untuk menguruskan jenazah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang isu pertambahan penjaja di jalan-di jalan. Ibarat cendawan tumbuh selepas hujan. Sungguh, pandemik COVID-19 memberi tamparan hebat kepada ekonomi dunia. Sudah pasti Malaysia tidak terkecuali daripada ancaman wabak ini. Hal ini bertambah parah apabila kelihatan terlalu banyak ketidakpastian di politik negara. Menyaksikan tiga pertukaran Perdana Menteri dalam satu penggal. Seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Banting tadi. Pintu depan ditutup tetapi pintu belakang terbuka. Perebutan kuasa di peringkat Pusat dan sebagainya. Kan Yang Berhormat Templer, betul ya? Jadi Ahli-Ahli Yang Berhormat, esok peluang pekerjaan kini menjadi kritikal dengan hanya beberapa sektor terpilih dibenarkan beroperasi pada tahap minimum. Banyak syarikat terpaksa gulung tikar. Ramai yang terpaksa melangkah keluar dari *comfort zone* demi meneruskan kelangsungan hidup. Lantas rata-rata yang telah mula mencebur perniagaan secara kecil-kecilan termasuk menjadi penjaja tepi jalan. Edar akan desakan hidup yang dihadapi, Kerajaan Negeri memilih untuk bersama mereka. Nasib penganggur-penganggur ini akan dibela oleh Kerajaan Negeri Selangor yang tidak ada kemelut kuasa yang stabil politiknya yang sentiasa cinta akan rakyatnya. Dalam tempoh pandemik ini Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua PBT supaya mempermudah dan mempercepatkan kelulusan lesen penjaja sementara bagi mereka yang ingin memulakan perniagaan kecil dan meneruskan sara hidup mereka. PBT juga telah diarahkan untuk mengenal pasti lebih banyak tapak atau lokasi yang sesuai untuk dijadikan tapak penjaja sementara. Dengan memastikan kawalan keselamatan dan tidak mendatangkan kacau ganggu kepada masyarakat sekitar. Kerajaan Negeri membuka peluang untuk mereka yang hilang kerja untuk mulakan perniagaan kecil-kecilan. Sepanjang pandemik ini Kerajaan Negeri telah.

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Sekejap. Satu ayat. Biar saya habis ya. Sepanjang pandemik ini Kerajaan Negeri telah membantu 8,000 penjaja untuk meneruskan sara hidup. Ha, silakan Yang Berhormat Hulu Kelang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Kelang.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta tapak peniaga dan permit sementara, tempat itu tidak menyebabkan kacau ganggu. Susah. Tidak ada tempat yang tidak mengganggu orang lain. Jadi keadaan ini menjadikan kita rasa terkilan kerana ada penguatkuasa yang bertindak sama semasa zaman sebelum COVID-19 dan selepas COVID-19. Macam mana kita nak mengatasi. Bagaimanakah komunikasi dengan antara beberapa PBT dilakukan. Ada PBT yang *lenient* beri ruang, ada yang tak beri, yang keras. Jadi imej masih keras dan kasar. Kita nak gambarannya adalah PBT yang mesra rakyat yang *consider* dengan izin dan ambil tahu. Di sini kita nak panduan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Okay yang itu betul. Sekiranya kita nak carikan satu tapak yang langsung tiada kacau ganggu bermakna tapak itu tiada sambutan baik daripada penduduk. Bermakna tapak itu adalah sunyi atau di satu *corner* satu hujung sekali. Di mana tidak akan dapat pelanggan untuk membeli makanan apa-apa yang dijual oleh penjaja sementara ini. Jadi kalau kita nak mengelakkan kacau ganggu 100% itu memang mustahil. Oleh itu kita perlu cari satu tapak seperti apa yang saya sebut tadi, tapak yang selamat dan kacau ganggu itu minimum dan kita perlu ada satu persefahaman antara komuniti setempat supaya kita bersama-sama untuk memberi bantuan kepada penjaja sementara ini. Dan tadi saya dah kata Kerajaan Negeri telah membantu 8,000 penjaja dalam semasa sepanjang pandemik ini untuk meneruskan sara hidup mereka. 8,000.

Yang Berhormat Sungai Air Tawar juga telah mencadangkan. Ha dia baru masuk. Ok saya jawab ya. Satu isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar. Dia mencadangkan supaya fi lesen penjaja dikecualikan bagi membantu kos yang perlu ditanggung oleh penjaja dalam kegawatan ekonomi sekarang. Suka saya sekali lagi menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat terhadap fi penjaja ini. Boleh saya mengatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor sangat sayang terhadap penjaja-penjaja dan sentiasa bersama golongan mereka. Bagaimana? Sejak tahun 2016 lagi Kerajaan Negeri telah mengecualikan fi lesen penjaja. Sehingga tahun 2021 tekad membela nasib dan kasih sayang Kerajaan Negeri terhadap penjaja masih diteruskan. Bermula dengan tahun 2016 pengecualian fi lesen sebanyak RM7.2 Juta dengan memanfaatkan 70,000 penjaja. Tahun 2017, RM12 Juta, tahun 2018 RM11.5 Juta, tahun 2019 RM10.5 Juta, tahun 2020 RM12.8 Juta. Walaupun impak kewangan kepada Kerajaan itu besar tapi berat sama dipikul ringan sama dijinjing. Maka pengecualian fi lesen ini telah disambung pada tahun 2021 dengan impak kewangan sebanyak RM7.6 Juta sehingga setakat ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Kinrara panjang lagi?

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Tak. Sikit... Tak faham? Tak jelas?

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Boleh?

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Okay boleh.

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Ok terima kasih, Yang Berhormat Kinrara. Saya ingat itu satu inisiatif yang cukup baik. Cuma saya sebenarnya bawa kerana ada aduan daripada kalangan-kalangan penjaja. Mungkin mereka ini tak dapat pendedahan ataupun dan sebagainya. Saya ingat boleh difikirkan oleh kerajaan Negeri Selangor pada hari ini bagaimana untuk memudahkan mereka dapat benda-benda ini? Sebab benda ini adalah aduan-aduan luar yang disampaikan kepada saya atas sebab itu kita bawa ke Dewan lah. Rupanya memang dah ada. Saya ucapan tahniahlah. Cuma macam mana kaedah dan nak ni...

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Penjaja ini dikenakan caj lesen? Benda apa?

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Dia diganggu. Maksudnya dia meniaga dia tak dapat lesen dan dia buat aduan...

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Oh dia tak dapat lesen bukan fi lesen?

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Haa bukan...

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Mohon lesenlah?

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Haa permohonan lesen.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Yang Berhormat boleh bantu mereka untuk kemukakan permohonan lesen sementara ke Majlis Daerah Sabak Bernam dan seperti apa yang sebelum Yang Berhormat masuk, saya telah menjawab Kerajaan Negeri telah membantu 8,000 penjaja semasa tempoh pandemik ini. Saya tak nampak masalah kenapa kawasan Sabak Bernam...

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Yang Berhormat, yang itu boleh beri pada saya *list* dia? Saya nak tahu siapa yang 8,000 penjaja tu? Kita nak nama 8,000 penjaja yang dapat. Ya.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Nama? Nama individu? Nama individu kita tak bolehlah. Tapi kalau nak jumlah dengan lokasi di daerah Sabak Bernam saya boleh bekalkan. Jumlah tapak lokasi di daerah Sabak Bernam ataupun Kuala Selangor saya pun boleh bagi kan. Tapi kalau nak individu, data individu itu tak boleh lah.

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Saya kira satu jumlah yang cukup besar yang tadi itu. Ada RM12 Juta betul tahun 2020. Yang dapat tadi Yang Berhormat sebut yang dibelanjakan.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : RM12juta? Tak yang itu, fi yang dikecualikan. Fi lesen yang dikecualikan.

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Yang itu kalau saya mintalah, kalau boleh kita ada data.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Oh Data tu? Boleh. Boleh yang itu boleh.

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Boleh ya. Terima kasih. Ok.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Fi yang dikecualikan. Okay. Dan sampai mana ya? Okay. Bukan itu saja ya. Kerajaan Negeri juga telah mengecualikan sewa premis milik PBT bagi bulan April dan Mei 2020 dengan implikasi kewangan sebanyak RM5juta bagi dua bulan pengecualian tersebut. Tak cukup lagi. Kerajaan Negeri nak bantu lagi. Maka pada tahun 2021, Kerajaan Negeri sekali lagi mengecualikan lagi sewa premis milik PBT, iaitu bagi bulan Jun dan Julai 2021, bagi premis yang tidak beroperasi. COVID-19 itu satu kejutan kepada kita semua. Banyak yang telah berubah, namun jangan kita berputus asa. Banyak platform akan disediakan, termasuk PLAT Selangor, Hijrah, yang membolehkan peniaga baru untuk mengendalikan bisnes mereka atas talian.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Timbalan Speaker. Yang Berhormat EXCO, saya nak tanya, sebab apa yang, saya dengar bahawa Yang Berhormat menyatakan bahawa, sebab ini berkaitan dengan soalan saya tempohari. Yang Berhormat menyatakan, bahawa premis yang tidak beroperasi, adakah ia sama dengan soalan saya ataupun ada jawapan lain yang akan dikemukakan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Premis yang tidak beroperasi itu, kita merujuk kepada premis PBT, milik PBT, yang tidak dapat beroperasi akan dikecualikan bayaran sewa.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Adakah ini gerai yang saya maksudkan dalam soalan saya.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Kalau gerai itu milik PBT, ia akan dikecualikan sewa, bagi bulan Jun dan Julai untuk tahun ini.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Oh, dua bulan sahaja.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Kerana dua bulan ini, mereka tidak dibenarkan untuk bermiaga.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Maknanya setiap PBT yang, peniaga yang menyewa premis dikecualikan dua bulan...

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Bagi mereka yang tidak dibenarkan berniaga kerana SOP MKN. Okay, jelas ya.

Y.B. DATUK RIZAM BIN ISMAIL : Yang Berhormat, saya nak tanya sikit. Kalau berkenaan dengan yang di bawah Anak Syarikat, macam PKNS..

Y.B. TUAN NG SZE HAN : PKNS, PKNS tu, bukan bawah portfolio saya. Tapi bagi sewaan bawah PBT, bawah PBT akan dikecualikan.

Okay, saya tinggal satu ayat saja. Biar saya habiskan, ya. Marilah kita sama-sama mengambil hikmah di sebalik COVID-19, di sebalik ujian. Saya doakan agar rakyat kita kembali sihat dan kekal sihat. Saya juga doakan agar penjaja-penjaja ini berjaya. Menjadikanlah lesen sementara satu titik permulaan baru, dari penjaja di tepi jalan berkembang bisnesnya ke kedai. Dari satu kedai, kemudian berkembang lagi dengan pembukaan satu demi satu cawangan, satu hari nanti. Sekian gulungan saya. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya persilakan Yang Berhormat Sungai Kandis.

Y.B TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang hadir pada tengah hari ini. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Dewan yang mendoakan kesihatan dan kesejahteraan saya. Dan *Alhamdulillah* di penghujung sidang, saya sempat bersama rakan-rakan semua. Mudah-mudahan dapat membantu untuk merungkaikan persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Pelabuhan Klang, Taman Medan, Seri Setia dan Meru.

Pelabuhan Klang membangkitkan tentang pengurusan jenazah COVID. Terutamanya di Hospital Tengku Ampuan Rahimah. Jumlah jenazah COVID-19, di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, yang diuruskan oleh pihak JAIS, mengikut tarikh sehingga 25 Ogos, berjumlah 605 orang. Dan kita melihat kes saban hari meningkat dan kemuncaknya pada 11 Ogos 2021, sebanyak 32 jenazah diuruskan dalam sehari. Namun begitu, sejak kebelakangan ini, kes makin menurun dan tarikh akhir 26 Ogos 2021, sebanyak 16 jenazah diuruskan.

Berkenaan dengan Tanah Kubur Selat Klang yang hampir penuh. Tanah Perkuburan Selat Klang mempunyai keluasan 28 ekar. Walau bagaimanapun, tapak yang telah siap diratakan dan ditambak oleh pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK), bagi tujuan pengkebumian jenazah biasa dan jenazah COVID-19 adalah seluas dua ekar. Memandangkan jenazah tersebut hampir penuh, memandang tanah tersebut hampir penuh dan perlu dikhususkan untuk jenazah biasa ahli kariah, maka pengkebumian jenazah COVID-19, telah dipindahkan ke tapak Perkuburan Johan Setia Klang yang mempunyai tapak seluas 10 ekar, yang telah disediakan untuk menerima jenazah.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Pihak MPK perlu membuat kerja-kerja perataan dan penambakan di tapak kubur Selat Klang, yang mempunyai baki seluas 16 ekar, yang boleh dijadikan tapak perkuburan untuk ahli kariah.

Berkenaan dengan caj urusan jenazah COVID-19, JAIS memberikan caj perkhidmatan pengurusan jenazah percuma di hospital. Waris hanya perlu membayar caj perkuburan yang ditetapkan oleh pihak PBT atau kubur kariah yang dikhkususkan sebagai kubur COVID-19, iaitu antara RM300.00 hingga RM500.00. Caj bayaran pengurusan jenazah COVID-19 yang berbangkit akhir-akhir ini, di beberapa hospital, adalah caj yang ditetapkan oleh Unit Hal Ehwal Islam Hospital yang dimaklumi oleh pihak hospital. Ia tiada kena mengena sebarang ketetapan oleh pihak JAIS. Berkenaan dengan kubur-kubur kariah sedia ada dibenarkan untuk dijadikan kubur kariah COVID-19, JAIS telah menambah keperluan tanah perkuburan bagi pengkebumian jenazah COVID-19 di setiap daerah. Sehingga 23 Ogos 2021, terdapat 42 tanah perkuburan telah dikhkususkan sebagai tanah perkuburan jenazah COVID-19. Di mana dari jumlah tersebut, 7 adalah tanah perkuburan di bawah seliaan PBT dan 36 adalah tanah perkuburan kariah. Namun begitu, selepas melalui Fasa 1, pengurusan jenazah COVID-19, mulai 16 Julai hingga 24 Ogos 2021, sehingga, Pasukan Pengurusan Jenazah COVID-19 JAIS atau PJC, dapat menguruskan sebanyak 593 jenazah. Kini pasukan petugas JAIS bersama pasukan NGO Islam, yang ditauliahkan telah mulai mengendali sepenuhnya jenazah Covid-19 di Hospital Shah Alam, Hospital Banting, Hospital Kajang, Hospital Ampang dan turut mendapat slot secara mingguan di Hospital Serdang.

Bagi meningkatkan kerjasama yang berterusan di antara JAIS dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, pada 25 Ogos 2021, setelah melalui beberapa siri perbincangan, telah bersetuju membuat ketetapan dan persefahaman bersama berhubung pengurusan COVID-19, di semua hospital Negeri Selangor termasuk hal-hal yang berkaitan dengan tanah perkuburan COVID-19. Jadi ini adalah ketetapan dan persefahaman bersama antara JAIS dengan JKNS, berkaitan pengurusan jenazah COVID-19 di semua hospital negeri Selangor. Dan penetapan tanah perkuburan bagi pengkebumian jenazah COVID-19 yang nanti boleh diperolehi oleh semua Ahli Dewan yang memerlukan. Antara ketetapan yang persetujui, antaranya ialah :-

- i) Membenarkan pihak jenazah yang didapati bukan pemastautin, atau tinggal tetap di negeri Selangor, dibenarkan untuk dibawa merentas negeri oleh waris, selaras dengan garis panduan pengurusan membawa mayat disahkan COVID-19 yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia tahun 2020.
- ii) Membenarkan jenazah COVID-19 dari kalangan rakyat negeri Selangor yang meninggal di mana-mana hospital di luar negeri Selangor untuk dibawa balik dan dikebumikan di mana-mana perkuburan COVID-19, yang berhampiran dengan kediaman waris.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

- iii) Membenarkan waris untuk membawa jenazah COVID-19, merentas daerah jika si mati meninggal di mana-mana hospital dalam daerah yang lain, untuk dikebumikan di tanah perkuburan COVID-19, yang hampir dengan kediaman waris.
- iv) Memberi kebenaran kepada waris untuk membawa jenazah dan dikebumikan di mana-mana tanah perkuburan COVID-19 yang ditetapkan dalam daerah yang sama, walaupun tanah perkuburan berkenaan tidak dikhususkan bagi hospital berkenaan. Sebagai contoh, jika si mati meninggal di Hospital Shah Alam, jenazah boleh dikebumikan di tanah perkuburan Islam Merbau Sempak, Sungai Buluh.
- v) Pihak JAIS dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor bersetuju agar urusan pemindahan jenazah ini hanya akan diuruskan oleh semua pertubuhan Islam Bukan Kerajaan, Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (NGO Islam) yang diberi kebenaran oleh JAIS, atau Pasukan Jenazah COVID-19 JAIS sahaja.

Berkenaan dengan, senarai hospital yang telah memberi laluan pengurusan jenazah COVID-19 kepada pihak JAIS dan bilangan jenazah yang diuruskan sehingga 26 Ogos 2021.

Sebanyak 1,293 bilangan jenazah telah diuruskan di hospital-hospital :-

- i) Hospital Tengku Ampuan Rahimah – 661
- ii) Hospital Ampang – 126
- iii) Hospital Shah Alam – 47
- iv) Hospital Kajang - 106
- v) Hospital Banting - 114
- vi) Hospital Serdang - 196
- vii) Hospital Sabak Bernam - 15
- viii) Hospital Tanjung Karang -12
- ix) Hospital Kuala Kubu Baharu – 16

Apakah inisiatif JAIS dalam pengurusan jenazah di hospital negeri Selangor? JAIS bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, pihak PBT, pihak PKD, dan juga NGO Islam menyelaraskan pengurusan jenazah COVID-19, di hospital-hospital negeri Selangor merangkumi beberapa inisiatif :

- i) Menetapkan 42 tanah perkuburan Islam khas bagi pengkebumian jenazah COVID-19, yang terdiri daripada 7 tanah perkuburan PBT dan 35 tanah perkuburan kariah.
- ii) Menetapkan hanya sebahagian tanah kubur khas yang ditentukan dengan keluasan antara 0.5 hingga 2.5 ekar, serta bergantung pada keluasan keseluruhan tapak perkuburan berkenaan, untuk digunakan bagi jenazah COVID-19.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

- iii) Melaksanakan kerja-kerja peluasan di kubur khas COVID-19, di Sungai Sekamat, Kajang seluas 2.5 ekar, Tanah Perkuburan Islam As-Sobirin, AU4, Taman Seri Keramat, seluas 2.5 ekar, dan tanah Perkuburan Islam Kampung Banting, Kuala Langat seluas 0.75 ekar.
- iv) Seterusnya Jawatankuasa ini mewujudkan pegawai penyelaras di peringkat negeri dan pegawai penyelaras di peringkat daerah, yang akan menyelaras fungsi dan tanggungjawab pasukan petugas dengan agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan jenazah COVID-19.
- v) Seterusnya melantik 8 buah NGO sebagai rakan strategik JAIS dalam mengurus jenazah COVID-19.
- vi) Memberi tauliah khas kepada semua sukarelawan pengurusan jenazah COVID-19 di bawah JAIS sebagai usaha mewujudkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam melaksanakan tugas.
- vii) Seterusnya mengurus sepenuhnya pengurusan jenazah COVID-19 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang, oleh pegawai JAIS, pegawai masjid dan sukarelawan perseorangan.

Jadi itu adalah rumusan daripada perkara-perkara yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam, melalui Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat...

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Mohon soalan.

Y.B TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : menyelaras jenazah-jenazah meninggal di negeri Selangor. Silakan.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis kerana telah menjelaskan tentang persoalan yang ditimbulkan oleh saya semasa sesi perbahasan berkenaan pengurusan jenazah COVID-19 yang diuruskan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Cuma ada beberapa persoalan yang timbul, tadi Yang Berhormat menjelaskan bahawa pihak Jabatan Agama Islam Selangor membenarkan jenazah COVID-19 ini, yang dia bermastautin di Klang, tetapi kebetulan Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah penuh, semasa beliau cuba dimasukkan di Hospital Besar Klang, tetapi telah dihantar ke Hospital Selayang. Dan kemudian ditakdirkan jenazah ini meninggal di Selayang. Kalau mengikut apa yang dijelaskan oleh pihak Yang Berhormat Sungai Kandis tadi, ataupun pihak JAIS, mengatakan bahawa kalau meninggal di lain-lain daerah, tetapi sebab jenazah ini bermastautin sebelum ini di Klang, maknanya boleh dibenarkan balik. Tetapi apa yang berlaku pada 9 Ogos, jenazah orang Kampung Idaman, Klang....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Pelabuhan Klang,

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ya, duduk.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Sambung petang, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 tengah hari, dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(DEWAN DITANGGUHKAN)

(DEWAN DISAMBUNG SEMULA)
(TUAN TIMBALAN SPEAKER MEMPENGERUSIKAN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan disambung semula. Silakan Pelabuhan Kelang.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertama saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Kandis kerana telah menjelaskan tentang isu pengurusan jenazah covid yang diuruskan oleh pihak Jabatan Agama Islam di dalam perbahasan yang saya buat dua hari yang lepas. Dan ada beberapa persoalan yang timbul berkenaan dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Kandis ataupun pihak Jabatan Agama Islam Selangor iaitu berkenaan jenazah sekiranya sebelum ini bermastautin di Klang tetapi kebetulan semasa pesakit ini sebelum meninggal cuba dimasukkan ke Hospital Besar Klang tapi disebabkan Hospital Besar Klang penuh dan dihantar ke Hospital Selayang dan ditakdirkan meninggal di hospital Selayang. Kalau ikut apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Sungai Kandis tadi jenazah boleh dibawa balik ke Daerah Klang oleh peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Agama Islam Selangor tetapi apa yang berlaku pada 9 Ogos 2021 jenazah yang bermastautin di Kampung Idaman Pelabuhan Klang tidak dapat dimasukkan ke Hospital Besar Klang kerana penuh pada masa itu dan dihantar ke Hospital Selayang dan ditakdirkan telah meninggal di Selayang. Pada 9 Ogos tersebut pihak Hospital Selayang atau KKM di Selayang telah membenarkan supaya jenazah ini boleh dibawa balik ke Klang tetapi apa yang berlaku ialah pihak Jabatan Agama Islam tidak membenarkannya melalui percakapan saya bersama dengan Yang Berbahagia Dr. Masitah selaku ketua KKM daerah Klang tetapi ia disebabkan oleh pihak JAIS yang tidak membenarkan jenazah ini dibawa balik ke Klang. Dua hari jenazah ini tidak dapat diuruskan kerana pihak waris merayu supaya jenazah dapat dikebumikan di Klang. Dan akhirnya disebabkan peraturan pihak JAIS tidak membenarkan, saya ada semua perbualan tersebut, *whatsapp* tersebut bagaimana pihak KKM mengatakan pihak JAIS tidak membenarkannya tetapi pihak JAIS pula jawab kata pihak KKM yang tidak benarkan jadi tak tahu siapa yang tak benarkan. Akhirnya sebab tak nak tangguh proses pengebumian jenazah dikebumikan di Selayang. Kemudian sekiranya pihak Jabatan Agama Islam telah menetapkan

30 OGOS 2021 (ISNIN)

peraturan ini dan tidak membenarkan kubur-kubur kariah digunakan pastikan ia tidak diberikan kebenaran kepada mana-mana jenazah pun tetapi apa yang berlaku pada 4 Ogos di mana saya ada tiga kematian di Kampung Tradisi Pulau Indah dan saya dah nyatakan kepada waris ini bahawa peraturan JAIS bermula 27 Julai 2021 *circular* itu mengatakan bahawa hanya kubur yang telah ditetapkan atau diiktiraf oleh pihak Jabatan Agama Islam sahaja boleh digunakan oleh jenazah COVID-19. Tetapi apa yang berlaku, saya cakap dengan waris daripada tengah hari lagi sehingga ke malam tiba-tiba pukul 2 pagi satu waris daripada tiga jenazah ini dapat mesej Pengarah JAIS membenarkan ia dikebumikan di Pulau Indah. Tetapi yang lagi dua jenazah itu telah dapat tahu atau dua waris jenazah itu dapat tahu dan dia minta juga minta untuk dikebumikan di Pulau Indah tapi tidak dibenarkan. Tapi pada masa itu arahan telah dikeluarkan tidak membenarkan. Jadi saya harap supaya pihak Yang Berhormat Sungai Kandis ambil maklum tentang perkara ini. Kalau tak boleh, tak boleh terus. Pada 13 Ogos disebabkan peraturan ini yang tidak membenarkan jenazah dikebumikan di kawasan kubur kariah dan juga di daerah 13 Ogos seorang isteri menghubungi saya apabila suaminya dijangkiti virus COVID-19 disebabkan Hospital Klang penuh jadi pesakit ini perlu dihantar ke Hospital Serdang dan isteri ini merayu tak nak suami dihantar ke Hospital Serdang sebab takut apabila meninggal di Serdang tidak dapat dikebumikan di Klang. Jadi ini persoalan yang timbul. Yang keempat ialah berkenaan dengan ulat tayammum ini atau pun kartel jenazah. Saya berharap pihak Jabatan Agama Islam tidak boleh lepas tangan dengan mengatakan ini adalah urusan pihak hospital. apabila diumumkan pengurusan jenazah ini dibuat secara percuma di seluruh Selangor oleh pihak Jabatan Agama Islam, pihak Jabatan Agama Islam Selangor perlu mengambil tanggungjawab ini 100% dan tidak boleh lepas tangan. Jenazah beragama Islam COVID-19 ini di bawah tanggungjawab JAIS dan yang mengeluarkan tauliah kepada pihak swasta atau pihak lain yang menguruskan jenazah COVID di hospital sebelum ini tauliah itu dikeluarkan oleh pihak Jabatan Agama Islam dan masih lagi berlaku sehingga hari ini cas yang tak sepatutnya kepada keluarga waris jenazah COVID-19 ini. Tak semua waris tahu yang bahawa pihak Jabatan Agama Islam menguruskan jenazah Covid ini secara percuma kerana mereka berurusan dengan pihak hospital secara terus atau pihak tidak bertanggungjawab di hospital di dalam negeri Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ringkaskan Yang Berhormat.

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Ok sikit lagi Yang Berhormat Tuan Speaker. Jadi saya berharap dan cadangan saya ialah supaya pihak Jabatan Agama Islam menempatkan pegawai JAIS di semua hospital dan mana-mana jenazah beragama Islam yang meninggal disebabkan oleh COVID-19 ini mesti melalui pegawai JAIS yang dilantik yang diletakkan di hospital di dalam negeri Selangor supaya tidak menimbulkan kekeliruan dan fitnah atau tohmahan di kemudian hari terutama cas yang dikenakan kepada pihak waris selepas pihak Jabatan Agama Islam mengumumkan pengurusan jenazah COVID-19 secara percuma waris hanya perlu membayar duit kubur sahaja. Dan yang terakhir saya memohon untuk pihak Yang

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Berhormat Sungai Kandis untuk memaklumkan senarai 8 NGOI yang dibenarkan menguruskan jenazah COVID-19 ini di negeri Selangor. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Yang Berhormat Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih kepada Yang Berhormat Pelabuhan Kelang yang telah membangkitkan isu rakyat yang memang relevan dan saya percaya bahawa kes yang dibangkitkan ini menyebabkan banyak kesusahan yang berlaku. Namun begitu apa yang dibangkitkan tadi berlaku sebelum 25 Ogos selepas 25 Ogos Jabatan Agama Islam dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah bersepakat mengadakan suatu perbincangan dan memuktamadkan seperti mana yang saya sebutkan tadi. Jadi apa yang saya sebutkan tadi atau jelaskan tadi adalah kesepakatan selepas 25 Ogos jadi Insya Allah selepas ini ketetapan yang telah diputuskan ini boleh dijadikan sebagai garis panduan. Yang kedua berkenaan...

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Yang Berhormat kata 25 Ogos dah tak berlaku, semalam berapa Ogos. Semalam masih berlaku lagi. Takkan saya nak cakap dalam Dewan ini. Saya ada maklumat, saya ada bukti sebab selepas ucapan saya itu hari banyak aduan saya terima. Jadi saya harap ketegasan ini betul-betul tegas supaya tidak mengelirukan.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih Pelabuhan Kelang dan mohon salurkan maklumat kepada pihak Jabatan Agama Islam untuk tindakan segera diambil. Dan berkenaan dengan senarai NGOI yang telah diberikan tauliah untuk mengendalikan jenazah COVID, saya akan berikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat untuk makluman. Berkenaan dengan pemberian tauliah kepada ahli-ahli politik yang dibangkitkan oleh Taman Medan, mesyuarat Jawatankuasa Tauliah MAIS Bilangan 1/2021 pada 6 April 2021 telah memutuskan mana-mana ahli politik yang mempunyai tauliah mengajar dan masih berkuat kuasa dikekalkan hingga tamat tempoh dengan syarat tidak menyentuh hal-hal politik kepartian dalam ceramah sebagaimana ketetapan Mesyuarat Dewan Diraja Selangor yang Ke-151 pada 4 Mac 2019. JAIS sedang mengenal pasti dan mengambil tindakan mengeluarkan surat kepada pemegang tauliah yang berkaitan bagi memaklumkan syarat tambahan yang telah ditetapkan tersebut. Hal ini juga

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Sungai Kandis nak mencelah.

TUAN SPEAKER : Bagi Taman Medan dulu.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Bismillah hirrahmannirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis. Berdasarkan

30 OGOS 2021 (ISNIN)

kepada apa yang dinyatakan dan juga merujuk kepada jawapan Yang Amat Berhormat Sungai Tua tentang persoalan tauliah mengajar agama Islam bagi ahli-ahli politik, jadi apa yang dimaklumkan ialah tentang bagaimana mesyuarat jawatankuasa tauliah MAIS pada 6 April 2021 telah memutuskan mana-mana ahli politik yang memiliki tauliah dan masih ada tauliah akan dikekalkan sehingga tamat tempoh sah tauliah tersebut. Tapi saya nak maklumkan pada Yang Berhormat Sungai Kandis, Taman Medan telah diberikan sambungan tauliah pada bulan Jun 2020 kemudian berasaskan dan dirujukkan kepada laman sesawang JAIS penerima tauliah, kemudian pada bulan Ogos bila mana dirujuk pada laman sesawang yang sama nama Taman Medan telah dipadamkan dan kemudian pada November 2020 telah menerima surat bahawa tauliah itu tidak lagi sambung atas kapasiti sebagai ahli politik. Bagaimana keputusan penarikan itu dibuat sebelum mesyuarat bertarikh 6 April 2021. Sedangkan dalam masa yang sama beberapa ahli politik yang dikenal pasti sebagai pemegang jawatan di dalam parti politik di antaranya seorang individu yang memegang jawatan Ketua Urusan Ulama Parti Islam Se-Malaysia kawasan Petaling Jaya yang telah tamat tempoh tauliah pada 31 Disember 2020 kemudian disambung pada 1 Januari 2021 sehingga tamat 2024 sedangkan Taman Medan di tarik balik pada November 2020. Jadi di manakah sifat profesional ini. Mungkin akan diberi alasan terlepas pandang dan sebagainya oleh mereka yang berkenaan tetapi bagaimana boleh ada maklumat 31 orang ini. Jadi ini yang menjadi persoalan begitu juga dengan komen-komen yang dibuat oleh mereka yang berada di luar yang menyatakan ini satu rancangan untuk menghalang ahli politik agamawan Muslim untuk menyampaikan ilmu. Sebenarnya tidak timbul isu itu. Sebab bukan hanya kepada satu pihak tetapi ia adalah satu bentuk dan langkah untuk mencegah golongan agamawan yang menggunakan platform mengajar agama untuk menyampaikan mesej politik mereka. Ini jelas. Sebab kesempatan ini juga diambil oleh golongan politik yang dipihak agamawan dari luar Selangor ada ADUN dari luar Selangor juga telah mengambil kesempatan untuk datang mengajar agama di Selangor tanpa tauliah. Kadang-kadang sampai 2 minggu tinggalkan kawasan di negeri sendiri semata-mata untuk, jadi saya harap Yang Berhormat Sungai Kandis amat peka bagaimana pendekatan yang berbeza, layanan yang berbeza di antara beberapa ahli politik yang ada tauliah mengajar agama termasuk yang dikemukakan kepada saya oleh Yang Berhormat Ahli Parliment Hulu Langat bagaimana beliau ditamatkan pada 31 Disember 2020 tanpa disambung tapi ada orang lain boleh disambung. Itu saya memerlukan pencerahan daripada Yang Berhormat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Meru.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Terima kasih pada Yang Berhormat EXCO memberi ruang kepada saya. Berkaitan isu tauliah itu kita tidak membantah keputusan yang dibuat Dewan Diraja Selangor. Saya rasa memang itu yang sepatutnya dibuat. Tapi yang menjadi persoalan apa yang berlaku sebenarnya di luar itu tidak sampai mesej itu ke atas. Kita lihat hari ini dia kata tak nak benarkan orang berpolitik untuk berceramah. Macam kami ada yang ada tauliah

dibatalkan dan sebagainya tetapi yang kalah bertanding boleh mengajar pula. Itu satu perkara yang pelik. Kita kerajaan PH yang menang tapi ADUN PH sendiri tidak boleh masuk masjid dan surau. Kan ke pelik namanya tu. Dan saya juga difahamkan Jawatankuasa Masjid, Nazir, Pengerusi Surau, Jawatankuasa ini pun tak boleh orang politik tapi kalau kita lihat kebanyakan nazir masjid ini hari ini sudah jadi markas PAS. ini satu perkara yang saya rasa kena pihak JAIS selidik. Dan kita kena faham penceramah ini yang menjemput ini Biro Dakwah surau ini. Yang menjemput ni dia tak kira orang tu ada tauliah atau tidak. Minta maaf saya sebut, bekas calon PAS Parlimen Shah Alam, boleh mengajar Masjid Negeri. Dah la dia tu kontroversi banyak

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Meru kena betulkan bekas calon Kota Anggerik. Bukan Shah Alam. Bekas calon DUN Kota Anggerik.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Kota Anggerik dalam Parlimen Shah Alam. Tertinggal sikit. Dia senang-senang boleh ajar di Masjid Negeri, kita yang ada tauliah tidak dijemput. Maknanya ada yang mengatur di dalam itu. Di dalam agensi JAIS itu yang mempolitikkan dia akan tapis orang dia sahaja yang akan mengajar. Minta maaf, orang PAS sahaja yang boleh mengajar dan orang PAS saja yang menguasai. Macam mana yang disebutkan oleh Taman Medan tadi, kita lihat bagaimana penceramah-penceramah yang kat luar dan saya nak bentangkan di dalam Dewan nak maklumkan di dalam Dewan dia orang datang bukan sahaja nak mengajar malah kutip derma. Mana kebenaran mereka nak kutip derma. Duit itu ke mana. Kutip derma ini kita faham-fahamlah. Adakah masuk tabung parti, masuk tabung poket sendiri, kononnya untuk pembinaan tafhib dan sebagainya kadang-kadang kita kaji, tafhib tu tak ada, tapak tafhib pun tak ada. Ini perkara yang kita kena lihat. Itu tak kisah lagi dan mereka bila berceramah di masjid dan surau, menghentam Kerajaan Pakatan Harapan dan masjid dan surau dan dalam masa yang sama ada mengajar perkara-perkara yang tak betul menjadikan orang kata hujah-hujah, hadis-hadis yang palsu hadis lemah untuk dipegang oleh masyarakat, yang ini yang saya timbulkan pada persoalan kenapa dan saya harap pihak JAIS boleh menilai balik pegawai-pegawai yang menjadi proksi kepada parti ahli PAS ini di masjid-masjid dan surau-surau yang mengatur pengajar-pengajar ini dan sehingga sekarang saya minta penjelasan daripada kerajaan sendiri berapa ramai pihak JAIS dah buat tangkapan atau mengenakan tindakan kepada pengajar-pengajar yang tidak ada tauliah ini, perkara yang pelik kita sendiri nak laksanakan tanggungjawab sebagai wakil rakyat tidak dibenarkan tapi mereka yang kalah daripada pihak pembangkang daripada parti Islam ini dengan sewenang-sewenang boleh mengajar sebab apa, sebab mereka yang menentukan JAIS orang kata macam jadi *stamping* sahaja, bukan nya dia yang orang kata nak tentukan betul nampak atas kertas itu cantik, saya faham titah Tuanku *clear* dia tidak benarkan masjid dan surau untuk jadi kan medan politik saya menyokong penuh titah Tuanku.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Tetapi mereka menggunakan nama Tuanku ni lagi kurang ajar, menggunakan sikit-sikit jual nama Istana tak fasal-fasal nama Istana jadi busuk, sedangkan Istana nak pastikan masjid / surau ni tempat menyatukan umat Islam bukan jadi pecah belah, tetapi mereka menggunakan kedudukan mereka dalam perbahasan saya cukup menggunakan kedudukan jawatan mereka di dalam Jabatan Agama Islam berpolitik sebenarnya. Kempen dan sebagainya memburukkan kerajaan Pakatan Harapan, dan saya harap mungkin di dalam dewan ini mesej ini sampai ke atas. Apa yang di minta oleh Tuanku sebenarnya memang terbaik tetapi mereka menggunakan titah Tuanku untuk menyelewengkan fakta, mengelirukan fakta, kepada rakyat kepada surau-surau, jawatankuasa masjid, untuk menghalang pula kita wakil kerajaan yang sah yang dipilih oleh rakyat untuk melaksanakan tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat malahan mereka yang saya sebutkan tadi mereka yang kalah pula sewenang-wenang nya mengajar di masjid dan surau itu satu perkara yang cukup pelik, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih saya ucapan dan saya ingin merakamkan sekali lagi di Dewan yang mulia ini, saya tentang kekecewaan ada nya perubahan di dalam paradigma menghargai orang yang berilmu dan orang yang boleh memberi semangat pembangunan Islam dari segi ilmu, bermula daripada menamakan serta ajaran sesat seawal tahun 2008 bawa ke dewan ini, mereka dituduh mereka menjadi mangsa media, mangsa SB, mangsa laporan kepada JAIS dan bahawa dia kumpulan sesat ajaran sesat dan sehingga seperti ada bahan cukup *present* bagi tak bagi dituduh dan dalam warta-warta dan sebagainya pihak mengajar ajaran sesat, yang sedihnya dua orang Da'i, orang terkemuka bagi asset dia bagi, buku bagi, tidak dibenarkan dia kata wahabi, dan saya dalam media pada masa itu 2010 saya pun dia kata geng wahabi bila saya memperjuangkan beberapa orang daripada PGA Holders Jordan dan Mesir di UKM, IPT dilembah Kelang ini untuk diberikan tauliah. Saya *promote* dan saya beri sokongan mereka saya ingin jelaskan bahawa tak nampak sedih saya sebagai anak Selangor sedih kerana tidak nampak keadaan kita mencintakan orang ada ilmu, menghargai orang yang berilmu, mencedok orang yang memberi ilmu sumbangannya ke Selangor, memberi tempat untuk dia, kalau ada anak-anak Selangor yang berjaya dekat Jordan ke dekat Mesir ke kita pergi bagi dia peruntukan atau pun token, kalau bawa MA kita beri dia sijil untuk dia tauliah kalau dia ada PHD kita beri tapi tak jadi begitu saya hairan kenapa jadi saya harap benda perlu lah kita hidupkan dua perkara. Saya ingat dalam dewan ini saya nak rakamkan kita mesti ingat kebenaran Allah SWT (hadis). Allah memberikan kemuliaan kepada orang yang beriman dan menaikkan darjah orang-orang yang berilmu. Orang berilmu kita mesti memberikan darjah yang sebenarnya memang perintah Allah pada kita (hadis) berilah tanya kepada orang yang lebih tahu, apabila kamu tidak budaya ini nak kita hidup kan budaya ini kita nampakkan bahawa, agensi kita JAIS mencari memburu orang memburu orang yang sedang belajar memberi kemudahan sedemikian untuk dia belajar, bagi dia ilmu bagi tingkatkan ilmu dan bagi dia barang belajar.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Saya ingin juga memberi semangat dalam bidang-bidang tertentu yang saya telah tulis dalam buku-buku saya edarkan dan ada minat manusia untuk minta saya Hulu Kelang sebagai Adun ni soalan tentang sains dan Al-Quran saya tak kata saya mengajar saya tak mengajar agama saya berkongsi dengan mereka apakah setiap Al-Quran dalam konteks *universe*. Apabila saya bagi itu, ada masjid di Hulu Kelang yang dia menjemput tiga slot sebulan sekali, malam pertama ramai orang datang, malam kedua lebih ramai, malam ketiga takut-takut ada orang sabotaj dia *telling me* dengan izin, tanpa beritahu saya dia telah Nazir telah memohon tauliah sementara, tauliah sementara pada hari saya patut mengucap di ada Hulu Kelang untuk berucap hari ketiga ada slotnya lima, enam ratus orang datang nak dengar *presentation* saya yang pakai *slide* dipanggil dalam paling pun kepada JAIS kepada Nazir tidak boleh benarkan YB berucap dalam ini dan saya mengesahkan kepada kamu bahawa Tuanku tidak perkenan ahli-ahli politik diberikan tauliah walaupun tauliah sementara. Saya terkenang juga kalau Tuanku la yang jadi kalau di akhirat nanti, kalau tanya dia kenapa kau halang 500, 600 orang nak dengar pencinta Al-Quran dan *universe* ia sekseen mana nak tahu. Saya harap jangan kita gunakan nama sultan sewenang-wenang nya biarlah ada keadilan dari baginda adalah seorang ilmuwan sukakan ilmu. Kita seru lah harap dalam dewan ini ahli-ahli Yang Berhormat yang ada pada hari ini memainkan peranan untuk memberitahu pada JAIS bahawa hadiah kepada sultan, jangan aninya dia terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih kepada Taman Medan, Meru, dan Hulu Kelang yang membangkitkan isu tauliah kepada para tuan-tuan guru dan juga ahli politik yang masih aktif dalam kepandaian di Negeri Selangor jadi saya mengucapkan terima kasih di atas maklumat yang diberikan dan salurkan maklumat Yang Berhormat kepada pihak kami untuk kami selidik dan siasat dan kepada pemegang tauliah harap tidak melanggar syarat-syarat tauliah yang telah diberikan memang berlaku orang yang telah diberikan tauliah mengajar di masjid ini yang menimbulkan keresahan dan kebencian antara jemaah kerana perbezaan pandangan politik tetapi kalau ada di kalangan ahli dewan boleh memberikan maklumat dengan bukti dan juga sesuatu yang dapat di justifikasi supaya tidak timbul fitnah InshaAllah kita akan ambil tindakan ini.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Saya minta maaf Yang Berhormat, tertinggi dalam *statement* yang diberikan oleh ahli Yang Berhormat, ahli dewan dalam dewan, kami telah beri terbaik dalam dewan ini akan ada *handsard* itu lah sumber untuk Yang Berhormat bawa terutamanya pihak dengan izin mana pun tidak *authority* kewibawaan dokumen itu ucapan itu, kata itu, sehebat apa yang kita dalam Dewan, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih kepada Hulu Kelang dan saya ambil maklum dan saya nak *respon* kepada isu tauliah juga yang dibangkitkan oleh Seri Setia berkenaan dengan tauliah tidak diberi kepada orang berjawatan dalam parti politik bagaimana pula individu yang ada jawatan dalam politik,

30 OGOS 2021 (ISNIN)

memegang Jawatankuasa Masjid dan Surau, betul ya soalannya. Mana-mana jawatankuasa masjid dan surau tidak dibenarkan memegang jawatan dalam politik parti politik dalam proses dalam pemilihan Jawatankuasa Masjid dan Surau semua calon telah dimestikan untuk mengisi pengisytiharan maklumat diri bagi memastikan mereka tidak memegang jawatan dalam parti tidak bankrap dan tidak melakukan apa-apa kesalahan jenayah syariah dan sivil. Justeru itu, sekiranya terdapat bukti jawatankuasa masjid yang memegang jawatan dalam parti setelah dilantik dan memegang jawatan sebagai Jawatankuasa Masjid tindakan untuk menggugurkan jawatan sebagai Jawatankuasa Masjid akan dilakukan.

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Soalan, boleh mencelah

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Setia

Y.B. TUAN HALIMEY BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, dan juga Exco Kerajaan Negeri Yang Berhormat yang mana saya nyatakan yang kita faham bahawa setiap perlu ada aduan tetapi sejauh mana aduan itu diambil tindakan kawasan saya contoh nya penduduk ada juga dah buat kariah dan buat aduan tetapi tidak ada tindakan saya tak nak sebut kawasan saya ini ada satu masjid cukup kuat saya terpanggil rakan-rakan Yang Berhormat isu ini dah kita bawa setiap tahun tentang Jawatankuasa ini lah yang punca nya kadang-kadang Yang Berhormat Meru kata tadi mereka ini ada jawatankuasa-jawatankuasa yang memanggil penceramah yang tidak ada tauliah penceramah satu hal tak ada tauliah tetapi jawatankuasa ini dia ada tauliah, tauliah untuk melagakan satu antara lain jadi saya minta tindakan selepas aduan harus juga diambil oleh pihak berkenaan terutama JAIS.

Y.B. TUAN SHAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Yang Berhormat, saya mohon untuk menambah apa yang telah, oleh kerana Yang Berhormat Seri Setia bahawa realiti apa yang berlaku ialah kebanyakannya daripada mereka memang tidak akan mendedahkan butiran keaktifan mereka dalam politik kerana niat mereka untuk memegang jawatankuasa surau ini ialah untuk menguasai dalam masa sama juga boleh menyusun program untuk supaya program itu dibabitkan juga kalangan aktivis-aktivis politik yang sama kecenderungan dengan mereka boleh mendapat manfaat saya bukan berpengalaman dulu sewaktu ada tauliah kerja saya ini ganti ustaz tak datang, kenapa sebab mereka dah ada jadual tiba-tiba ada tempat lain panggil kerana

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Masyukk...masyuk...

Y.B. TUAN SHAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI: Habuan dia lagi tinggi kata lah umpamanya mohon maaf sebuah masjid di Shah Alam panggil, masjid, kata la di Seksyen 18, tiba-tiba Masjid Tengku Ampuan Jemaah panggil walau dah ada jadual dah pergi ke sana alasan sakit dan sebagainya itu pengalaman saya, jadi ini lah sebenarnya ia perlu dipantau dari sudut umpamanya kalau boleh kita proaktif

30 OGOS 2021 (ISNIN)

kan JAIS itu sendiri supaya mencari maklumat tak kan nak tunggu laporan sahaja kan. Sumber tenaga itu kalau boleh dioptimumkan seperti mana maklumat jawapan yang diberikan oleh YAB Menteri Besar tempoh hari 31 orang yang aktif maknanya maklumat itu ada malah terpampang umpamanya di tempat-tempat tertentu dengan melalui *banner* dan sebagai memang sudah diketahui ia boleh cari boleh buat istilah bahasa Inggeris *google search* tak ada masalah kalau dibuat lalu saya harap pihak Yang Berhormat Sungai Kandis dapat menyuarakan kepada pihak yang berkenaan untuk supaya mereka lebih proaktif lagi berkaitan isu ini, terima kasih.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Terima kasih pada Taman Medan dan Hulu Kelang sekali lagi di atas, perkara yang disuarakan berkenaan dengan tauliah, InshaAllah kita akan beri perhatian yang lebih pada perkara-perkara yang dibangkitkan ini dan kepada yang membuat aduan saya mohon sangat supaya setiap aduan itu disertakan dengan bukti supaya tindakan boleh dilakukan berdasarkan peruntukan peraturan yang ada, kita tak nak nanti kita dah masuk kes dibuang kerana tidak cukup bukti. Kemudian Meru, membangkitkan tentang pembinaan Sekolah Rendah Agama Sungai Kapar Indah, JAIS telah mencadangkan pembinaan Sekolah Rendah Sungai Kapar Indah bermula RMK10 lagi, walau bagaimana pun dengan pertimbangan melalui merit yang ditentukan cadangan tersebut masih belum tersenarai. Kemudian berkaitan dengan isu yang dibangkitkan Yang Berhormat dihalang terlibat dalam Program Masak Bubur Lambuk. Kalau ini benar-benar berlaku saya akan minta supaya siasatan lanjut dibuat supaya wakil rakyat ini diberi ruang untuk bertugas melaksanakan amanah rakyat untuk bertemu dengan rakyat untuk mendengar masalah sama ada di masjid atau di luar masjid.

Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI : Maaf Sungai Kandis, mungkin saya boleh menambah. Kadang-kadang..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Masa tidak membenarkan, Sungai Kandis sila tamatkan.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Dan yang ke empat mohon pemantauan dan penyelenggaraan masjid dan surau dalam tempoh pandemik. Untuk makluman Yang Berhormat bagi penyelenggaraan masjid dan surau, Kerajaan Negeri telah memberi sejumlah peruntukan kepada pihak JAIS melalui Unit Pembangunan Khusus bagi kerja-kerja membaik pulih masjid dan surau seperti :-

- a) Peruntukan baik pulih masjid sebanyak RM2,000,000
- b) Peruntukan baik pulih surau sebanyak RM500,000

Untuk makluman Yang Berhormat, JAIS melalui Rancangan Baik Pulih Fasa 1 telah menyenaraikan sebanyak 73 masjid dan surau seluruh Negeri Selangor untuk di baik pulih sepanjang tahun ini. Dan kerja-kerja baik pulih sedang giat dilaksanakan selepas tempoh PKP dan PKPD tamat.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Yang Berhormat, saya nak tanya sikit bajet RM2,000,000 untuk masjid dan RM500,000 untuk surau satu Selangor, saya rasa amat sikit sebenarnya.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Ya.

Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR : Saya rasa amat sikit sebenarnya.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Nanti kita akan minta bajet tambahan. Dan yang terakhir berkenaan dengan keperluan masjid di Kapar Indah untuk solat Jumaat. Surau Al- Faizin Sungai Kapar Indah yang diberi kebenaran solat Jumaat terletak lebih kurang 1.5 kilometer dari Masjid Sementa yang siap dibina pada tahun 2015. Terdapat tapak masjid seluas 3 ekar yang masih dalam proses perwartaan namun semua pembinaan masjid di Negeri Selangor perlu memenuhi pertimbangan atau merit yang ditetapkan sebelum ia disenaraikan dalam rancangan projek pembangunan RMK Malaysia. Jadi saya merumuskan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan berkenaan dengan isu pengurusan jenazah COVID-19, berkenaan dengan tauliah mengajar dan juga hal-hal pembangunan di kawasan Yang Berhormat. *Insya Allah* kita akan memberikan perhatian dan tindakan segera untuk memastikan rakyat Negeri Selangor mendapat perkhidmatan dan juga mendapat layanan yang sewajarnya sepanjang tempoh pandemik ini. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Kandis.

Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN : Soalan tak berjawablah Tuan Timbalan Speaker. Soalan saya Taman Templer soal berkaitan dengan masjid di Templer Park.

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI : Kita akan bagi jawapan yang bertulis kepada Yang Berhormat kerana saya tidak dibekalkan dengan jawapan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya persilakan Yang Berhormat Pandai Indah.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Terima kasih Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada...

TUAN TIMBALAN SPEAKER : 15 minit sahaja?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Setengah jam.

TUAN TIMBALAN SPEAKER :

Setengah jam ke 15 minit?

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam membahaskan Usul ataupun Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah terlibat dalam perbahasan dan sedikit menyentuh *port-folio* saya dan saya cuba memberikan penjelasan terbaik tentulah kali ini bukanlah banyak macam YB EXCO Kesihatan Awam, kalah saya kali ini dengan dia. Sebab itu saya bagi dia *last* sebelum Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, jadi saya terus pergi kepada persoalan-persoalan yang timbul pertamanya berhubung dengan isu pembangunan di Sabak Bernam. Untuk makluman semua yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sungai Air Tawar dan juga Sabak iaitu berhubung dengan isu rumah rehat Sabak Bernam. Ini memang kita dah bincang banyak kali dan telah dibuat keputusan di dalam MTES pun untuk pembangunan bagi rumah rehat Sabak Bernam ini atau dulu yang dikenali sebagai Hay Resort dan services ini sebenarnya kita sedang usaha dan sekarang ini pun kita masih berusaha melalui pihak PKNS, Perbadanan Negeri Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah, Tourism Selangor, Majlis Daerah dan sekarang yang terbaru diteliti di bawah Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi Sabak Bernam yang saya penguruskan. Kita telah membawa, mengiklankan pada bulan September 2020 iklan untuk RSP *request for the proposal* untuk tempat ini dan banyaklah lawatan saya sendiri pun dah dua kali saya pergi ke situ. Memang kita tak boleh nak buat semata-mata nak bangunkan begitu sebab apa tempat ini perlukan tarikan dan dalam suasana yang sebegini pandemik lagilah sukar untuk nak hidupkan hotel atau pun *resort* di kawasan apatah lagi di Sabak Bernam tapi keperluan itu ada sebab Sabak Bernam kalau kita turun di sana memang tak ada tempat tinggal. Ada satu hotel, saya pun tidak berani hendak duduk lagi sebab dia punya cadar pun berlumut jadi kita memang ada masalah di sana. Saya selalu turun sebab saya penyelaras di sana dan memang menghadapi masalah kesukaran dan memang kita niat untuk bangunkan Hay Resort sebab kajian yang dibuat oleh di bahagian teknikal mendapati strukturnya masih kuat, masih kukuh dan hanya perlukan kerja-kerja penamaikan dan peralatan-peralatan baru. Dan di situ bukan hanya ada Hay Resort, ada lagi rumah rehat VVIP dan sebagainya yang perlu dibangunkan bersama dan saya telah pun meminta kepada di bawah Jawatankuasa Ekonomi untuk meneliti sepanjang pembangunan di Sungai Bernam itu dari sempadan Perak hingga ke Kelong Paradise iaitu pembangunan yang berasaskan kepada Sungai Bernam. Itu termasuklah ini Hay Resort dan rumah rehat dan pembangunan di Sungai Lang itu di kawasan ekonomi atau pembangunan industri di Sungai Lang. Jadi ini semua telah diteliti dan ada benda yang telah luluskan contohnya macam pusat penyembelihan ayam yang kita telah luluskan, kemudian tempat pengumpulan produk-produk pertanian dan juga ada juga lagi kompenen-kompenen lain yang akan dibangunkan di sesuai dengan kluster di Sabak Bernam dalam proses ada yang dah lulus dan ada yang dalam proses untuk diluluskan dan untuk dilaksanakan, *Insya Allah*. Jadi berhubung dengan isu yang kedua tentang permohonan daripada Sabak tentang jeti dan sebagainya ada yang dah lulus, kita dah luluskan. Baru ini saya telah kita telah luluskan untuk RM500,000 betulkan jeti dan

penambahbaikan Kelong Paradise dan Kelong Paradise itu pun kita dah ada *proposal* untuk dibuat penambahbaikan atau diswastakan sebagainya dan kita sedang teliti benda itu dan itu semua akan termasuk dalam program-program pembangunan di sisir pantai di sekitar Sabak Bernam.

Untuk isu padi ini, saya telah berkali-kali di dalam dewan menceritakan, isu padi ini bukan satu perkara yang mudah untuk kita selesaikan begitu sahaja. Dia melibatkan kawasan 18,000 hektar, sangat luas dan lebih 9,000 pesawah yang terlibat di dalam kawasan ini, daripada Kuala Selangor hingga ke daerah Sabak Bernam. Jadi memang ada isu-isu yang berbangkit dan isu yang disebut mengenai pengurangan hasil tahun ini disebabkan oleh serangan penyakit ulat pengorek batang (UPB) atau ulat daun ini yang menyebabkan 6,000 hektar lebih, 1/3 daripada kawasan barat laut ini yang terkena dengan penyakit ini dan menyebabkan hasil berkurang sangat drastik saya ingat ada 10% yang tinggal hasil padinya. Ini macam COVID bukan kita minta, dia datang menyerang, kalau tahun-tahun biasa itu ada tapi tak teruk, tapi tahun ini teruk dan kita telah ambil langkah-langkah kawalan sebanyak 1 juta kita belanjakan baru ini untuk mengawal serangga ini di kawasan-kawasan yang dah terkena dengan serangan ulat ini. Selain daripada itu kita telah meneliti punca-punca utama kenapa kawasan padi ini terlalu rendah dan didapati bahawa bukan semua dalam kawasan barat laut ini yang rendah produktivitinya. Mereka-mereka yang telah mengamalkan amalan yang baik myGAP (**Malaysian Good Agricultural Practice**) ini yang mendapat sijil mereka sebenarnya berjaya menghasilkan padi yang sangat tinggi produktiviti ada sekitar dalam tujuh lapan tan satu hektar tetapi mereka-mereka yang tidak mengamalkan *rice check* atau pun myGAP ini, inilah yang selalu menghadapi masalah kerana tidak mengikuti tatacara pertanian yang sesuai dan wajar. Memang kita menghadapi masalah, sebahagiannya memberikan kerjasama dan sebahagiannya kurang memberi kerjasama. Jadi itu yang akan kita usahakan bukan kita hendak bagi alasan, kita akan terus berkomunikasi dan berinteraksi dengan petani kita untuk meyakinkan mereka bahawa mereka perlu kursus-kursus yang sesuai untuk mereka ikuti. Dan dalam masa yang sama juga kita terus melaksanakan program peningkatan hasil padi. Untuk tahun ini sahaja kita telah luluskan peningkatan hasil padi dengan isu baja tambahan kawalan serangga dan juga *intergrade pest management* baru ini , kita telah belanjakan 1.6 juta melibatkan 2,900 petani dan kebanyakannya di Sabak Bernam di Bagan Terap dan juga di Sungai Panjang. Kebanyakannya di situ yang terlibat dengan kes serangan ulat ini. Kemudian kita telah mengeluarkan untuk MyGAP ini latihan dan kursus sebanyak RM135,000 telah kita belanjakan. Lepas itu kita telah membuat pengurusan perosak padi bersepadu RM160,000 kita belanjakan dan untuk tahun ini untuk julung kali kita telah memberi benih percuma kepada 1,000 petani seluas kawasan 1,200 hektar padi MR219 RM300,000 kita belanjakan untuk musim yang akan datang. Ini sebenarnya kita nak selesaikan punca padi ini adalah benih yang tidak sama. Jadi kita selaraskan benih MR219 itu bagi sama dan kalau kita berjaya, *Insya Allah* kita akan perluaskan lagi untuk musim-musim yang akan datang. Dan bantuan serangga 1 juta lagi kita belanjakan. Jadi untuk tahun ini sahaja, Kerajaan Negeri telah membelanjakan 2.7 juta ringgit melibatkan 10,000 petani selain

daripada apa yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu bantuan subsidi baja dan benih. Jadi antara strategi kita untuk jangka panjang pertamanya ialah untuk melatih dan mendidik mereka supaya berterusan mengikuti kursus-kursus MyGAP dan juga kursus-kursus *rice check* ini. Seterusnya mereka kita akan minta supaya kita akan bantu mereka dari segi rawatan tanah. Ini yang jadi isu besar rawatan tanah. Tanah ini telah gersang, kita telah pun kenal pasti kaedah-kaedah secara organik untuk membantu tanah ini supaya kesuburannya dapat dipertingkatkan dan juga kawalan serangga biopesticides yang kita telah mula laksanakan. Berhubung dengan cadangan daripada Yang Berhormat Sungai Air Tawar tentang pembangunan ban itu pun sebenarnya akan dilaksanakan untuk menaik taraf sisir pantai bagi sisir pantai di Beting Kepah dan Sungai Lang melibatkan 6 juta bajet daripada Kerajaan Pusat dan satu lagi menaik taraf ban sepanjang 6 kilometer di Beting Kepah dan di Sungai Lang tadi 6 juta, ini bukan sahaja untuk mengukuhkan tebing tetapi juga untuk membantu untuk tujuan rekreasi dan riadah nanti di sepanjang pantai itu. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Yang Berhormat Yang Berhormat Banting menyentuh tentang mengenai dasar Sistem Kabel Dasar Laut (MIST) Malaysia, Myanmar, India, Singapore Transit (MIST). Jadi sebenarnya pihak Majlis Perbandaran Kuala Langat telah menerima permohonan dan meluluskan kebenaran merancang bagi stesen pendaratan kabel optik CLS daripada Laksana Mewah Sdn. Bhd di atas Lot 997 Kanchong Darat Mukim Morib pada Mesyuarat OST Ogos yang lepas. Jadi cadangan ini merupakan pembinaan stesen pendaratan kabel alternatif untuk kita punya *national gateway* bagi kabel optik. Jadi sistem ini merupakan laluan utama dari Tuas, Singapura hingga ke Mumbai, India. Jadi pelaburannya besar dan melibatkan 8,100 kilometer bawah laut dan belanjanya dan kos pelaburannya 400 juta USD, itu yang telah diluluskan dan akan bawa kapasiti 216 *terabyte per second*, jadi ini antara satu lagi berita baik bagi pembangunan telekomunikasi atau pun *broadband* bagi Negeri Selangor.

Seterusnya tentang WCE yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Banting, dia yang dipersoalkan ialah Seksyen Satu, Dua dan Tiga daripada Banting ke Klang. Untuk Seksyen 1, sebenarnya sudah selesai isu pengambilan tanah ini, sudah tidak ada timbul lagi iaitu daripada Persimpangan Banting ke Persimpangan SKVE. Seksyen 2, ada tiga (3) lot lagi. Itu daripada Persimpangan SKVE ke Persimpangan Shah Alam Expressway. Itu ada tiga (3) lot yang dalam proses mahkamah. Yang seterusnya, yang paling besar ialah Seksyen 3. Seksyen 3 ini daripada Shah Alam Expressway ke NKVE, itu ada lapan (8) lot yang menjadi masalah lagi dan telah bawa ke, dan akan didengar di Mahkamah Rayuan Putrajaya pada awal November 2021. Jadi, sementara itu, kita, kerja-kerja di sini terhenti tetapi tempat-tempat yang tidak melibatkan isu tanah ini, kerjanya berjalan cuma *slow* sikit sebab PKP hari itu, memang tidak dibenarkan sebarang kerja-kerja *construction* tetapi sekarang sudah mula kembali dan kecuali di lot-lot yang menjadi pertikaian, ini masih dalam proses untuk diselesaikan.

Seterusnya, saya hendak menyentuh sedikit berhubung dengan isu mengenai banjir yang dibawa, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dusun Tua dan juga Yang Berhormat Banting, ada sedikit menyentuh mengenai kolam takungan banjir ataupun *detention pond* ini. Untuk maklumat Yang Berhormat Banting juga, saya boleh bacakan di sini, bagikan maklumat sikit berhubung dengan kedudukan kolam-kolam takungan banjir di Negeri Selangor ini. Kolam takungan banjir ini penting, ia sebagai komponen penting dalam Rancangan Tebatan Banjir kita. Kalau tidak ada kolam takungan, sukar untuk kita mengawal terutamanya banjir kilat. Untuk makluman semua, jumlah kolam yang ada sekarang ini, keseluruhan Selangor ada 589, ok, 589 yang di bawah pentadbiran JPS hanya 124. Jadi, bila di bawah JPS ini maknanya dia lah yang akan menyelenggarakan tetapi kalau tidak, PBT, di bawah PBT ada 181, di bawah lain-lain ini, di bawah Pemaju atau pihak ketiga ada 272 dan kolam semula jadi yang sedia ada, ada 12. Jadi, yang diwartakan keseluruhannya hanya lima (5). Daripada lima (5) (ketawa), baru lima (5), yang dalam proses ada 128 yang belum diwartakan 856, jadi, boleh bayangkan banyak kolam-kolam kita ini masih tidak dapat diwartakan, tidak dapat diurus dengan baik kerana masalah-masalah teknikal ini ataupun masalah-masalah pemilikan atau tanah ini, tuan tanah. Jadi, ini sedang diproses, saya minta biar JPS mengenal pasti dan mencari kaedah terbaik sebab ia tidak boleh diambil begitu sahaja. Dia ada prosesnya yang perlu diambil, baru lah peruntukan dapat dibuat oleh JPS bagi menyelenggara kolam-kolam takungan banjir ini. Dan ini juga bersesuaian dengan peranan kolam-kolam dan juga, sama ada kolam sedia ada, semula jadi atau kolam-kolam takungan untuk juga nanti membantu dalam kita, penyediaan Skim Jaminan Air Mentah kita untuk jangka panjang. Jadi dia ada dua (2) *function*. Sebahagian daripada kolam-kolam takungan ini ialah berfungsi, ada dua (2) fungsi. Dwifungsi iaitu untuk mengawal banjir dan juga untuk sebagai sumber bekalan air untuk masa depan. Ini juga merupakan perkara aspek yang penting untuk di Dusun Tua, Yang Berhormat Dusun Tua, saya cepat ya, nak bagi cepat. Memang kita ada masalah sikit dengan peruntukan, tetapi peruntukan Negeri untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya nak maklumkan secara menyeluruh dulu ya, untuk peruntukan Negeri, kita ada RM252 juta untuk projek berkaitan JPS ini, yang melibatkan Tebatan Banjir bagi seluruh Selangor di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, jadi lima (5) tahun lah. Untuk lima (5) tahun ini kita akan belanjakan RM252 juta. Projek yang telah siap sudah RM7 juta, tujuh (7) projek. Projek yang, kalau ada Yang Berhormat yang hendak *detail* saya boleh bagikan ini, bertulis ya. Untuk yang dalam pelaksanaan enam (6) projek RM22 juta, untuk yang dalam reka bentuk kajian ada 17 projek RM181 juta, dalam reka bentuk ataupun dalam proses tender. Ini merupakan total RM252 juta peruntukan Kerajaan Negeri bagi Rancangan Tebatan Banjir Selangor. Untuk yang melibatkan *Federal*, Kerajaan Pusat, terutamanya yang disoal, yang ditanya oleh Yang Berhormat Dusun Tua, saya maklumkan di sini, projek itu yang dimaksudkan itu ialah Projek Tebatan Banjir Langat Fasa 2. Permohonan Persekutuan dianggarkan kos RM500 juta telah dikemukakan oleh JPS untuk dipertimbangkan dalam *Rolling Plan 2* RMK-12. Jadi, setakat ini tiada keputusan. Jadi, telah dimasukkan, projek ini adalah projek yang besar dan memerlukan kos yang tinggi dan akan dilihat keseluruhan tentang Rancangan Tebatan Banjir bagi Sungai

Langat. Ini melibatkan pelbagai aspek RM500 juta, bukan sikit ya. Jadi, tentulah saya boleh senaraikan tetapi jimatkan masa, akan lengkap kalau kita berjaya dapatkan RM500 juta peruntukan daripada Persekutuan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan untuk rancangan di Dusun Tua, satu projek iaitu Rancangan Tebatan Banjir, Batu 10 Cheras. Kos RM10 juta, yang itu sudah lulus, yang itu dalam peruntukan Kerajaan Negeri, dalam proses reka bentuk. Dan juga naik taraf sistem saliran Batu 16, Kampung Dusun Tua RM9 juta, ini pun dalam peringkat reka bentuk terperinci dan pelaksanaan fizikal dijangka tahun hadapan, 2022. Dan ada lah kerja-kerja lain, menaik taraf daripada segi longkang dan sebagainya. Sudah berlaku ada lima (5), enam (6) projek di Dusun Tua dan dalam proses pelaksanaan. Jadi, sikit lagi ya. Dah setengah jam dah? Untuk yang saya janjikan, untuk Ijok, Yang Berhormat Ijok, ya lah, kawasan rendah ya, jadi kita akan bagi perhatian (ketawa) bukan kita abaikan. Kawasan-kawasan yang terlibat, ini selalunya Kampung Harmoni, Kampung Batu 7 Ijok, Kampung Bukit Badong, Pekan Ijok, Kampung Jaya Setia, Seri Sentosa, Seri Aman dan Kampung Rantau Panjang, yang tadi, yang timbul tadi, Kampung Rantau Panjang. Ini adalah kawasan-kawasan rendah yang kita kenal pasti yang sentiasa terdedah kepada banjir, sebabkan kawasannya rendah. Jadi, kita telah ada beberapa projek, cuma masalahnya projek ini baru bermula. Pertamanya ialah RTB ataupun Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh. Sungai Buloh ini, projek RM34.5 juta dalam pelaksanaan. Ia mula hari itu bulan 11/2020 dan akan siap Mac 2024 jadi, itu termasuk mendalamkan sungai, tebing dan buat dia punya struktur rumah pam dan sebagainya. Ini semua adalah salah satu projek, dijangka siap sekarang ini jadual 11% sebenar pun 11% maknanya ikut jadual projek ini. Tetapi, 2024 baru siap.

Yang kedua, ialah menaik taraf sistem saliran di kawasan perumahan Saujana Utama Mukim Ijok. Ini RM5 juta dalam proses penyediaan reka bentuk dan jangka tender juga tahun hadapan 2022 untuk pelaksanaan tahun hadapan. Yang ketiga, menaik taraf sistem saliran di Kampung Jaya Setia RM3 juta, pun sama, dalam proses reka bentuk dan juga akan dilaksanakan untuk tahun hadapan. Ini lah tiga (3) projek yang sedang kita rancang dan ada yang kita laksanakan. Ok, saya telah pun menjawab berhubung dengan isu seJAM ini ya, Skim Jaminan Air Mentah yang disebut oleh Yang Berhormat Subang Jaya, dah jawab dan untuk makluman kita akan sentiasa memantau, di bawah seJAM ini, Jawatankuasa yang saya penguruskan Skim Jaminan Air Mentah ini kita ada tiga (3) beberapa projek Fasa yang sedang kita laksanakan. Satu, ialah yang saya telah sebut pada hari itu dalam menjawab persoalan termasuklah RM200 juta untuk pengalihan air itu, *diversion*, iaitu apabila berlaku pencemaran, mungkin dalam September ini kita akan *award*, September kita akan *award* kepada kontraktor. Tetapi ada lagi beberapa perkara yang kita telah diminta untuk teliti, satu lagi ialah untuk meneliti bagaimana hendak menyelesaikan pencemaran di tiga (3) sungai ini, iaitu Sungai Damansara, Sungai Penchala dan juga Sungai Buloh. Tiga (3) ini kita hendak kena ada kaedah segera untuk mengurangkan pencemaran sungai-sungai ini supaya ia tidak menimbulkan masalah di sungai yang

30 OGOS 2021 (ISNIN)

berkaitan. Ini salah satu dan yang ketiga, yang paling penting juga ialah kita telah mendapat *signal* ataupun mesej dari Jabatan Meteorologi bahawa akan berlaku, diramalkan akan berlaku kemarau panjang tahun 2026. Jadi, kita akan lebih awal membuat persiapan supaya kita akan dapat hadapinya dengan bekalan air yang cukup. Sebab itu kita telah buat bincian pada kolam-kolam yang sedia ada di seluruh Selangor. Sebahagiannya telah dibuat oleh LUAS untuk meneliti berapa luas kawasan *bottle body* nya, airnya banyak mana ada, kualiti airnya dan apa lagi sistem pam yang kita perlu sediakan, kalau berlaku nanti kemarau dan perlukan air-air di tempat ini, kita sudah bersedia untuk menggunakan, kalau tidak cukup air empangan dan sebagainya. Ini sedang dibuat, dalam proses dan kita akan, saya sudah set sasaran untuk semua ini *ready before 2026*. Maknanya 2025 itu kita sudah bersedia untuk menghadapi jika berlaku betul-betul kemarau panjang pada tahun 2026.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, yang terakhir berlaku ialah 2014 jadi kita sudah hampir sembilan (9) tahun, tujuh (7) tahun, dah tujuh (7) tahun ya? Ada tujuh (7)? Jadi, jangan kita leka pada ini, ia akan datang juga *cycle* itu, jadi kita buat persiapan awal. Dan lagi satu, yang Templer , tiada? Ada dua (2) sahaja lagi, tidak banyak. Yang Templer ini, saya (ketawa), soalan yang sama setiap kali, saya pun faham, saya pun pernah melawat tempat itu, memang sesak, telah buat permohonan LT1001 ini jalan Rawang, Selayang ke Rawang ini, tetapi tidak diluluskan oleh Kerajaan Pusat, di bawah JKR Pusat, tidak lulus jadi kita masuk semula dalam RP (*Rolling Plan*) 1 RMK12, jadi kita sedang tunggu sekarang ini. Dia belum, sebab kosnya ialah RM60 juta, dianggarkan RM60 juta untuk menyiapkan satu lorong tambahan dan juga *upgrade* persimpangan dan sebagainya, memerlukan kos RM60 juta, kita telah masukkan semula dan saya akan cuba dengan, mungkin Menteri yang baru ini, mungkin kasihan sedikit, kita boleh dapat, cuba dapatkan untuk selesaikan isu ini yang saya rasa agak sesak di situ ya.

Ok, dan yang terakhir, saya hendak sebutkan yang, berhubung dengan PJD Link ini. Saya telah jawab dalam, masa soalan mulut yang lepas, saya telah jawab yang dibawa oleh Yang Berhormat Bukit Gasing dan kali ini dalam perbahasan pun ada ditimbulkan. Saya hendak beritahu bahawa kita tidak boleh menolak sesuatu projek pembangunan itu semata-mata kerana namanya. Kita biarkan ia melalui prosesnya, kita profesional dalam mengendalikan sebarang projek pembangunan terutama pembangunan infrastruktur bagi rakyat Selangor. Sebab itu kita sebutkan, tiga (3) komponen penting yang kita mesti selesaikan, ialah impak alam sekitar ya, kesan penilaian impak alam sekitar, penilaian impak sosial dan penilaian impak trafik. Ini menentukan kewajaran untuk projek ini berlaku. Kalau tidak, kita akan mengambil sikap yang tegas kalau tidak membawa manfaat, kebaikan kepada rakyat, kita akan mengambil sikap yang tegas, kalau perlu batal, kita perlu batal. Tetapi, sebarang pembatalan ataupun mengubah sebarang *alignment* ataupun jajaran ini perlu dibuat dengan kajian yang teliti, dengan *engagement* dengan *public* yang saya telah sebutkan. Tidak, kita akan sewenang-wenangnya untuk sama ada meluluskan

30 OGOS 2021 (ISNIN)

ataupun membatalkan tanpa ada asas yang kukuh. Ini merupakan pegangan, pandangan di bawah Kerajaan Negeri dan saya memberi jaminan, kita akan ikuti SOP nya sewajarnya, supaya semua dapat berlaku adil kepada semua dalam kita melaksanakan aktiviti pembangunan di Negeri Selangor. Saya akan pastikan sama ada melalui UPEN ataupun melalui JPBD ataupun PBT dan juga Jawatankuasa yang saya mempengerusikan, Jawatankuasa Pelaksana Pemantauan *Highway*, Lebuhraya dan Infra ini supaya semuanya dipatuhi dan diikuti termasuklah *engagement* dengan *Stakeholders* di kawasan-kawasan yang berkaitan. Ini bukan sahaja untuk PJD Link tetapi semua jenis pembangunan infra, *highway* ataupun talian elektrik ataupun *gas pipeline* dan sebagainya, kita akan pastikan benda ini dapat dipatuhi dengan baik ya. Jadi, saya rasa itu sahaja yang saya nak kupas pada kali ini hendak sentuh. Terima kasih semua.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ada penjelasan? Pandan Indah sudah tamatkan perbahasan.

Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE : Ada, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat EXCO. Saya ada dua (2) soalan Yang Berhormat EXCO tidak jawab. Satu mengenai Jalan Persekutuan Besar Pandamaran dan juga LG3.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Kota Damansara.

Y.B. TUAN SHATIRI BIN MANSOR : Ada dua (2) topik yang tidak dijawab tadi. Satu ialah Persiaran Camar Guana, iaitu kelulusan MMKN telah diluluskan Disember 2017. Yang kedua, Fasa 2 Rancangan Tebatan Banjir Kampung Melayu Subang.

Y.B. TUAN IR. IZHAM BIN HASHIM : Saya akan ambil semua itu. Maknanya, tidak diberi jawapan, mungkin tertinggal dan sebagainya. Tetapi tidak mengapa, yang pentingnya, isu-isu *Federal* ini, jalan-jalan *Federal* yang saya sebut, tadi pun saya ada pertanyaan juga berhubung dengan isu itu. Kategori jalan *Federal* ada satu, sekarang dianggap jalan *Federal* tetapi jalan izin lalu. Pun ada tadi kes, satu yang dari Rawang tadi yang ditimbulkan. Jadi, saya akan *check* status semua yang ditimbulkan ini dan kalau perlu saya akan bagi yang bertulis kepada YB-YB berhubung dengan status jalan-jalan ini dan ada jalan PBT pun ada itu, setengah PBT jalan itu dia perlukan sumbangan dulu dari *developer* baru dia boleh buat. Walaupun dia dah lulus lama, tapi pembangunan tidak jalan, kadang-kadang KM sudah lulus tapi pembangunan tidak jalan, jadi dia tidak beri sumbangan untuk membuat jalan itu. Dan ini pun banyak berlaku di banyak tempat dan kita akan teliti untuk kita pastikan apa masalah dan punca sebagainya. Jadi saya akan tengok satu-satulah apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, sekian.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Baik terima kasih Yang Berhormat Pandan Indah. Saya persilakan Yang Berhormat Seri Serdang.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengemukakan soalan. Saya cuba untuk meringkaskan memandangkan kita ada penggulungan kejap lagi daripada Dato' Seri Menteri Besar. Saya tidak akan jawab kalau Yang Berhormat Adun tidak ada dekat sini. Kita ada dari Sungai Air Tawar agak panjang juga, jadi saya tidak jawab.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Juga soalan yang telah dijawab itu.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ya, apa yang telah dijawab saya tidak akan jawab lagi.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Seri Serdang juga yang telah dijawab semasa soalan mulut pun.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Ya, baik, baik saya tidak akan mengulang, *insyaAllah*. Mengenai daripada Yang Berhormat Balakong dan Permatang bertanya mengenai Pusat Wanita Berdaya dan Expo Hasil. Terima kasih, sebagai makluman kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, pentadbiran dan pengurusan Pusat Wanita Berdaya Selangor, kini adalah di bawah Pengurusan Wanita Berdaya Selangor Sdn Bhd yang ditubuhkan sebagai anak syarikat Menteri Besar Selangor, Pemerbadanan (MBI). Isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balakong adalah merupakan antara kesan-kesan sementara transisi di bawah pengurusan dan pentadbiran yang baru. WBS mengambil maklum terhadap permasalahan yang timbul dan telah melaksanakan tindakan penambahbaikan dalam memastikan isu-isu tersebut tidak berulang serta pengambilalihan PWB Selangor ini berjalan lancar tanpa menjelaskan penyampaian perkhidmatan melalui pelaksanaan program-program PWB Selangor agar dapat di manfaatkan oleh komuniti akar umbi.

Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, para penyelia PWB disuruh 56 DUN sentiasa diberikan kebebasan dalam merangka program-program yang bersesuaian untuk dilaksanakan mengikut berdasarkan modul-modul program yang telah disediakan. Kita ada 10 modul untuk kemahiran dan 10 modul untuk pembangunan kapasiti. Dia boleh pilih mana-mana topik dan apa-apa program yang sesuai di bawah itu, boleh. Makna dia, dia terpulang kepada kreativiti penyelia-penyelia PWB itu sendiri.

Dalam usaha Kerajaan Negeri menjayakan misi pemberdayaan golongan wanita di Selangor, modul-modul ini dijadikan sebagai panduan agar program-program yang bakal dilaksanakan mempunyai hala tuju dan meliputi pelbagai aspek dan cuba mendapatkan dasar wanita Negeri Selangor.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Berhubung isu peruntukan yang diketepikan oleh PWB untuk pelaksanaan program yang akan ditentukan oleh PWBS, setakat ini tiada sebarang ketetapan berkenaan had peruntukan yang perlu diketepikan daripada peruntukan sedia ada setiap PWB DUN. Walau bagaimanapun, terdapat program-program pusat yang dianjurkan oleh pihak pengurusan PWB yang memerlukan penyertaan dan pasti semua PWB DUN. Sebagai contoh penghasilan produk program eksport hasil, program-program pembangunan kapasiti tertentu, program bantuan susu dan *pampers* dan lain-lain yang memerlukan penggunaan peruntukan PWB DUN. Sebagai makluman Yang Berhormat Balakong, sejak PWB berada di bawah pentadbiran PWBS bermula Mac 2021 hingga Ogos 2021, terdapat satu sahaja program berpusat yang telah dilaksanakan di bawah PWBS iaitu program bantuan susu, lampin pakai buang dan tuala wanita dengan bajet RM3,500 setiap peruntukan setiap DUN.

Dan cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat untuk kita menambahkan lagi daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan, tentang menggunakan peruntukan baki itu untuk membuat program-program pemberian, sokongan kepada wanita di sebabkan oleh masalah COVID-19 ini, kita juga akan pertimbangkan.

Kaedah pelaksanaan bantuan secara berpusat ini dilakukan adalah melihat kepada keperluan yang mendesak dan segera perlu diberikan kepada rakyat yang memerlukan tempoh PKPD baru-baru ini. Malahan semasa kita mengalami COVID-19 ini memang diakui bahawa program-program kebanyakannya dijalankan atas talian. Dan ini memerlukan sedikit kreativiti mereka dan belanja pun memang berkurang apabila buat atas talian berbanding dengan program yang bersemuka.

Jadi cadangan Yang Berhormat Balakong untuk mengadakan satu *task force* untuk membenarkan Ahli Yang Berhormat lain yang berminat untuk turut sama terlibat, saya ingin memberi kata jaminan selama ini pun tidak ada halangan daripada pihak saya untuk Yang Berhormat sekalian, *engage* atau pun bertemu dengan pihak pengurusan PWB dan sekarang ini PWBS untuk mencadangkan apa-apa yang perlu. Malah cadangan-cadangan selalu diterima misalnya cadangan lampin, susu dan apa itu berlaku pada tahun lepas. Yang Berhormat Rodziah mencadangkan supaya kita menggunakan duit peruntukan itu untuk memberikan jadi kami tidak ada masalah. Saya sangat terbuka lagi dibenarkan, kita akan melaksanakannya. Jadi untuk kita hendak membina *task force* lagi satu saya ingat banyak mesyuarat. Saya jemput setiap bulan PWB akan ada mesyuarat bulanan dia. Yang Berhormat boleh duduk boleh hadir sama ada *online* atau pun bersemuka dan boleh mencadangkan kepada WBS.

Seterusnya mengenai Ekspo Hasil. Hasil is hasil suri Selangor yang kita mulakan ekspo ini, kita mulakan tahun 2020 bersempena Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor yang diraikan pada 8 Mac setiap tahun. Tahun 2020 kita bernasib baik kerana kita berjaya melakukan Ekspo Hasil secara fizikal dan sebaik saja kita habis Ekspo Hasil kita, langsung ada MCO pada ketika itu. Jadi ia adalah

30 OGOS 2021 (ISNIN)

sebuah platform yang boleh dimanfaatkan pelbagai golongan terutamanya golongan wanita di Selangor yang bukan sahaja berperanan sebagai pengunjung tetapi sebagai juga pengajur secara kerjasama melalui kepelbagaian aktiviti pengisian seperti persidangan, forum, bengkel kemahiran, pameran dan jualan. Ekspo Hasil ini turut mengangkat dan memperkenalkan produk-produk hasil kerja tangan wanita Selangor melalui latihan-latihan kemahiran yang dijalankan di bawah PWB yang melibatkan seluruh 56 DUN dan produk-produk hasil tangan wanita daripada Badan Bukan Kerajaan dan Agensi Kerajaan.

Penganjuran secara rintis pada 2020 kita adakan selama 2 hari dan kita mendapat kunjungan daripada 5,000 orang pengunjung. Dan ada meriahkan pula dengan *booth* atau pun reruai pameran jualan yang melibatkan 54 reruai dan 95 buah produk berjaya dihasilkan dengan penglibatan pelbagai jabatan dan agensi wanita. Penganjuran ekspo pada tahun 2021 ini di bawah WBS terpaksa dilakukan secara hibrid iaitu secara dalam talian menerusi laman sesawang www.ekspohasil.com dan secara fizikal di foyer SUK Selangor yang telah disesuaikan, penganjurannya dengan norma baharu berikutan penularan pandemik COVID-19. Dengan reka bentuk 3 dimensi, dewan Ekspo Hasil Virtual ini telah memuatkan 93 buah reruai pameran dan jualan yang melibatkan 830 buah produk hasil tangan wanita. Serta ruangan program tanpa batas dengan pelbagai aktiviti menarik dengan pengisian 4 program utama iaitu Persidangan Wanita Selangor, Forum Wanita dan Kepimpinan Hibrid, Bengkel Jana Ekonomi Digital dan Bengkel PWB yang melibatkan hampir 80 slot pengisian di sepanjang penganjuran selama 5 hari bermula 24 April 2021 sehingga 28 April 2021.

Kelebihan Dewan Ekspo Virtual ini adalah apabila para pengunjung boleh hadir mengikut kesesuaian masing-masing. Dan program-program ini yang telah berlangsung boleh diulang siar agar ia dapat dimanfaatkan secara berterusan. Malahan Dewan Ekspo Virtual ini juga masih boleh diguna pakai pada masa sekarang dan masa akan datang. Kita tidak tamat di situ, sekarang pun masih ada lagi dan hanya memerlukan penambahan produk dan promosi serta kos operasi yang minimum bagi penganjurannya kelak. Penganjuran Ekspo Tahun 2021 ini mencatatkan bilangan pengunjung seramai 50 ribu orang yang telah hadir ke Dewan Ekspo Virtual menerusi laman sesawang dan media sosial Ekspo Hasil serta berjaya mencapai objektif pelaksanaannya iaitu melancarkan kempen Berani Memimpin dengan tema Wanita Bangkit Mendepani Cabaran di peringkat Negeri Selangor. Bagi meningkatkan kesedaran wanita untuk terus bangkit dan kuat menghadapi dugaan musibah COVID-19 yang telah melanda negara dan dunia.

Kedua memberi penghargaan kepada wanita-wanita yang telah memberikan inspirasi kepada wanita lain atas kejayaan mereka dalam setiap bidang yang diceburi. Dan juga menyediakan platform untuk wanita di seluruh Negeri Selangor bagi memperkenalkan dan menjual produk hasil tangan mereka serta membina jaringan bersama pelanggan dan pihak luar yang berpotensi mengembangkan perniagaan seterusnya memacu pertambahan ekonomi negeri ini. Pada Ekspo Hasil kali ini kita

30 OGOS 2021 (ISNIN)

telah melancarkan Wanita Berdaya Selangor WBS yang merupakan agensi pembangunan wanita di peringkat Kerajaan Selangor dan di bawahnya kita ada IWB kita, Akademik Kepimpinan Wanita kita dan semua program-program yang telah dimulakan oleh di bawah EXCO Wanita. Diletakkan di bawah PWBS untuk pelaksanaannya. Mengenai perbelanjaannya saya ada di sini, saya akan bagi kepada Yang Berhormat Permatang ya, ok baik.

Saya hendak ke tajuk kedua iaitu kesihatan mental, Yang Berhormat Subang Jaya, Kampung Tunku dan Bukit Melawati juga Sungai Air Tawar telah membangkitkan isu kesihatan mental yang sangat relevan yang kita tahu dengan adanya pandemik COVID-19 ini, keadaan ini menjadi bertambah runcing. Dengan itu bagi menjawab pertanyaan ini, Yang Berhormat Sungai Air Tawar, Subang Jaya, Kg Tunku, Kerajaan Negeri berusaha memastikan kesihatan mental warga Selangor dalam keadaan baik terutamanya pada waktu pandemik ini. Justeru Kerajaan Negeri telah memperkenalkan program Selangor Mental Sihat atau pun SIHAT. Melalui program ini satu aplikasi kesihatan mental telah dibangunkan di mana fungsi dan modul Selangor Mental Sihat ini akan di integrasi ke dalam aplikasi SELangkah dan akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 30 Ogos 2021, hari inilah malam. Bagi memudahkan warga Selangor mendapatkan nasihat kaunselor, talian telefon sokongan sosial akan diwujudkan atau pun diwujudkan melalui aplikasi *WhatsDoc* dan juga boleh diakses melalui fungsi SIHAT dalam aplikasi SELangkah. Para pengguna akan berpeluang untuk mendapatkan kaunselor bertauliah secara percuma. Dan sesi *fear support* bersama badan bukan kerajaan NGO dalam aplikasi *WhatsDoc*, tiada cas akan dikenakan pada perkhidmatan ini. Antara fungsi lain yang juga dalam fungsi SIHAT di aplikasi SELangkah ini adalah sesi intervensi awal yang termasuk talian sokongan *psychosocial* iaitu talian SIHAT secara percuma diberikan oleh salah seorang daripada 31 kaunselor berdaftar Selangor yang telah terlatih dan berpengalaman.

Selain daripada fungsi intervensi awal terdapat juga fungsi promosi aplikasi pendidikan dan saringan kesihatan mental. Terdapat juga forum sokongan, forum sihat yang dikendalikan oleh tenaga pakar daripada bukan badan kerajaan berkaitan kesihatan mental yang berpengalaman. Ini adalah intervensi awal yang juga bertujuan mengurangkan beban di fasiliti kesihatan milik Kementerian Kesihatan Malaysia.

Penambahbaikan perkhidmatan talian SIHAT ini bergantung pada sambutan dan maklum balas daripada pengguna. Waktu operasi dan jumlah kaunselor berkhidmat akan ditambah baik berdasarkan data penggunaan dan analisa maklum balas daripada pengguna. Ini akan membolehkan penyampaian perkhidmatan dapat di optima berdasarkan data dan juga kepada kos dan keberkesanannya. Berhubung cadangan peruntukan bagi program kesihatan mental pada 2022 bagi memberi subsidi, pendapat rawatan kesihatan mental di premis swasta, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan perkara ini dengan sebaik mungkin berdasarkan situasi dan kedudukan kewangan semasa.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Melawati berhubung pemberian subsidi bagi mana-mana individu yang ingin mendapatkan rawatan terapi kerana ia melibatkan kos yang tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, kita menyedari kepentingan penjagaan kesihatan mental ini tapi seperti yang saya sebutkan tadi kita telah akan memulakan program Selangor Mental Sihat ini dulu. Dan kemudian kalau ada rezeki lebih kutipan kita tinggi nanti persetujuan PWN dan Dato' Menteri Besar mungkin program subsidi ini boleh kita laksanakan, *insyaAllah*.

Baik, saya ada soalan daripada Bukit Lanjan, Banting, Sijangkang, Kota Damansara, Bukit Gasing mengenai saringan bersasar komuniti COVID-19 dan kit ujian kendiri. Seperti Yang Berhormat sekalian sedia maklum bahawa Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah menyarankan mencadangkan kepada negara-negara untuk kita menjalankan program FTTIS iaitu *Find, Test, Trace, Isolate and Support* kepada di dalam masyarakat untuk kita mengawal ledakan jangkitan COVID ini. Saringan bersasar kepada golongan peniaga telah dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Program Saringan Komuniti telah berjalan selama tiga fasa dengan jumlah peserta seperti berikut; Fasa 1 - 5,433, Fasa 2 - 13,655, Fasa 3 - 120,445. Ini adalah jumlah yang kita telah saring dengan RTK Antigen. Peringkat awal kita menggunakan PCR. Buat masa ini pelaksanaan program saringan dibuat secara bersasar, berdasarkan jumlah kes yang terdapat di lokaliti tertentu seperti kawasan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) serta seperti disarankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, dan Pejabat Kesihatan Daerah dan juga Yang Berhormat- Yang Berhormat mendapati bahawa insiden ataupun kenaikan kes-kes dan kematian akibat COVID-19 tinggi di dalam kawasan masing-masing. Kita telah laksanakan untuk Kota Anggerik dan juga untuk Subang Jaya baru-bau ini, untuk buat saringan di dalam kawasan mereka.

Untuk memberi maklum balas kepada cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Lanjan mengenai penambahan 1,000 unit kit ujian kendiri air liur kepada setiap DUN, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan tapi pada masa yang sama saya percaya mungkin cadangan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing juga agak bagus di mana kalau kita dapat dengan harga yang baik, Pusat Khidmat DUN hanya beri sedikit subsidi kepada rakyat. Kami juga cuba nak mendapatkan kuantiti jualan itu supaya kita dapat jual balik kepada rakyat pada RM10.00 which is lebih makna dia *reasonable* untuk dengan izin untuk mereka membeli. Cuma saya ingin memberi sedikit peringatan mengenai *kit selivar* ini ya. Kalau pada peringkat awal dulu Kementerian Kesihatan insist menekankan bahawa *the goal standard* untuk membuat saringan adalah PCR dan kita tahu PCR adalah *test* ujian yang agak mahal dan state@negeri memberi mengambil RTK Antigen. Ada perbincangan tentang ini walau bagaimanapun ia diterima sebagai salah satu ujian saringan dan semasa kita membuat saringan Fasa 1, 2 3 dahulu semua RTK Antigen positif kes akan dibuat lagi ujian PCR oleh Kementerian Kesihatan. Kalau positif, kalau dua-dua positif baru dimasukkan di dalam data positif. Kalau RTK positif tetapi PCR negatif, maka ditolaknya. Tetapi sekarang ini dengan adanya saya pun tak tahu kenapa, mungkin kerana kos juga, maka sekarang ini Kementerian Kesihatan seolah-

30 OGOS 2021 (ISNIN)

olah telah mengiktiraf RTK untuk antigen untuk air liur. Ya, dan saya kita pun ada kebimbangan juga tapi kita tidak banyak pilihan kerana kalau banding calitan di dalam hidung dan tekak ini adalah lebih, lebih baik ya, lebih baik daripada air liur.

Ya, namun sensitiviti dan ujian spesifiksiti yang diberi oleh MDA adalah bagus. Ya, spesifiksiti 100% sensitiviti melebihi daripada 95%. Hampir 100%. Jadi sekarang ini bila kita menggunakan cuma saya minta Yang Berhormat sekalian, saya masih menunggu panduan bila patut kita buat *test* ini. Kalau kita ada kontak rapat ataupun kontak kasual, bila patut kita buat. Kita tidak boleh buat hari-hari, macam hari ini kita di dalam Sidang Dewan, kita buat hari-hari kerana jumlah kita kecil itu sebab nya Yang Berhormat mengatakan kalau 1,000 satu hari boleh habis. Kalau kita beri begitu memang satu hari boleh habis lah. Mesti ada indikasi yang kita nak bagi, nak beri pada mereka misalnya kalau ada, ada seseorang ahli keluarga positif, maka yang lain semua kita tak tau positif atau negatif maka itu adalah satu tempat untuk kita berikan untuk mereka laksanakan. Kemudian yang mana kuarantin di rumah kita nak tahu sama ada keadaannya sudah keluar daripada keadaan positif itu adalah di antara ini. Ia bukan lah satu perkara yang boleh menyelesaikan semua masalah kita tetapi ia dengan izin *is better than nothing because* kita dah tak boleh nak guna apa lagi dah sekarang.

Mengenai pelaksanaan kaedah FTTIS secara serentak ini berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Banting ya bagi pelaksanaan FTTIS serentak dalam menangani COVID-19, lebih berkesan sememangnya kita menggunakan seperti yang disarankan cuma kita kena ingat keupayaan kita menyaring tetapi apa yang berlaku kepada yang positif itu bukan lagi tanggungjawab kita. Dia adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan. Itu sebab bila kita buat saringan di dalam komuniti tempoh hari, bila kita saring dia positif, dia kena tunggu sehingga dihubungi oleh PKD untuk membuat PCR dan sebagainya. Jadi lepas itu apa berlaku selepas itu sama ada dia pergi ke CAC, CAC buat *triggering*, dia pergi ke MAEPS ke, dia pergi ke mana ke, itu adalah keputusan yang dari pihak klinikal iaitu daripada pihak Kementerian Kesihatan.

Jadi buat masa sekarang ini pun, pembangunan bersasar secara percuma ini yang kita mula pada tahun 2020 sekarang ini kita juga membantu sedikit sebanyak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dengan kita telah membangunkan *COVID Assessment Centre, Home Assessment Tool* secara rintis 5, 3 CAC telah menggunakan Selangkah CAC. Untuk *home monitoring*, untuk memantau pesakit yang positif di rumah. Dan kita juga telah menyerahkan 7000 set of *past oximeters* kepada JKNS untuk diberi kepada mereka yang positif dan terpaksa kuarantin di rumah. Jadi kemudian kita cuma di segi *support*, dari segi isolasi tu Kerajaan Negeri tidak mempunyai fasiliti untuk mengkuarantin mereka. Apabila CAC buat *triggering*, CAC menentukan sama ada pergi ke MAEPS ataupun kuarantin di rumah dan kita tahu pada sebelum ini, sebelum kita ada *Greater Klang Valley Task Force*, semua yang positif akan dihantar sama ada ke MAEPS, stage 4, 3, 5 masuk ke hospital dan kemudian bila kes meningkat MAEPS

30 OGOS 2021 (ISNIN)

dan PKRCS pun boleh menampung tapi dia perlu bayar. Itu adalah swasta, yang percuma nya di MAEPS.

Jadi kapasiti di MAEPS bila dipenuhi oleh kategori 3, 4 dan 5, kapasiti untuk katilnya berkurang. Dia lain dari untuk pesakit kategori 3, 4 dan 5, dia tak boleh pakai *double decker* lagi. Kalau untuk kategori 1 boleh pakai *double decker*, so akhirnya MAEPS tidak boleh lagi menampung jumlah pesakit yang positif kategori 1 dan 2 maka pasukan *Greater Klang Valley Task Force* telah mengubah strategi iaitu meminta pesakit yang positif kategori 1 dan 2 duduk di rumah. *Isolate* di rumah. Jadi sekarang ini apa yang kita harapkan adalah *home society approach*, apabila masyarakat termasuk ADUN-ADUN mengambil peranan yang lebih aktif untuk memantau pesakit-pesakit yang ada di rumah dan itu lah sebabnya di antara sebabnya kita sudah melancarkan program Sukarelawan Komuniti Kesihatan di dalam masyarakat dan saya terang sedikit apa dia SUKA untuk membantu kita, membantu rakyat yang kuarantin di rumah dan mereka sekarang sedang menjalani kursus *online* dengan Persatuan Kesihatan Awam Malaysia untuk bagaimana menangani COVID-19 di dalam masyarakat.

Saya ada banyak soalan mengenai vaksin tetapi saya rasa banyak juga yang telah saya jawab. Saya rasa saya tak perlu jawab lagi mengenai vaksin, saya ada jawab dos, saya dah jawab semua ya. Cuma ada satu soalan yang mengenai pampasan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Yang Berhormat Seri Serdang. Soalan saya tentang vaksin bukan secara am. *It very specific*. Soalan saya adalah lebih daripada sejuta orang daripada hari ini belum dapat vaksin mereka di negeri Selangor. Vaksin pertama atau kedua belum habis. Jadi dengan penutupan PPV semua di mana mereka boleh dapat suntikan vaksin tersebut?

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Kalau kita ikut statistik sahaja ya, statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan memanglah kita sudah berjaya sampai 80% sudah kita belum lagi, 60% untuk 2 dos, lebih daripada 60% telah menerima 1 dos, Cuma masalah dia ialah kerana angka *denominated* kita itu diambil daripada maklumat yang agak lama maka kita dapati bahawa setengah tempat walaupun populasinya disebut berapa kemudian jumlah yang divaksinnya lebih daripada yang didaftarkan. Ini menunjukkan bahawa memang ada mereka ramai di antara mereka yang belum divaksin sebab tak mendaftar dan memang betul terutamanya warga negara bukan warga negara Malaysia dan mereka yang tidak berdokumentasi ini seperti yang saya sebut itu kita memang tidak ada angka tetapi ada yang kata 500 ribu ada yang kata sejuta jadi untuk negeri Selangor kita masih ada lagi SelVAX bergerak iaitu lebih kurang macam SelVAX Komuniti tetapi jumlahnya tidak setinggi seperti SelVAX Komuniti.

Apa yang kita harapkan selepas ini untuk *engaged* dengan Kementerian Kesihatan, untuk vaksin dibawa turun khas untuk mereka-mereka yang belum lagi vaksin.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Setengahnya belum vaksin kerana mereka tidak buat keputusan nak buat vaksin hari itu. Sekarang baru mereka nak buat. Ada yang memilih vaksin sebab Selangor ambil Sinovac, mereka nak Pfizer atau AZ dan sebagainya. Jadi saya kira ia bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor semata-mata tetapi juga tanggungjawab bersama malah lebih berat kepada Kementerian Kesihatan. Kita akan *work on that one* untuk vaksin yang bakinya. Kalau tidak, tak selamat juga semua orang. Yang Berhormat Bukit Lanjan ada bertanya mengenai golongan di bawah 18 tahun bila kita nak vaksin mereka yang boleh guna mulakan dengan JAIS tapi untuk tujuan ini kita perlu ada keputusan Pusat daripada Jawatankuasa JAV yang memberi jaminan vaksin itu bila nak dimulakan untuk 18 ke bawah. Jadi kita tidak boleh mulakan dulu tapi sekarang ini Kementerian telah membenarkan mereka yang bawah 18 tahun tetapi *comorbid*. Dia ada *comorbid*. Ya anak-anak yang mungkin *obes* dan kemudian yang ada penyakit-penyakit lain yang memerlukan perlindungan tapi itu perlu dilakukan di PPVS makna spesifik PPV iaitu di hospital-hospital tidak dibenarkan di buat di PPV lain. So itu adalah mengenai vaksin.

Begitu juga untuk saya sebut fasal *third dose* hari tu di antara bagaimana kita nak guna kelebihan vaksin kita ni tapi itu lah yang dijadikan tajuk berita. Sebenarnya ada banyak cara malah kita nak vaksin lagi yang belum vaksin tetapi kita tidak menolak satu hari kita mungkin kita kena *third dose*. Itu pun kita perlu melihat kepada keputusan Pusat. Bagaimana *because* kita tidak mahu *third dose* sementara ramai lagi rakyat kita yang belum menerima dos pertama, jadi dia jadi tidak *the equity is not there*.

Saya ingat saya dah jawab semua mengenai vaksin kalau tak sekarang pun telah dijawab mengenai sebelum ini. *Detail* mengenai Bukit Gasing yang suka tanya ah tak ada tak payah. *Alright* saya habis vaksin kat situ, saya nak ke pertanyaan daripada Bukit Lanjan, Banting, Sijangkang, Sementa dan Ijok. Bertanyakan tentang pelaksanaan program-program yang telah dicadang oleh pihak *Selangor Task Force*, pembangunan aplikasi penjejakan kotak. Ini saya telah terangkan dengan panjang lebar dalam soalan apakah yang telah dilaksanakan atau idea-idea *Selangor Task Force* (STSC) yang telah dilaksanakan di peringkat negeri Selangor. Dan selain daripada STSC kita juga bekerja sama erat dengan *Greater Klang Valley Special Task Force* yang ditubuhkan untuk meningkatkan kapasiti pengurusan pandemik yang bersifat dinamik dan baru-baru ini kita telah bersama-sama dengan *Greater Selangor Klang Valley Special Task Force* ni untuk melancarkan apa dipanggil *Ops Search* kapasiti untuk Negeri Selangor yang kira melonjakkan kadar vaksinasi di Negeri Selangor. Pengurusan pandemik bagi mana-mana penyakit berjangkit ada empat (4) fasa utama. Iaitu satu ialah persediaan ya, *alert, preparedness*, lagi satu pengekangan awal. *Early containment* kemudian pergerakan lanjutan, *late containment* dan akhirnya fasa mitigasi *and we are actually fasa dalam fasa mitigasi*. *Because our deferred is increasing* kita punya *figure* tiap-tiap hari pun nampak meningkat dan sebagainya jadi kita bukan lagi fasa *containment*.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Sekarang kita tak tahu lagi di mana indeks kes apa ni Covid-19 itu dan kegagalan untuk mengesan konteks rapat adalah di antara punca yang menyebabkan lonjakan di dalam kes-kes positif di Negeri Selangor dan juga negeri-negeri lain yang seperti kita tengok campur dengan keberadaan *Variant Delta* dan sebagainya.

Baik, Negeri Selangor memang saya sebut tadi sudah ada dalam fasa mitigasi daripada Jun 2021. Apabila berlakunya penularan dalam komuniti yang meluas dan telah memberi kesan kepada kapasiti kesihatan awam. Memang sudah dilaporkan bahawa *basically* dengan izin sistem kesihatan awam kita *collapse* ya itu sebabnya di antara sebab kenapa kita berada dan saya tidak menyalahkan apa ni *frontliners* kita kerana mereka sudah cuba sebaik mungkin tetapi infeksi itu terlampau *overwhelming* dan mereka terpaksa bekerja bukan sahaja di PKD, di Klinik Kesihatan, mereka juga kena berada di PPV, mereka juga kena berada di CAC. *Basically* kita memang tidak cukup *main power* dan semenjak sebelum JKV ditubuhkan kita tidak ada bantuan daripada negeri-negeri lain ya tapi semenjak adanya Greater Klang Valley Special Taskforce, negeri-negeri lain sudah mula menghantar personel mereka untuk membantu Negeri Selangor ya.

Akibat daripada apa yang berlaku ini kita biasa mendapat mencecah 8,000 kes sehari ya dan disebabkan kekurangan kapasiti pusat rawatan dan kuarantin COVID-19 ada kekurangan bekalan oksigen semua kita sudah melihat video-video yang telah diviralkan peningkatan kadar penggunaan ICU, peningkatan kadar kematian dan kapasiti anggota yang semakin terhad dan keletihan. Maka itulah, Kementerian apa ni, Kerajaan Pusat mengambil langkah membentuk Greater Klang Valley Taskforce ini ya dan selepas terbentuk itu jadi penumpuan agak fokus dan itu yang kita ada *Ops Search Capacity because* antara kerana antara penyelesaian yang penting walaupun tidak terpenting tapi bagi saya vaksinasi itu lah merupakan komponen *is dia* terpenting tapi *not the only one* bukan satu-satu komponen yang perlu kita fokuskan. Kita ada perkara-perkara lain yang perlu diberi perhatian untuk jangka masa panjang.

Baik, ramai membangkitkan mengenai CAC ya *COVID Assesment Center*. Now, *COVID Assesment Center* ini yang popularnya di Petaling. Yang tak popular tempat lain. Kita ada dua puluh lapan (28) *COVID Assesment Center* di sembilan (9) daerah tapi yang paling masyhur adalah di Petaling dan kadang-kadang pesakit datang sejauh daripada Sabak Bernam dan kadang-kadang juga daripada luar daripada Negeri Selangor dan *COVID Assesment Center* sebenarnya adalah satu *Trial Gent Center* makna dia mereka yang positif datang dan bila dibuat *clinical assessment* mereka akan diberitahu apa nak buat ya kena pergi hospital ke, nak kena pergi MAEPS ke, nak kena kuarantin di rumah kah itu lah tujuan *Trial Gent* dan pada masa yang sama dia juga tempat untuk rakyat memotong gelang mereka apabila mereka sudah tidak lagi positif.

Jadi pada peringkat awal, bila aturannya, pengurusannya itu kerana kekurangan *main power* ya kekurangan personel memang agak mendukacitakan dan memang rakyat

30 OGOS 2021 (ISNIN)

pun rasa risau bila bercampur yang positif dengan yang sudah baik itu jadi akhirnya alhamdulillah dapat diselesaikan apabila Kerajaan Negeri juga turut campur tangan di dalam pengurusan CAC.

Saya ingin mengatakan di sini, ramai yang mungkin tidak tahu bahawa CAC itu adalah di bawah Kementerian Kesihatan ya bukan di bawah kita, kita bukan kita yang tubuhkan tetapi kita tetap membantu. Misalnya, kita membiayai bayaran *aircon*, apa yang kita ni lepas tu khemah-khemah yang kat luar dan kita juga Yang Berhormat Sekalian semua pun juga bantu saya hari itu untuk memberi sumbangan makanan kepada pesakit-pesakit yang datang ke situ.

Memang ini adalah agak membebankan pada kita tetapi alhamdulillah saya tak tahu nak cakap *this is a good news or not*. Sekarang ni yang datang ke CAC itu kurang tapi sama ada kurangnya datang ke CAC itu sama ada tidak ada ni ataupun dia kata kalau datang pun kena balik duduk di rumah juga. Ah! Itu yang saya bimbang. Mereka tidak datang ke CAC dan memang ada kesusahan bagi rakyat apabila dia positif dan dia nak datang ke CAC pengangkutan sebab bila dia dah positif, dia tak sepatutnya ambil kenderaan yang orang yang bawanya negatif ya dan inilah di antara logistik yang perlu kita lihat bersama dan saya harap dengan adanya SUKA perkara ini dapat kita atasi sedikit sebanyak.

Mengenai PPV, untuk bukan warganegara Yang Berhormat Pandamaran bawa, dia tak de ya

TUAN SPEAKER : Dia tak perlu jawab Yang Berhormat, tolong ringkaskan.

Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD : Saya tak jawab, saya tak jawab. Saya tengok orang dulu. Aplikasi Selangkah saya dah jawab panjang sebelum ni Yang Berhormat Sekalian tentang apa yang telah dilakukan oleh apa kah perkara yang kita guna Aplikasi Selangkah. Saya dah jawab dah yang ini. Lepas tu, mengenai Jawatankuasa Khas Pematuhan Kawalan Kesihatan Industri ataupun POIS, ini adalah sebahagian daripada perancangan STFC dipanggil *Enhancement Of Public Health Measures* ya selain daripada buat saringan, selain daripada buat vaksinasi kita dicadangkan untuk melakukan apa kita panggil *prevention of out break at ignition side* atau POIS ya ini adalah lebih kepada program suka rela. Kita jemput kilang-kilang bersama dan kita hantar apa ni, apa ni *staff* daripada POIS ataupun pekerja daripada POIS yang kita pinjam ini kepada kilang-kilang untuk melatih mereka bagaimana untuk menangani isu COVID dalam tempat kerja ya dari segi bagaimanakah mereka perlu menyediakan SOP, kita bantu mereka kemudian bila nak buat *screening*, bila nak buat pemisahan, *isolation* dan sebagainya POIS akan melatih apa dipanggil *scrum master* di dalam syarikat, di dalam kilang dan mereka kena melaksanakan perkara-perkara ini.

Cuma kita tidak dapat mewajibkan lagi. Ada cadangan bahawa lesen, lesen apa ni untuk kilang-kilang ini kita kena ikat supaya dia ada *obligation*. Bila dia ada pilihan,

30 OGOS 2021 (ISNIN)

tidak ada hukuman dan tidak ada *carrot* orang kata tak ada *carrot, no carrot and no stick* maka terpulang pada dia, dia nak buat ke tidak tambahan pula kilang-kilang ni dia ada jua lagi satu orang kata *master* lah iaitu daripada MITI. Jadi kalau kita kata tak boleh buka lagi, MITI kata boleh buka hah! itu adalah satu masalah lah yang perlu kita *navigate* lah. Kita kena tengok macam mana kita perlu buat.

Ya, jadi ada tiga (3) program di bawah POIS ini, selain daripada *Enhancement Of Public Health Measures* yang saya sebutkan tadi kita ada *Early Detection Testing Regime* dan *Health Education On COVID* yang saya sebutkan tadi semua.

Baik, coming to the end, data kematian, hah! Data kematian ini, Pelabuhan Klang tadi dah dapat banyak jawapannya jadi saya cuma nak jawab sikit sahaja kenapa ada perbezaan di antara yang di apa yang diumumkan oleh Kementerian Kesihatan dengan yang diumumkan Yang Berhormat dapat daripada JAIS.

Untuk makluman Yang Berhormat Pelabuhan Klang, terdapat dua (2) jenis kategori kematian yang melibatkan COVID-19. Pertama, kematian disebabkan Covid-19 dikatakan *death due to COVID-19* ya. Satu lagi, adalah kematian disebabkan komplikasi penyakit lain tetapi pesakit didapati positif COVID-19 selepas dilakukan ujian PCR dipanggil *death with COVID-19*.

Jadi, dia masuk awal dia ada masalah buah pinggang, dia ada masalah jantung, dia ada masalah kencing manis tapi menjadi SOP kepada semua hospital kalau dia meninggal dia akan tetap buat calitan PCR dan pada ketika itu dia didapati positif. Jadi jenazah dia diurus seperti mana-mana pesakit jenazah positif tapi Kementerian Kesihatan hanya akan mencatatkan sebagai Covid positif. Mereka yang *cause of death is COVID-19*.

That's why kami pun ada masalah juga ni selepas ini sebab *claim khairat* kematian ya, adalah kematian itu disebabkan oleh COVID ataupun dia mati kebetulan *COVID is there*. Walhualam tapi saya kata asal kan ada COVID kat situ, bagi lah. Kematian, kematian ini ya.

Ok, itu ajelah sebabnya bezanya *figure* nya Yang Berhormat untuk kematian ini untuk Hospital Tengku Ampuan Rahimah, sahaja Yang Berhormat. Untuk kematian disebabkan Covid di bulan Julai adalah 663 ya dan kematian *with COVID*, bersama COVID ada 89 ya. Ogos, 340 *due to* Covid dan *with* Covid 41. Jadi keseluruhan untuk Julai daripada Julai dan Ogos untuk mereka yang meninggal kerana COVID-19 di Hospital Tengku Ampuan Rahimah dari 1 Julai 2021 hingga Ogos 2021 adalah 1,003 orang. Dan untuk *death with COVID*

Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI : Yang Berhormat, Yang Berhormat minta tolong ulang balik, bulan Julai yang mati disebabkan COVID di Hospital Tengku Ampuan Rahimah berapa?

30 OGOS 2021 (ISNIN)

- Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** 1,003
- Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Bulan Julai, Julai.
- Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Julai, 663.
- Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Jauh sangat tu, sebab dalam data jabatan apa ni Kesihatan 183 yang ini disebabkan oleh COVID tapi untuk daerah Klang, Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah di dalam daerah Klang.
- Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ini, ini data yang ada dengan JKNS, Yang Berhormat.
- Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Hah tapi kenapa dia *declare*, dalam daerah Klang hanya 183 sahaja dalam *facebook* untuk bulan Julai disebabkan COVID.
- Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Yang Berhormat, saya kena tanya lagi lah.
- Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Hah itu pasal saya kata jauh sangat angka ni.
- Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ini angka daripada mereka ni.
- Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Betul, tetapi kenapa yang ditulis di dalam *facebook* Jabatan yang ada grafik, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor. 183 aje, daerah Klang bulan Julai. Tapi ni 600 berapa jauh beza angka.
- Y.B. PUAN DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Ditulis di mana Yang Berhormat, *facebook*. Ok baik, saya
- Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI :** Sebab tu tanah kubur penuh tak tentu pasal sebab kita dah salah buat unjuran.
- Y.B. PUAN DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD :** Baik, terima kasih Yang Berhormat. Baik, saya dah habis itu, cuma saya nak menjawab secara ringkas, Dengkil ada tak? Ok, Dengkil bertanya mengenai status Hospital Cyberjaya daripada Hospital Awam ke Hospital Swasta. Yang Berhormat, sebenarnya ini soalan saya dulu. Dulu lagi saya tanya tapi mereka menyatakan Hospital Putrajaya dengan Hospital Cyberjaya *either one the same* kan satu kan Hospital Putrajaya ada satu lagi Hospital Cyberjaya *different*. Ok, untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, pengurusan fasiliti kesihatan awam termasuk hospital awam adalah di bawah bidang

30 OGOS 2021 (ISNIN)

kuasa Kerajaan Persekutuan selari dengan Jadual ke 9, Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna Kerajaan Negeri lepas tangan lah. Jika perkara berhubung pertukaran status Hospital Cyberjaya kepada Hospital Awam ya kepada Hospital Swasta ya jika ianya benar.

Jadi kita belum dapat, *conformation* nya lagi ya Yang Berhormat nanti saya tengok kan isu ini. Yang Berhormat, juga membangkitkan tentang permohonan untuk membina sebuah hospital baru di Salak Tinggi, ini seperti Yang Berhormat maklum adalah di bawah bidang Kerajaan Persekutuan. Hah! ya jadi saya tak boleh jawab yang itu.

Akhir sekali, bukan akhir ada lagi dua, sikit aje sabar Dato' Menteri Besar menunggu. Skim Insurans Peduli Sihat jadi apa yang dipersoalkan ni Yang Berhormat, mengatakan nama-nama penerima terkeluar daripada Skim Insurans Peduli Sihat. Ok, Yang Berhormat Sekalian tahu tentang syarat Skim Insurans Peduli Sihat ini pendapatan RM2,000.00 dan ke bawah daripada dulu RM3,000.00 ya kalau dulu Skim Peduli Sihat, sekarang Skim Insurans Peduli Sihat, manfaat-manfaatnya saya dah jelaskan sebelum ini.

Cuma saya hendak sebut hari tu apabila kami mendapat banyak aduan daripada Yang Berhormat Sekalian, mengatakan yang banyak dalam DUN mereka adalah mereka-mereka pengundi daripada luar. Bukan pengundi mereka. Bukan pengundi kalau misalnya di Dengkil dia tak mengundi di Dengkil pun tapi dia bermastautin di situ dan sebagainya lah. Jadi syarat mastautin itu memang patutnya saya faham Yang Berhormat Sekalian, kalau boleh nak melayan pengundi dulu. Kita minta untuk pujuk dia tukar lah mengundi di tempat Yang Berhormat.

Jadi kami, meminta senarai daripada semua Pusat Khidmat Masyarakat. Senarai mereka-mereka yang dikeluarkan dan dengan alasannya ya, jadi kalau dia pengundi tempat lain kita *export* ke tempat dia mengundi. Jadi, sebab kita ada sistem kuota itu sebab Yang Berhormat Sekalian mengatakan rugi lah kami. Masa dulu Sungai Kandis dengan Sentosa kan sebelum itu hanya Seri Andalas dengan Seri Muda. Bila pecah ketiga DUN, maka berlakulah makna dia orang yang duduk di Sentosa ada dalam Sungai Kandis punya senarai.

Jadi bila buat begitu, kita apa Yang Berhormat ada sekarang adalah senarai yang telah dimurnikan ya jadi kalau ada mereka yang mengatakan nama saya terkeluar tolong Yang Berhormat *check* tengok dia mengundi di mana? Kalau dia terkeluar mungkin juga atas pendapatan. Kita tengok dulu RM3,000.00 sekarang RM2,000.00.

Jadi itu adalah perkara-perkara yang kita kena peka lah apa yang sedang berlaku untuk Skim Insurans Peduli Sihat. Walau bagaimanapun saya dah beritahu kepada PKM-PKM sekalian ada Pusat-pusat Khidmat Masyarakat yang masih setelah buat pemurnian dia banyak lebih lagi ya dan saya minta untuk cepat-cepat masukkan nama

30 OGOS 2021 (ISNIN)

pengundi anda Yang Berhormat Sekalian dan sebelum pertengahan September kerana kita nak kalau tak ada kami akan buka kepada DUN-DUN lain ya betul.

Ya, DUN-DUN lain, cuma saya nak beritahu yang lepas-lepas Skim Insurans Peduli Sihat ni tidak ada *exit policy*. Ada yang dapat daripada 2017 sampai sekarang tanpa ada apa-apa, apa ni orang kata, memurnikan tengok balik data dia, dia layak lagi ke? Dia tak layak lagi dan sebagainya? Dan dengan adanya Skim Insurans Peduli Sihat saya mesti memenuhkan kuota 85,000 itu.

Tahun pertama, tahun 2020 dan 2021, pihak insurans bersetuju dengan saya untuk hanya kira dia punya premium itu berdasarkan kepada jumlah. Tahun 2022, dia akan *lump sum* kepada 85,000.00. Jadi saya kena isikan yang 85,000 itu sebelum akhir tahun ini supaya kita boleh memulakan betul-betul Skim Insurans itu ya.

Akhir sekali, alhamdulillah sampai juga akhir (ketawa). Mengenai SUKA, Sukarelawan Kesihatan Awam. Yang Berhormat Sekalian, sebenarnya pembentukan Sukarelawan Kesihatan Komuniti Selangor ini bukan kita fikirkan semasa COVID ini.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, daripada awal lagi merasa sangat penting kesihatan awam ini kerana kita ni asyik tengok hospital, peralatan hospital, rawatan, rawatan, rawatan. Sedangkan banyak penyakit kita boleh dicegah. Terutamanya Non apa NCD tu. *Non-Communicable Diseases* yang boleh kalau kita boleh mengubah tabiat masyarakat kita boleh kurangkan kencing manis, darah tinggi, sakit jantung dan lain-lain lagi.

Dan kemudian dalam proses kami memikirkan macam mana nak buat sebab kita nak kesan kes-kes ini lebih awal dan kemudian datang COVID ya datang Covid-19, kita lihat sendiri bagaimana yang meninggal dunia itu adalah mereka-mereka yang ada *comorbid* yang innalillahi wainnailahihirojiun tu dieabetes ya, kencing manis ada, buah pinggang ada, darah tinggi ada, obesiti ini lah kumpulan sekarang ini kumpulan yang tak di vaksin pula semakin meningkat yang meninggal akibat COVID.

Jadi, kita hendak tapi kita bermula dengan Skim, dengan Sukarelawan Kesihatan ini kerana kita, walaupun kita belum bersedia sepenuhnya tapi ia bukan program *short term*. Dia adalah program jangka masa panjang untuk meningkatkan kesedaran rakyat melalui SUKA dan juga untuk mereka menjadi penghubung antara program-program Kerajaan Negeri dengan masyarakat ya misalnya saya dapati bahawa program *mamogram, screening, screne*, saringan untuk payu dara, barah payu dara menurun ya dan kita ramai yang tak tahu macam mana nak mohon untuk Bantuan Sihat Selangor dan ramai yang tak tahu Kerajaan Negeri ada program sihat jantung dan sebagainya.

Jadi mereka ni lah akan bersama di dalam masyarakat membantu Y.B. ADUN Sekalian, dan ada peruntukan kepada mereka untuk buat program-program ini

30 OGOS 2021 (ISNIN)

terutama COVID kalau mereka boleh sudah di latih mereka boleh bantu memantau mereka yang di kuarantin, atau di isolasi di rumah ya. Mereka juga akan diajar macam mana nak buat COVID apa ni oksigen *saturation* dan kita akan beri pada mereka PPE dan sebagainya.

Dan saya tekankan di sini walaupun saya minta 10 orang sahaja untuk setiap DUN, saya ingin menggalakkan lebih ramai yang terlibat ya. Bila lagi ramai tu makna dia, dia hadir kursus lagi ramai orang ada kesedaran tentang kesihatan dan kita oleh mereka sebagai sukarelawan, kita tidak boleh membebangkan mereka-mereka. Mereka bukan *full time*. Jadi sekurang-kurang bila ramai mereka bergilir untuk buat jadual bila mereka bertugas dan sebagainya sebagai Khidmat Masyarakat, jadi setakat itu sahaja Yang Berhormat Speaker. Terima kasih semua.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang. Penggulungan yang panjang lebar. Dengan ini saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebelum Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya ingin Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, oleh kerana Urusan Dewan ini masih belum selesai maka Dewan pada hari ini perlu di sambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk membawa USUL.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa satu USUL yang berbunyi, "Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung Persidangan sehingga selesai semua urusan Dewan."

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Baik, Ahli-Ahli Yang Berhormat Sekalian. USUL ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang bersetuju sila kata YA.

Ya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

USUL ini dipersetujui.

Saya persilakan Yang Amat Berhormat, Sungai Tua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Speaker. Ahli-Ahli Dewan dan semua yang terlibat dalam membahaskan dan juga menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sempena dengan Pembukaan Sidang kali ini.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Alhamdulillah, saya rakamkan bersyukur kerana kita dapat melakukan dan melaksanakan Sidang Dewan dengan penuh teliti, cermat dan tertib dan ini lah harapan rakyat melihat bagaimana persidangan ini dapat berjalan dengan baik walaupun ada isu-isu panas yang dibangkitkan ia tidak terjadi sebagaimana di dewan-dewan lain dengan suasana kekecohan yang sukar untuk dirakamkan.

Butir perbahasan dan juga perbincangan tapi sebaliknya di sini kita bertukar pandangan dengan secara matang dan berhemah dan ini lah di antara pesan yang disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda sewaktu saya dan Speaker mengadap Baginda menyatakan tentang usaha untuk membuka Dewan agar kita dapat berbincang dan berbahas dengan baik dan kematangan ini lah satu contoh bagaimana kita menanggapi dan berdepan dengan demokrasi yang baik.

Ahli-Ahli Dewan yang saya kasihi sekalian saya meneliti dengan cukup cermat walaupun kadang-kadang saya tidak ada duduk di sini di dalam talian dan juga kamera yang ada di pejabat saya, saya dapat meneliti perbahasan-perbahasan yang dibangkitkan daripada Ahli Penyokong Kerajaan, BBC dan juga penyokong pembangkang berkenaan dengan beberapa perkara.

Perkara pertama ialah berkenaan dengan Covid-19, sedikit sebanyak dan juga banyak sebenarnya telah dihuraikan dan dijelaskan oleh Yang Berhormat Seri Serdang ataupun EXCO Kerajaan Negeri Selangor Sektor Kesihatan dan saya ingin menjelaskan dengan lebih terperinci ataupun menjelaskan kerangkanya kerana apabila kita sebut tentang pandemik ini sebenarnya kadangkala kita tersilap kerangka. Bila kita tersilap kerangka, kerangka itu lah yang menyebabkan kita melihat sesuatu dengan sangat kecil, sempit dan memberikan definisi tentang kegagalan ataupun kesilapan dan sebagainya.

Semenjak daripada sesi perbahasan dan juga perbincangan tenang pandemik ini ketika Selangor menujuhkan Selangor Taskforce for Covid-19, ataupun STFC yang diketuai oleh mantan Menteri Kesihatan. Nasihat pertama yang muncul daripada mantan Menteri Kesihatan dan juga taklimat terhadap Pegawai-Pegawai Daerah Dan juga Yang Dipertua-Yang Dipertua Majlis Perbandaran, Datuk-Datuk Bandar di seluruh Negeri Selangor dan juga ADUN-ADUN dan Ketua Jabatan adalah menyatakan bahawa pertama sekali, kita kena melihat bahawa pandemik ini adalah satu proses jangka panjang, long haul. Ia bukan satu tempoh jangka pendek yang boleh diselesaikan dengan satu jenis ubat namanya panadol ataupun jenis ubat itu adalah vaksin.

Malahan ketika saya, berbincang dengan Yang Berbahagia Tan Sri Nor Hisham, Pengarah Kesihatan Negara ataupun DG menyebutkan kemungkinan ada scale dua kali lagi muncul mutasi-mutasi baru terhadap varian-varian yang melibatkan COVID-19 dan ini merupakan satu perkara yang kita harus lihat dengan menyeluruh dan baru lah kita boleh faham. Kalau tidak, kerangka kita hanya melihat kepada jumlah kes.

Jumlah kes itu, bukanlah satu angka yang menyebabkan ataupun menandakan kegagalan, kesilapan ataupun sebagainya. Kerana dengan mutasi-mutasi baru dengan kerangka-kerangka yang saya sebutkan tadi, varian-varian baru kita kenal ingat, varian seperti contoh D117 yang bermula di United Kingdom. Ini yang disebut sebagai Alpha. Kemudian muncul di South Africa ataupun di Afrika Selatan kemudian baru muncul Delta dan kemungkinan ada Delta Plus dan sekarang ada Lambda di Amerika Syarikat.

Turun naik kes ini adalah perkara yang biasa berlaku cumanya bagaimana kita menangani gelombang-gelombang ini. Adakah kita mampu menampung sistem kesihatan awam kita? Adakah kita mampu menampung dengan sistem kesihatan hospital kita dan sebagainya? Kita tengok sahaja United Kingdom ataupun England. Selepas menganjurkan EURO, kes telah meningkat sampai 60,000. Ada orang kata dengan vaksinasi Yang Berhormat Dr Maria ataupun Yang Berhormat Seri Serdang tadi ada sebutkan vaksinasi bukan segala-galanya kerana di beberapa negara seperti Israel, yang telah mencatatkan 100% rakyatnya di vaksinasi ada lambakan dan juga *outbreak-outbreak* baru.

Malahan pada hari ini kalau kita lihat, angka Negeri Selangor hari ini 3,500 atau 3,600 lebih. Ini adalah angka yang terakhir kita dapat 3,000 ni seingat saya adalah bulan Jun ataupun Julai.

Dan pada ketika beberapa minggu yang lepas, Sarawak telah mencatatkan kes di bawah 1,000 kes dan hari ini telah mencatatkan lebih daripada 2,000 kes walaupun Sarawak pernah mengisyiharkan mereka telah bersedia untuk *terjack* dan mereka telah mencapai *herd immunity*.

Jadi perkara-perkara ini harus ada dalam kerangka kita sebagai pembuat dasar dan menjelaskan kepada rakyat tentang hal ini supaya kita dapat membantu, memimpin dan mengajak rakyat bersama-sama untuk berdepan dengan krisis ini secara bersama-sama.

Ada beberapa istilah-istilah yang kerap kali diulang dalam kita membahaskan ataupun berbicara tentang COVID-19. Istilah sebagai contoh, norma baru. Istilah yang disebut oleh Yang Berhormat Seri Serdang tadi iaitu istilah seperti *Hold society approach*, satu tindakan bekerjasama dengan semua masyarakat dan istilah yang biasa sangat dengan tanda pagar (#) kita jaga kita. Istilah-istilah ini adalah istilah yang benar dan betul tetapi *on practice* nya dengan izin adalah satu praktik yang kadangkala tersimpang siur dan gagal dilaksanakan dengan betul bukan sahaja di peringkat kayangan kadangkala yang memberikan gambaran yang tidak baik saya akui tapi juga berlaku di kalangan masyarakat terbanyak.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Bila kita benarkan, operasi restoran di buka sampai pukul 6.00 ketika bulan Ramadhan, bila saya berpusing melihat di sekitar Shah Alam cukup selepas Solat Terawih, saya dapati ramai rakyat kembali duduk berhimpun, berkumpul seolah-olah COVID ini tidak ada di sekeliling mereka. Daripada manakah masalah ini? Masalah ini bermula apabila kita kehilangan peluang terbaik pada tiga (3) bulan pertama selepas kita melaksanakan *total lock down* ataupun yang dipanggil sebagai PKP 1.0 daripada 18 Mac 2020 sehingga tiga (3) bulan ataupun 100 hari selepas itu. Pada ketika itu kita kerap kali sebut, duduk di rumah duduk di rumah, dengan duduk di rumah anda boleh hidup seperti lazimnya sebelum. Dengan duduk di rumah Hari Raya Raya Aidil Fitri yang akan datang kita boleh berkumpul dengan bersama keluarga, dengan duduk di rumah kita akan dapat memenangi pertandingan dengan melawan COVID-19 ini dan akhirnya kita boleh hidup sebagai mana lazim bertemu kawan, bersukan, bersosial dan sebagainya. Kesilapan komunikasi ini telah membentuk rangka minda di kalangan rakyat duduk di rumah adalah *the best solution* dengan tidak memikirkan tentang kesan-kesan dan impak ekonomi kesan-kesan kepada impak kesihatan mental antara graf unjuran yang dibuat seorang anggota STFC kepada kita adalah selepas 200 hari sahaja sebenarnya. Manusia boleh bertahan dengan PKP yang ketat. Kalau kita bertahan 200 hari lepas 200 hari orang akan keluar memberontak mereka akan turun ke jalan, mereka akan turun dan tidak tahan duduk di rumah masing-masing. Sebab itu apa bila kita sebutkan bahawa kita kena bersiap siaga daripada awal lagi, untuk hidup bersama-sama dengan virus ini, dan kita tidak boleh lagi melihat tentang ini sebagai pandemik. Kita kena melihat ini sebagai satu endemik yang ada di persekitaran kita, hidup begitu dan norma baharu harus dilaksanakan. Kita jaga kita harus dilaksanakan *hold society approach* perlu dilakukan. Barulah kita tidak hanya melihat kes yang tinggi kalau kes yang tinggi dijadikan ukuran semata, maknya kita kan terkhilaf atau terkabur.

Sekarang ini pun Kementerian Kesihatan sudah mula mencerakinkan kes 80, 90 peratus kes-kes yang ada sekarang ini adalah kes-kes yang kategorikan sebagai kategori kes 1 dan 2. Yang tidak perlu proses *hospitalization* hanya perlu proses kuarantin, duduk di rumah tak perlu rawatan kesihatan. Dan istilah itulah yang berulang kali kita sebut. Tetapi bila kita wujudkan STFC dapat anggapan kita nak memandai-mandi sendiri. Kita tak nak mengikut jalur dan kaedah, sebenarnya itulah yang menyebabkan istilah Kerajaan gagal kerana ialah lahir daripada kegagalan kita memahami sendiri dan juga naratif yang salah daripada peringkat awal untuk melihat pandemik ini. Seolah-olah duduk di rumah kita isytihar kosong kes, kita isytihar kosong kematian, tapi apabila sempadan orang masuk berpusu-pusu datang varian-varian daripada Afrika Selatan. Datang varian daripada delta ataupun daripada India, datang varian B117 daripada United Kingdom yang telah meningkatkan kes-kes baru dan juga penambahan kes-kes baharu. Sebab itu kita sebagai Ahli Dewan saya ingin menyebutkan perlu juga ada penjelasan yang lebih jalan yang lebih jelas terhadap isu ini kalau tidak kita akan berbincang lagi kes kita berapa? kes kita berapa? Hari ini kita gembira kes kita 3600 esok kes jadi 8000 kita jadi bimbang balik, yang kita nak tengok adakah hospital kita ini penuh sesak atau pun tidak. Adakah ICU ini penuh sesak atau

pun tidak? Adakah tabung-tabung oksigen kita cukup ataupun tidak? ataupun dalam tempoh yang kritikal seperti mana yang dibangkitkan oleh Pelabuhan Klang adakah pengurusan jenazah ini makin banyak dan kita menambah kontena-kontena jenazah untuk menangani ataupun berdepan dengan pertambahan kes-kes kematian yang tinggi juga dirujuk kepada BID *brood in dead* ataupun kematian di rumah ataupun di luar hospital yang dicatatkan dengan cukup tinggi hari ini.

Justeru itu saya beranggapan bahawa proses melihat jangka panjang ini sangat penting, supaya kita tidak hanya melihat setitik kes yang besar, kes yang banyak. Kalau kes yang banyak bagaimana kita kategorinya, bagaimana sebabnya dan bagaimana isunya sebab itu Kerajaan Negeri itu menuju ke arah STFC. Bukan nak memandai-mandi kita nak paradigma supaya lebih jelas. Malangnya kita mempunyai komunikasi yang kuat walaupun ada pertembungan itu ini perbezaan dan sebab itu Kerajaan Negeri mengambil sikap untuk menambah apa yang ada sebagai contoh *test* atau pun ujian saringan (*swab*) federal lakukan, Kementerian Kesihatan lakukan, Kerajaan melalui saringan komuniti. Saringan komuniti dibuat, kita tambah, saringan bersasar, ada pihak-pihak tertentu dengan *sinical* mengatakan, kita hanya buat *test*, buat *test*, buat *test* banyak sangat buat *test* itulah sebablah sebab kes tinggi. Sedangkan ini adalah daripada saranan daripada WHO iaitu *fine, track, test, isolate, FTTIS, support system*. Tapi perkara itu dipandang dan dijadikan perbahasan politik yang cuba pula mengheret dan menyalah negeri seolah-olah kita tidak berbuat kita tidak berfungsi apa-apa. Ahli Yang Berhormat sekalian, kemudian bila kita buat begitu lama-lama akhirnya kita punya *test* ditiru. Kuala Lumpur membuat saringan bersasar, negeri-negeri lain buat saringan-saringan bersasar. Sabah Ketua Menterinya Datuk Seri Panglima Shafei Apdal juga membuat saringan-saringan secara *mass testing* sebelum pertukaran selepas pilihan raya negeri Sabah.

Ahli Yang Berhormat sekalian, salah satu daripada punca besar apabila kita sebut tentang fakta dan pelebaran kes saya dengar perbincangan kilanglah tempat kerja, tempat apa komuniti ada perbahasan panjang di Parlimen berbahas bertekak dalam isu ini yang sebenarnya ada yang katakan kes parodik adalah lebih besar. Yang satu lagi ada yang kata kes kilang kecil kita sebut *no* kita kata kes kilang besar, ada yang sebutkan kita tak sebut data dan sains, kita tak bergantung pada fakta. Ahli Yang Berhormat sekalian apa yang berlaku itu menunjukkan satu perkara yang kita harus akui, apa itu perkaranya, iaitu *contact tracing* itu tidak berjalan dengan baik. *Contact tracing* itu bukan hanya menyedut data kehadiran tuan puan di mana, tetapi bagaimana analisa terhadap data itu, sebab itu bila kita laksanakan SELangkah, yang penting SELangkah ataupun mySejahtera yang pentingnya penganalisaan data itu. Kita ada data *backbone* nya namanya ACURA. Dibangunkan oleh Kerajaan Negeri oleh STFC di peringkat awal, sebab tu pada tahun lepas kita telah menjangkakan pada awal *period* daripada bulan 3 sampai bulan 6 tahun 2020, nak masuk bulan 6 ke bulan 5 itu kita dah sebut bulan 5, 6 kita sebut jaga-jaga di pasar, kerana kita lihat di pasar ramai orang berkumpul, bila nak ramai orang berkumpul kemungkinan kes akan merebak. Dan timbulah selepas itu muncul pasar-pasar sama ada pasar borong

Selangor, pasar borong Selayang, pasar borong Tanjung Karang, pasar di Klang dan pasar-pasar awam. Itulah tujuan kita melihat data bukan hanya untuk saman dan tak saman orang. Untuk melihat data tersebut, sebab itu Selangkah menawarkan ataupun membuka pintu untuk perkongsian data itulah fungsinya, itulah tugasnya supaya kita boleh menyusun. Kemudian pada pertengahan tahun ini barulah muncul *high* di peringkat federal, peringkat kebangsaan. Setelah lama tahun lepas kita buat barulah muncul *high* yang tak timbul lagi sekarang, kita tak dengar sampai sekarang, yang dia buat oleh bank negara. Betullah tu tak ada masalah, tetapi perkongsian dan *synchronic of data* itu merupakan satu perkara yang penting kerana saya nak sebut sebentar, saya ingat Sementa bila dia sebut tentang epidemik bila dia sebut tentang penyakit berjangkit ini, isunya bukan masalah rawatan, isunya adalah masalah *behavior* ataupun sikap dan sikap itulah yang gagal dibentuk kerana daripada awal istilah *stay at home stay at home stay at home* menyebabkan kita *all the way stay at home*. Stay at home without soft and settle the issue. Kenapa cakap bahasa english pula ni. Kita tidak menyelesaikan masalah kita berpanjangan terhadap masalah-masalah tersebut. Ahli Yang Berhormat sekalian, itu bila kita nak buat dan kita laksanakan vaksin ada juga orang tegur, kenapa kita buat vaksin. Akhirnya alhamdulillah bila ops search capacity lonjakkan kapasiti dibuat di peringkat federal mengajak juga orang SelVAX dan sehingga hari ini kita dah vaksin lebih 4 ratus 6 ribu empat ratus lima belas dos vaksin yang *equal/lebih kurang* 200 ribu rakyat. Daripada unjuran kita SelVAX Komuniti kita akan sampai 350 ribu dos daripada unjuran kita untuk SelVAX Industri kita lebih daripada 200 ribu dos, ada orang sebut membazir. Kerana federal dah beli *free*. Alhamdulillah yang bazir itulah kemudian federal telefon kita minta pinjam untuk kita bagikan ke negeri-negeri lain yang sekarang kita dah pinjamkan 500 ribu di negeri-negeri lain. Berapa hari lepas, negeri Pulau Pinang menghubungi kita, sekali lagi kita minta jaminan untuk dipulangkan balik, kita juga akan buat esok saya akan ke negeri Pulau Pinang untuk serahkan 200 ribu secara pinjaman kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan 20 ribu kita berikan secara percuma kepada Pulau Pinang kerana kita tidak mahu Pulau Pinang mengulangi nasib seperti bagaimana yang ada di Negeri Selangor. Saya nak sebutkan juga ada satu negeri yang berhampiran dengan kita, nak juga buat pinjaman, sekali urusan itu saya kembalikan kepada peringkat federal dan persekutuan sebab ia adalah satu jaringan dan harus dapat pelepasan sebagai mana kita buat pinjaman pertama dan pinjaman kedua di negeri Pulau Pinang. Ahli Yang Berhormat sekali sebab itu apabila sebut berjaya atau tak berjaya kita tengok secara keseluruhan dan untuk seterusnya *presentation* seterusnya ataupun pembentangan seterusnya Tuan Puan boleh tengok di dalam *screen* masing-masing. Di *screen* masing-masing di folder Adun sila tengok tekan di sana, di sana ada beberapa input satu dua tiga empat ada lima ke enam slide dan di sana nanti saya boleh jelaskan penjelasan itu akan dapat lebih jelas. Ahli Yang Berhormat sekalian saya mulakan dengan vaksinasi, apabila vaksinasi kita dianggap perlahan, angka yang selalu disebut, kita hanya bertahan 40 ribu, itulah angka yang selalu disebut pada awal-awalnya. Sedangkan angka itu adalah angka 15 Jun 2021 apabila Yang Berhormat Menteri datang sini, memang angka dia 40 ribu dia bagi cabaran kepada kita untuk 135 ribu pada Julai dalam tempoh 2 minggu sahaja

daripada 15, 16 Jun kita naikkan sampai ke akhir Jun sampai lebih 70 hingga 80 ribu dan dikuti sampai 135 ribu pada Julai dan akhir Julai baru ada *ops seach capacity* ataupun proses peningkatan kapasiti vaksinasi dan akhirnya proses vaksinasi secara menyeluruh itulah yang telah memberikan lonjakkan sehingga pada hari semalam seramai 3.31 juta rakyat negeri Selangor telah lengkap di vaksinasi dan angka ini bersamaan dengan 69.8% daripada mereka yang telah berdaftar dengan mySejahtera.

Bermakna kita telah sampai kepada 70% pada hari ini. Sebab itu saya yakin pada bulan September kita boleh masuk ke fasa kedua. Saya yakin dengan angka-angka yang saya tunjukkan tadi. Jumlahnya 7.29 selebihnya lebih kurang minimum 1 dos dan SelVAX Industry telah dapat empat ratus enam empat ratus enam ribu empat ratus lima dos secara keseluruhan. Tengok pada *slide* yang kedua dan akhirnya bukti yang ditunjukkan, boleh nampakkan, boleh bukakan boleh dibuktikan bahawa perbezaan daripada penurun jumlah kes, penurunan jumlah kes kita banding dengan Mei telah turun di antara 8, 10% kalau dibandingkan dengan kes-kes sebelum ini. Kadar penggunaan katil *slide* yang seterusnya *slide* yang ketiga, kadar penggunaan katil kita, pada Mei 2021 penggunaan katil COVID-19 kita adalah pada 150%, tetapi pada hari ini telah turun kepada 88% masih tinggi tidak, masih tinggi, kalau dan sampai 60% kita boleh masuk fasa seterusnya ataupun atau kadar seterusnya tetapi ada penurunan signifikan daripada 150% kepada 88%. Kita lihat lagi kadar daripada pengangkutan penggunaan katil ICU, pada Mei tahun 2021 kadarnya ialah 130% dan pada hari ini jabatan mengatakan bahawa penggunaan katil ICU cuma 74% dan ini terdiri daripada mereka-mereka tidak lagi di vaksin atau pun tidak lengkap vaksinasi. Kadar kematian di kalangan warga emas daripada 6.3 % pada bulan Mei atau Julai pada Julai telah turun hanya sekadar 5% pada bulan Ogos tahun 2021. Dan seterusnya tahap COVID-19 kronik yang mana Mei yang katakan kategori 1 kategori 2 ini hanya 60%, 40% adalah kategori 3, 4 dan 5 dan pada Ogos tahun ini 90% hanyalah dalam kategori 1 dan 2 yang tidak memerlukan *hospitalization* atau pun duduk dekat hospital atau rawatan dan sebagainya dan hanya 10% dalam kategori 3 dan 4 dan 5. Jumlah kes-kes 4 dan 5 menunjukkan penurunan kes iaitu sekitar dulu 200 kes dengan 260 kes pada ini untuk *slide* seterusnya boleh tengok purata seminggu. Dalam seminggu pada bulan Jun 200 hingga 260 kes di antara kategori 4 dan 5 sekarang hanya 30 kes pada kategori 4 dan 50 kes pada kategori 5.

Yang Berhormat juga mari kita tengok lihat tentang jumlah pesakit COVID-19 yang memerlukan tabung oksigen pada bulan Julai 525 orang yang duduk memerlukan bantuan pernafasan biasanya Kategori 3 dan ke atas, dan pada hari ini Ogos hanya sekitar 109 orang duduk atau pun memerlukan bantuan oksigen sebab itu tong-tong oksigen kita dapat diperbaharui. Slaid-slaid ini yang saya kepilkan di dalam laptop dan paparan saudara-saudara sebagai bukti bahawa beberapa langkah-langkah yang kita buat telah mendapat kesan dan sebahagianya adalah kesan vaksinasi. Tapi kena ingat, kita jangan tengok Labuan sahaja, Labuan sekarang adalah contoh terbaik bagaimana vaksinasi mampu menurunkan kes sampai 6, sampai 0, sampai 15,

sampai 16, tapi kita kena tengok juga bagaimana Sarawak, Sarawak dah capai score *herd immunity* tapi hari ini lebih 2000 kes. Kita kena tengok Israel, kita kena tengok, bukan contohlah, kena tengok bagaimana Israel, kena tengok macam mana di United Kingdom dan negara-negara lain kecuali memang kita *close* sempadan kita dan kita elakkan daripada bertemu dan berhubung ataupun kita mematikan program ekonomi kita. Sebab itu istilah selalu disebut-sebut tentang *strike the balance*, mencapai titik keseimbangan, di antara hidup dengan kehidupan, itulah benda yang sangat muluk dan sangat ideal untuk dilaksanakan, tetapi dalam saat-saat tertentu memang kita perlu mengambil tindakan keras. Sebab itu ramai yang pelik, kenapa kerajaan Negeri ni? Dia nak beza sahaja dengan *federal* ke? Kejap dia kata tak payah nak buat *lockdown*, sekarang kita cakap okey boleh *lockdown*. Sebab kita lihat pada kerangka-kerangka inilah. Kalau hospital kita dah melambak, jenazah dah bertambah, apa lagi yang kita boleh buat? Kita kena buat *lockdown*, dan saya sebutkan *lockdown* ataupun PKP ini adalah *pause* atau berhenti sementara. Dalam istilah perubatan yang disebut oleh pakar perubatan disebut *artificial pause*. Kita hanya berhenti sementara dan *artificial* pulak tu, dia hanya sementara. Tapi ketika sementara itulah sebenarnya kita boleh susun balik, kerana kehidupan kita pula disambung, kalau tidak, *contraction* terhadap ekonomi, kesan kepada kehidupan kita, kesan kepada kesihatan mental, akan bertambah dan sebab itulah saya sebutkan tadi, daripada awal bila kita melihat COVID-19 ini *narrative*, cara kaedah melihatnya, sudah bermula dengan *wrong step*. Buat *lockdown* tu betul ke tidak betul? *Explanation* terhadap *lockdown* itu penjelasan terhadap *lockdown*, PKP 1.0 itulah yang sebenarnya agak silap dan bila kita sebut lain, bendanya kena buat *test*, kena buat SPPIS, ada orang kata ni Selangor nak tunjuk pandai, Selangor lantik bekas Menteri Kesihatan untuk apa? Untuk lawan dengan federal. Itu benda yang saya sangat rasa malanglah. Ada lagi *propaganda* masih lagi berjalan, daripada kelompok-kelompok belah sanalah, yang menyerang, nak menjelaskan, kita nak jelaskan terpaksa jelas begini. Sukar sampai ke tahap-tahap tertentu untuk laksanakan dan juga untuk berjaya, untuk sebutkan. Sebab itulah yang disebutkan ini kerangka inilah yang sangat penting yang saya sebutkan supaya kita tak terperangkap. Kalau kita terperangkap, akhirnya kita akan menuing jari. DYMM Baginda ketika bertemu selepas titah Baginda menyebutkan bahawa Baginda tidak ingin menuing, tetapi kita *missed opportunity*, kita terlepas peluang, terlepas peluang itulah yang menyebabkan kerangka kita berfikir itu silap, dan akhirnya sampai hari ini kita memberikan jawapan-jawapan yang silap, dan kita mengulang-ulang keputusan yang tak berapa betul, yang akhirnya mendatangkan kes yang baharu. Sebab itu kalau kes yang tinggi, okay, kita bimbang tak? Bimbang, tetapi bagaimana kita lihat, kategori mana, Kategori 1, Kategori 2, kalau dah banyak *hospitalisation*, sebab ini adalah pengalaman yang tidak pernah kita fikirkan, ini adalah pengalaman yang tidak pernah kita lalui sebelum ini.

Saya nak sentuh tentang ketua pembangkang, bila disebutkan tentang kerjasama. Kerjasama di antara pihak negeri dan juga pihak persekutuan. Daripada awal, apabila kita bangkitkan tentang isu ini ataupun COVID-19, saya sebutkan kita memerlukan kerjasama yang profesional, malahan COVID ini datang bersama-sama dengan krisis

politik yang berpanjangan di peringkat *federal*. Alhamdulillah, di peringkat negeri kita tak menerima kesan yang teruk. Sebab itu kestabilan inilah yang menyebabkan kita mampu berbahas dengan baik dan kita mampu menangani kes walaupun ada lambakan-lambakan kes dan mampu menerangkan dengan jelas. Sebab itu *political stability* itu penting, bukan membuat langkah-langkah yang *disorganised*, atau merosakkan kepada masalah *stability*. Saya tekankan bukan masalah sokong siapa, nak ikut siapa, kawan siapa, tapi isunya adalah *stability* ketika krisis, dan *stability* ketika berdepan dengan halangan dan kekangan. Untuk makluman Sg. Tawar dan rakan-rakan yang lain, bahawa sebenarnya di bawah kerajaan Negeri Selangor sebanyak 14 Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri dianjurkan pada tahun 2020. Tahun 2021 sebanyak 15 sehingga Ogos dan pada masa yang sama, setiap minggu saya bersama-sama dengan Menteri Besar-Menteri Besar lain, dan kadangkala diwakili oleh YB. Menteri Kesihatan ataupun EXCO Kesihatan, untuk apa, untuk datang ke Majlis Keselamatan Negara. Dalam pada masa yang sama, semua agensi-agensi baik Polis Diraja Malaysia, tentera dapat bersama-sama dengan kita untuk menangani dan menguruskan pandemik. Tak cukup dengan itu, kerajaan Negeri tambah lagi peruntukan. Kalau lihat PKPD, pelaksanaan PKPD, beberapa logistik PKPD itu adalah daripada peruntukan kerajaan Negeri. Wayar, *bulb wire* yang mengepung kawasan PKPD, itu adalah duit dan kita beli yang diuruskan oleh Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM). Malahan sebahagian daripada alatan kita itu kadangkala digunakan di Kuala Lumpur. Kalau Kuala Lumpur nak gunakan PKPD. Kita bukan setakat kerjasama, kita berikan tambahan apa yang mereka perlukan. Sebab itu Ops Benteng dilaksanakan, kerajaan Negeri kita belanja lebih daripada RM2 juta untuk apa? Untuk belikan peralatan motosikal elektrik kepada Angkatan Tentera dan polis supaya mereka boleh mengawal sempadan-sempadan kita daripada dicemari ataupun disertai. Bila kita laksanakan PKPD, kerajaan Negeri keluarkan sedikit peruntukan kita dahulu untuk memastikan hari pertama dalam tempoh 24 jam hingga 48 jam, semua rumah yang di PKPD kita dapat berikan bakul-bakul makanan ataupun kita dapat berikan sumbangan-sumbangan tertentu dan pengurusan PKPD dan akhirnya Selangor telah berbelanja lebih daripada RM4.16 juta untuk menangani PKPD beberapa program SJR-SJR, kita bantu bukan khemah, kita belikan kabin, yang siap dengan berhawa dingin dan sebagainya membuktikan bahawa kerjasama ini berlaku, cuma kita tak boleh melihat kepada kes yang tinggi sebagai parameternya, sekali lagi supaya kita tidak tersilap dalam melihat pandemik ini ataupun pengurusan ini. Tak cukup dengan itu sahaja, sebenarnya Negeri Selangor yang menyediakan SOP untuk pusat-pusat kuarantin, ketika pusat kuarantin mula-mula dibuka, Bilik Gerakan COVID-19 adalah bilik gerakan pertama yang menyediakan *Standard Operating Procedure*, untuk pengurusan pusat-pusat kuarantin dan kita mengenakan lebih daripada 10 hotel-hotel kita di bawah Negeri Selangor untuk dijadikan sebagai pusat-pusat kuarantin dan MAEPS Serdang juga terletak di Negeri Selangor, tak termasuk lagi bantuan sebagaimana wujudnya tadika dan taska latihan untuk frontliner dan pelbagai lagi persiapan-persiapan yang dibantu.

Jadi kalau dikatakan bukan malahan tuduhan yang cuba mengatakan kita berbeza jauh itu bukan tak betul, malahan kita tambah apa yang ada, *test* dibuat di hospital, di klinik, kita tambah kepada komuniti. Vaksin dibuat di pusat-pusat PPV, kita tambah pusat PPV, kita tambah vaksin yang kita beli sendiri. Saya nak sebutkan di sini, tidak ada unsur langsung tentang perbezaan kerjasama dan sebagainya, sebaliknya apa yang kerajaan Negeri lakukan, kita tambah apa yang perlu dibuat ini semua adalah bersiap-sedia tapi ada sedikitlah, sedikit kesilapan yang saya rasa apabila vaksin itu tidak diberikan awal di tempat-tempat kita. Ada sebut oh, kita tak mampu, bukan masalah tak mampu. Vaksin kita tak bagi, jadi kita tak buatlah, tapi bila ada jaminan, dan kita tambah. Sedangkan sini adalah *city the epicentre*. Ramai dah sebut. Saya bincang dengan Tan Sri Noor Hisham beberapa minggu lepas, dia sebut sebenarnya dia dah cadang semenjak bulan Mac, bulan April lagi, tolong tumpu di Negeri Selangor, tapi pada ketika itu, kerajaan Persekutuan tumpu pulak nak hantar ke Sarawak dahulu, sebab takut Sarawak nak buat *election*. Sebab tu Sarawak nampak tinggi di peringkat awal. Bila dah meledak di Negeri Selangor, bila EXCO dah mula bising, bila DYMM dua kali mengeluarkan titah berkenaan dengan kadar vaksin yang lemah dan rendah, akhirnya vaksin dibekalkan dan kita dapat laksanakan.

Kita beli memang agak lewat, Januari. Kita dapat *first dose* kita ataupun *first supply* kita pada akhir bulan Jun. Kita mulakan 26 bulan Jun, lepas 26 bulan Jun itu pun kita terpaksa lagi nak tunggu lepaskan stok-stok kita. Sebab *federal*/kata nak bagi mereka semua dulu. Takpelah kita bincang. Akhir Julai baru kita dapat semua stok tetap. Sebab itu walaupun tersasar kita tak bimbang, sebab kita boleh teruskan untuk *third dose* ataupun *booster jet*, ataupun kita boleh berikan sumbangan untuk negeri-negeri lain, ataupun kita boleh jual ke tempat-tempat lain kalau ia diperlukan. Dan disebutkan pula pasal penjualan. Berbagai tohmahan diberikan kepada negeri. Nak untung berjuta-juta, mengambil kesempatan daripada kesusahan rakyat, saya, barisan EXCO ada bukti kita bentangkan bukan sekali, berkali-kali kalau adapun margin kalau adapun adalah pada kadar 1 hingga 2 peratus. Kalau ada. Sebab apa? Sebab kita ada sediakan 500,000 secara percuma kepada rakyat dan dia menjadi *cross subsidy*. Ada cakap harga dia mahal, kita jual RM350 buat untung, hari ini negeri jiran kita jual dengan harga RM388. Negeri di selatan tanah air jual dengan harga RM360 untuk dua dos. Kita jual dengan harga RM350 dengan harapan supaya kita boleh subsidi ataupun *cross subsidy* kepada apa yang kita berikan secara percuma dan ini melampau dan jauh daripada cubaan-cubaan mengatakan kita cuba untuk ambil kesempatan terhadap apa yang sedang berlaku dan saya juga nak ucap terima kasih sebenarnya kepada para *frontliner* kita yang bertugas termasuk klinik swasta, hospital swasta, yang bersama kita berdepan, cumanya saya percaya hal ini memerlukan *whole society approaching*. Barulah wujud Kita Jaga Kita itu. Sebab itu saya sebutkan awal-awal pada pembentangan belanjawan yang lepas, negara Thailand mempunyai sejuta sukarelawan mereka untuk petugas kesihatan ataupun kesihatan awam. Di peringkat *federal* sepatutnya bulan Julai tahun ini buat, sampai ke sudah hari ini tak ada.

Alhamdulillah sekali lagi Negeri Selangor sekali lagi mendahului kita melancarkan sukarelawan kesihatan awam untuk memastikan kesihatan awam dan urus tadbir kesihatan awam berjalan sebagaimana praktik di negara-negara lain. Malahan ekstremnya di negara-negara lain kadangkala Pengarah Kesihatan itu ada dua, satu yang menjaga hospital, dan satu lagi menjaga kesihatan awam. Sekarang ada satu *Deputy and Head*, itu bertukar-tukar ataupun menumpu kepada masing-masing. Saya tak saran begitulah, tapi yang pentingnya kita kena melihat secara menyeluruh, kalau tidak kita *keep on point the fingers*, dan tidak dapat menyelesaikan isu serta persoalan-persoalan yang dibangkitkan berkenaan dengan COVID-19. Ni saya tak hurai tentang jenis, *geno* apa-apa semua ni, itu biar Dr. YB. Sri Serdang terangkanlah, sebab itu saya terangkan tentang kerangka fikirnya supaya kita dapat tangani isu ini. Kalau tidak kita akan tanya, kenapa kes masih tinggi? Kenapa kes masih tinggi? 80-90% kes adalah kes-kes Kategori 1 dan 2. Hospital kita yang meninggal sudah semakin berkurang, yang di wad ICU kita dah berkurang, di katil-katil kita daripada 130% jadi 88%. Ini semua adalah sebahagian daripada kejayaan-kejayaan yang wajar dan patut kita hormati dan kita ucap terima kasih kepada petugas-petugas kita. Amaran saya sekali lagi jangan gembira sangat, walaupun ada cahaya di hujung lorong, kita kena lihat pengajaran daripad negeri-negeri lain. Kalau kita tak mengekalkan apa yang dikatakan norma baharu, tu saya sebut tadi istilah norma baharu, pakai pelitup muka, jaga tangan, sampai diisytiharkan *the andemic* ataupun kita masih lagi menganggap benda ini sebagai pandemik, tak menganggap dia sebagai satu andemik, dia akan jadi musnah.

Di peringkat negeri dan persekutuan, perkongsian data dan juga pengurusan data yang lebih cermat dan kemas dan menyeluruh harus dilaksanakan. Saya dengar antara kementerian pun kadang-kadang dia tak *share the data*, antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat puan tak *share the data*, ni bukan nak buat culaan mengundi, data ni adalah untuk kita nak susun, macam mana kita nak tumpukan, kita ada *test*, nak *test* di mana, kita ada vaksin, nak vaksin di mana dan akhirnya kita jugalah negeri pertama yang buat, apabila ada satu PKPD kita vaksin sekali mereka yang ada di sana. Ia dilaksanakan dengan begitu cemerlang di PKPD-PKPD di daerah Petaling di bawah kelolaan Pegawai Daerah Petaling kita. Sampai daerah Petaling catat rekod, selalunya PKPD lebih daripada 14 hari, dia catat PKPD kurang daripada 14 hari. 8 hari, 9 hari. Kurang 6-7 hari daripada hari yang sepatutnya PKPD berlangsung berbanding apa yang saya sebut tadi di peringkat awal. Saya rasa ini sedikit sebanyak yang saya dapat jelaskan COVID, kerjasama Persekutuan, kerjasama semua pihak, perbezaan pandangan. Ia wujud dan betul. Tetapi perbezaan pandangan itu kadangkala harus dilihat dengan mengambil pandangan semua pihaklah. Kita kena terbukalah. Jangan anggap ini sebagai pertarungan politik. Kalau kita anggap dia sebagai pertarungan politik memang takkan selesai. Sebab itu kita tak pernah *miss* Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara. Kalau saya tak datang tu pun sebab dia *clash* dengan Mesyuarat EXCO. Pernah dia buat hari Rabu. Adalah empat, lima kali saya tak dapat atau tak dapat bersama-sama. Nak datang susah juga sebab sidang video sahaja. Dan kita nyatakan pandangan kita, kita nyatakan pertemuan kita. Kita bantu

lagi. Kadang-kadang Pihak *Federal* ini pun sangat bijaksana. Dalam bab penerangan ni, bila dia keluarkan SOP dia la dua hari, satu hari sebelum dilaksanakan sesuatu perintah. Kemudian dia punya jadual tu, macam pegawai PHD nak tengok. Kita bantu lagi mudahkan dalam bentuk *info grafik* supaya rakyat faham. Sebab isu yang penting kepada isu pengawalan pandemik ini bukan hanya bagaimana hospital rawat, beri vaksin. Penjelasan. Penjelasan. Dan itulah cabaran kita. Tadi Bukit Lanjan sebut, ada angka satu juta. Tolong senaraikan daripada mana? Kita pun nak tahu. Sebab kalau yang mendaftar *MySejahtera*. Daripada mana mereka ini? Iaitu mereka yang tak mendaftar *MySejahtera*. Kenapa tak daftar *MySejahtera*? *Anti-vacs* ke? Tak tahu ke? Dan kita kena sebut. Sebab itu bila dah sampai 80%, 90% *first dose*. Dah sampai 70% sekarang *double dose* ataupun dos kedua ataupun lengkap vaksinasi dan imunisasi. Apa yang kita nak lakukan? Kita nak buat *morphing*. Kita sediakan 50,000 hingga 100,000 untuk kita cari di mana? Dan saya minta tolong di sini, sama ada wakil rakyat daripada Kerajaan dan juga Pembangkang untuk bersama-sama dalam membuat acara *morphing* ini. Dan hari ini juga saya nak melaksanakan satu lagi sikap kalau nak lihat kerjasama mulai hari esok ataupun lusa Jawatankuasa Keselamatan Negeri, JKKN ataupun Majlis Keselamatan Negara Negeri Selangor, saya akan jemput Ketua Pembangkang sebagai wakil rasmi daripada pihak sana sebagai ahli tetap supaya kita dapat bincang bersama-sama. Saya dah berjumpa dengan beliau, beliau setuju. Presiden beliau pun dia dah setuju. Cuma Presiden Bersatu belum tentu setuju tak setuju. Ahli Yang Berhormat sekalian, saya gurau je.

Ahli Yang Berhormat sekalian, saya nak sebutkan antara isu kedua, saya rasa isu vaksin, isu COVID-19 ini saya dah jelaskan. Isu yang kedua yang dibangkitkan ialah sudah pasti berkenaan dengan beberapa siasatan-siasatan pendakwaan belum lagi ya. Ini masih lagi siasatan-siasatan terhadap individu-individu di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri yang dikatakan terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang terus dibimbangkan dan turut mendapat perhatian ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Baginda Sultan Selangor dalam titah dan cuba dibahaskan oleh ramai pembahas-pembahas dalam sidang ini. Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri daripada awal 2008 semangat kita adalah untuk membuka ruangan ini supaya kita dapat membuat semak dan imbang. Bermula dengan perubahan di dalam Dewan penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Khas tahun 2009, 2010 kita laksanakan *freedom of information act*. Yang Berhormat Bukit Lanjan sebelumnya merupakan EXCO yang bertanggungjawab. Saya Ahli Jawatankuasa dalam komuniti itu kita telah melaksanakan *freedom of information act*. Dan kita dapat juga dapat membuat teguran-teguran malahan kita jemput SPRM ke dalam Jawatankuasa Audit kita. Kita laksanakan audit secara berkala dan sebagainya. Namun ia berlaku. Namun saya nak sebutkan daripada maklumat awal yang diberitahu kepada saya sendiri berkenaan dengan kes-kes ini ia adalah kes-kes yang melangkaui dari ataupun berlaku dalam langka tahun 2012 sehingga 2016. Saya bukan nak nafi eh, ini bukan zaman saya. Saya tak nak *dismiss* macam itu. Kita siasat. sebab saya dah tegur. saya berulang kali tegur dan saya umumkan malahan dalam pemberian pengumuman BKK pada bulan April yang lepas, saya ingatkan juga tololng beritahu kita ini macam kaca duduk di dalam rumah kaca.

Orang lihat kita, kena buat dengan tertib. Kena buat dengan betul'. Daripada mana datangnya ia adalah datangnya daripada siasatan kes yang lebih besar. Saya nak bagi tahu dia daripada siasatan lebih besar. Bukan negeri Selangor sahaja. Dia bermula dengan satu kes yang melibatkan *cartel* projek. Lebih daripada 3.08billion. Di peringkat atas sana, tuan-tuan boleh rujuklah kes tu, saya tak nak sebut secara spesifik, kemudian ada yang terlibat di situ dilihat ada kaitan terhadap mereka-mereka ini. So, dikhuatiri mereka-mereka ini terlibat. Mereka ditahan, disiasat sampai sekarang tidak ada lagi pendakwaan. Sebab itu kita kena bersikap adillah. Kita bukan nak memandang mereka hina sahaja, rasuah, penyalahgunaan betul tapi tunggulah mereka dibuktikan bersalah. Jika dibuktikan mereka salah kita kena bagi ruang mereka membela diri, kena bagi ruang mempertahankan. Kerana sebahagian ini bekerja dengan kita bersama-sama. Kita tak pasti apa yang berlaku. Tetapi apa yang nak sebut ia bukan hanya berlaku di sini ia bermula daripada siasatan yang lebih besar. Dan ada *leak* di sana dan muncul. Ada tak berlaku lagi? Saya pasti ada. Yang kecil-kecil ada, yang besar-besar ada. Sebelum itu hingar-binggar tentang Sungai Buloh. Cuba ingat eh? Yang ini bekas Datuk Bandar. Akhirnya tidak ada cukup bukti untuk didakwa. Walaupun orang yang kena tahan tu dah pakai baju oren dah. Dah kena tangkaplah. Itu SPRM, dia bagi siasatan kata tak cukup bukti nak didakwa tetapi tolong ambil tindakan di bawah disiplin ataupun Tindakan Disiplin Penjawat Awam. Kita ambil tindakan atas *advice* SPRM ataupun Suruhanjaya Pencegah Rasuah.

Lepas tu, rasuah ini memang kita perlu tangani memang kita perlu hindari. Saya rasa sangat syukur, walaupun ada cadangan untuk kita kembali ke Jawatankuasa-Jawatankuasa dulu. Dulu ramai bising kenapa ADUN-ADUN tak jadi Ahli Majlis? Kenapa ADUN tak jadi Ahli Jawatankuasa Tanah. Inilah daripada spirit yang kita nak. Apabila kita tak nak orang yang ada kuasa yang besar ini yang boleh di *tips* semua, mempengaruhi semua dan akhirnya keputusan menjadi mereng dan senget. Terbukti alhamdulillah ADUN-ADUN kita tak terlibat. Ada yang terlibat pun parti dia sendiri yang buat siasatan ataupun yang minta kita ambil tindakan. Ini pernah berlaku tahun penggal lepas tak silap saya. Penggal lepas ke penggal ini? Penggal lepas. Penggal lepas kita ambil tindakan dan didapati bersalah pun. Di dapati bersalah. Itu integriti kita di kalangan Ahli Politik. Alhamdulillah terjaga. Tapi di kalangan Penjawat Awam, ada ke tidak? Ada. Tapi kes yang ada sekarang melibatkan tiga daripada sembilan Pegawai Daerah. Maknanya lebih kurang satu pertiga. Besar ataupun tidak? Besar. Kita bimbing. Tetapi ia bukanlah satu budaya yang kita kena semak, kita kena siasat dan kita kena tengok dan saya kena ingatkan lagi bahawa ia masih lagi di peringkat siasatan. Belum lagi sampai ke peringkat pendakwaan. Lepas pendakwaan kita tengok bekas Menteri Wilayah pun lepas. Bekas Ketua Menteri Sabah pun lepas. Jadi kita kena tengok kat situ saya tak pasti saya tak nak hina mahkamah ataupun sebagainya. Tapi apa yang pentingnya adalah bagaimana kita melihat etika dan juga perjawatan ini dapat diteruskan dan ditadbir dan dapat dilaksanakan dengan baik supaya isu-isu rasuah ini dapat kita tangani dengan baik. Ahli Yang Berhormat

30 OGOS 2021 (ISNIN)

sekalian, isu seterusnya ialah berkenaan dengan GLC. Saya rasa yang bangkitkan ini ialah berkenaan dengan Jeram. Ia berkaitan dengan *Worldwide Holding*.

Untuk maklumat Yang Berhormat Jeram, *Worldwide Holding Berhad*. adalah syarikat penuh milik Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Selangor ataupun PKNS. Jawatan Ketua Pengarah Eksekutif *Worldwide Holding* pada masa ini disandang oleh Yang Berbahagia Datin Paduka Nor Azalina Zakaria. Sebagai sebuah syarikat swasta, Ketua Pegawai Eksekutif telah dilantik menjadi syarikat dan ini bermaksud pelantikan beliau adalah termaktub dengan Akta Kerja 1955 dan juga termaktub di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, PDPA Act 2010. Untuk maklumat Yang Berhormat, *Worldwide Holding Bhd*. berfungsi sebagai syarikat swasta yang tertakluk di bawah Seksyen 17A Akta SPRM dengan ini ketelusan berkenaan rasuah adalah termaktub. Mengenai prestasi *Worldwide Holdings* sejak di nyah senaraikan daripada Bursa Malaysia pada tahun 2008, purata pendapatan tahunan yang diperolehi oleh *Worldwide Holding* bagi tempoh 2010 hingga 2020 adalah sebanyak 230juta setahun. Manakala bagi tempoh yang sama kumpulan *Worldwide* telah mencatatkan purata keuntungan sebelum cukai sebanyak RM101juta setahun. *Worldwide Holding* juga mencatatkan prestasi kewangan perniagaan yang konsisten melalui sumbangan keuntungan sebelum cukai kepada Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dengan kadar purata 101juta setahun. Setakat tahun 2020, tanpa mengambil kira pegangan minoriti dalam kumpulan *Worldwide Holdings*, syarikat telah mencatatkan aset ketara bersih sebanyak 1.38juta. oleh itu dakwaan bahawa *Worldwide Holdings* sentiasa mengalami kerugian adalah suatu yang tidak berdasar. Sebagai anak syarikat PKNS *Worldwide Holding* tidak pernah gagal mengisytiharkan dividen kepada pemegang saham utama iaitu PKNS dan juga anak-anak syarikat induk Kerajaan Negeri. Berdasarkan pegangan saham secara langsung oleh PKNS atau tidak langsung, dividen kasar yang telah disalurkan bagi tempoh 1995 hingga 2020 adalah sebanyak RM634.8juta. sumbangan *Worldwide Holding* kepada Kerajaan Negeri secara langsung dan tidak langsung adalah sebagai contoh sumbangan lembu korban yang dilaksanakan tiap-tiap tahun tajaan *Golf Selangor Master*, sumbangan tabung tafiz, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIZ dan penajaan untuk majlis-majlis keraian lain. Untuk tahun 2021 dan tahun sejak 2010 hingga 2021 jumlah sumbangan yang telah dibuat oleh *Worldwide Holding* adalah sebanyak 29.5juta. Di mana yang terbaru adalah tahun 2021 sebanyak RM500,000 dalam bentuk pembelian lembu korban Aidil Adha dan sumbangan 5juta untuk Tabung Amanah Pakej Rangsangan Ekonomi bagi pelaksanaan Pakej Kita Selangor 2.0. Malahan dalam pada rekod *Worldwide Holdings* sebanyak 900 ataupun RM940,000 bersamaan dengan 0.94juta telah disumbangkan sejak tahun 2010 untuk tanggungjawab sosial korporat *sociality* di kawasan Jeram, Kuala Selangor. Dan program-program ini adalah termasuk bantuan untuk sekolah, surau, masjid dan mereka-mereka yang memerlukan daripada 2010 hingga 2021.

Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI : Terima kasih Yang Berhormat. Soalan saya tempoh hari ialah berkenaan dengan tempoh perkhidmatan CEO di

Worldwide yang pertamanya. Yang keduanya dari segi gaji yang diperolehi oleh CEO tersebut. Saya juga menafikan saya tidak mengatakan Worldwide ialah satu anak syarikat yang tidak menguntungkan tetapi saya mempersoalkan daripada kerjanya di mana melibatkan JKR pun tidak selesai, pembeli pun tidak mendapat hak yang sewajarnya. Jadi di kesempatan ini juga saya minta Sungai Air Tawar selaku Ketua Pengerusi Jawatankuasa PAC memanggil CEO dan juga yang terlibat untuk kita meneliti lebih *detail* aduan-aduan yang saya terima. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuba dapatkan faktanya kalau saya boleh jelaskan. Tapi agak terperinci. Setakat ini menafikanlah semua dakwaan-dakwaan tersebut tapi kita ada Jawatankuasa Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, Jawatankuasa Khas ABAS. Di sana Jawatankuasa Khas itu baik boleh memanggil. Sebab itu memang fungsinya. Jawatankuasa ABAS untuk panggil berdasarkan laporan daripada Jeram daripada orang ramai mereka boleh memanggil untuk menjelaskan dengan teliti dan di tuluh lebih baik *govern* dan inilah antara perubahan. Dan Datin Paduka Nor Azlina telah mula bertugas sejak tahun 2009 dan melihat pada pencapaian keuntungan yang telah disebutkan sumbangannya kepada zakat dan sebagainya kita lihat beliau terlibat dengan baik, malahan kita telah meneroka pengurusan sisa pepejal sebenarnya. Sebelum ini Worldwide terkenal sebagai *land field operator* yang agak berkesan antaranya di Tanjung Dua Belas. Tanjung Dua Belas sampai selesai dan dapat dibolehkan tanah tersebut. Sekarang kita tengok Sungai Kertas untuk sesi lengai, ataupun sisa lengai atau sisa projek ataupun sisa *construction waste*. Dan di Jeram malahan kita juga telah menujuhkan untuk *waste to energy* ataupun pengurusan daripada sampah kepada tenaga. Dan kita dapatkan *tipping fees* yang kitakekalkan RM55, baru ini ada perjanjian di antara pihak PBT-PBT dan kita akan menguruskan di antara 1,000 pada fasa pertama. 3,000 secara maksimum sisa-sisa pepejal ataupun sisa-sisa buangan dan diagihkan ataupun dialirkan menjadi tenaga yang boleh mendatangkan hasil yang baik dan ini adalah antara yang terbesar sebenarnya di Malaysia berkenaan dengan Pengurusan Sisa Pepejal. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka merekodkan di sini berkenaan dengan cadangan Ahli-ahli Dewan Negeri terlibat sebagai anak-anak Syarikat ataupun sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Sebanyak sepuluh orang Ahli-Ahli Dewan Negeri sebahagiannya adalah EXCO Kerajaan Negeri dan sebahagiannya adalah Ahli-Ahli Dewan Negeri biasa terlibat dengan anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri dan ia adalah bergantung kepada kemahiran ikhtisas mereka dan juga fokus mereka dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa tertentu supaya mereka dapat menjalankan dan melaksanakan proses semak dan imbang ketika Lembaga-Lembaga Pengarah. Namun begitu amalan kita sejak daripada 2008, ia bukanlah platform untuk menjana pendapatan ataupun menggandakan keuntungan kepada kendiri sebaliknya, sebaliknya ia adalah proses semak dan imbang dan kita akan berikan peruntukan seperti elaun, biasa elaunnya tiada elaun bulanan pun. Elaunnya adalah *allowance meeting*, dan juga elaun tahunan berdasarkan keuntungan dan pencapaian untung mereka. Perkara, tuduhan mengenai tanggungjawab kepada pembeli, perkara ini dibangkitkan adalah berkaitan

penyerahan milikan kosong Azalea, rumah teres dua tingkat Puncak Bestari. Ini perkaranya. Ada maknanya, untuk setiap pembangunan projek perumahan, permohonan bekalan air, elektrik adalah di bawah tanggungjawab pemaju. Huat Holding, telah menunaikan tanggungjawab untuk memohon bekalan air dan elektrik tersebut. Penyerahan milik kosong rumah terbaru Puncak Bestari telah dijalankan pada April 2021, terdapat kelewatan pemasangan meter air oleh Air Selangor. Di mana pemasangan meter tersebut dua minggu selepas tarikh tersebut. Begitu juga dengan pemasangan meter lampu oleh TNB, di taman perumahan. Di mana pemasangan dibuat sebulan selepas tarikh penyerahan milik. Kedua-dua kelewatan ini telah melibatkan seramai 17 pembeli Azalea, namun begitu pemasangan meter elektrik dan air telah pun disiapkan sepenuhnya. Ada isunya, tapi kalau masih tak puas hati, boleh bawa ke Jawatankuasa Khas ABBAS, dipanggil Dewan, untuk kita menyemak.

Ahli Yang Berhormat sekalian, tadi pagi, Bukit Antarabangsa telah membangkitkan tentang kerjasama di antara perkongsian data ataupun maklumat berkenaan dengan Inisiatif Penjajaran Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia di peringkat negeri. Rangka Tindakan Ekonomi Digital yang telah dilancarkan 19 Februari 2021, bagi peningkatan pelaksanaan, Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri berperanan sebagai penggubal dasar digital dan pemantau dalam melaksanakan agenda digital negara. Satu sesi Libat Urus, dua hala secara di dalam talian, telah dilaksanakan, dan ia melibatkan semua Jabatan-jabatan dan kementerian. Dan ini adalah satu yang benar-benar berlaku dan telah kita maksudkan dan saya harap ia dapat berjalan dengan baik. Bagi pihak Kerajaan Negeri, daripada awal apabila berlaku krisis politik, apabila berlaku ini, saya selalu menekankan, kita kena bertindak dan berperanan untuk melakukan secara profesional. Iaitu berhubung dengan garis dan batas yang sedia ada, tidak terbawa-bawa dengan perbezaan politik dan tidak terbawa-bawa dengan sentimen peribadi. Yang pentingnya kepentingan rakyat dapat dikembalikan dan kita dapat melaksanakan.

Ahli yang Berhormat sekalian, akhir sekali, suka saya menyebutkan, tanpa kita sedari, esok merupakan 31 Ogos. Hari kita menyambut Hari Kebangsaan yang ke-64. Dan suasana, kita sambut pada tahun ini, dengan izin Speaker, adalah dalam perkataan, dalam istilah *sombre*. Suasana muram, kerana pandemik yang meletus Februari tahun lalu masih terus menghantui kita. Semalam mangsa yang terkorban adalah 285 orang dan jumlah keseluruhan ialah 16,087 orang. Ini bukan sekadar angka. Mereka terkorban adalah ayah, ibu, suami, isteri ataupun anak seseorang di antara kita. Waima pun, krisis belum berakhir, ini tidak bermakna kita seharusnya mengabaikan detik yang penting seumpama Hari Kebangsaan. Sambutan tahun ini lebih bermakna sekiranya kita menginsafi, bahawa pandemik ini membuka perspektif dengan izin Tuan Speaker, *Sublime*, yakni memperkuuhkan tekad kita untuk berusaha dengan lebih kuat bagi merawat ketidakseimbangan ekonomi di antara warga Selangor. Menyemak kembali falsafah pembangunan serta perbandaran dan juga isu krisis iklim. Sejarah turut mengajar kita bahawa setiap kali tercetus kecurigaan di antara warga

juga menjadi semakin tajam. Oleh bertepatan dengan tema sambutan Hari Kebangsaan, Malaysia Prihatin, kita melangkaui segala bentuk kecurigaan dan prejudis chauvinisme. Untuk mengukuhkan ukhuwah rakyat negeri Selangor. Al-Quran menganjurkan kepada kita untuk mencari titik temu. *Kalimatun sawa*. Di antara kita bukannya mempertajamkan perbezaan sehingga menyebabkan keresahan rakyat.

Ahli Yang Berhormat sekalian, Sarjana Pengajian Melayu tersohor, Almarhum Sutan Takdir Alisjahbana, pernah menulis, saya terjemahkan di sini, berhadapan dengan perkembangan kebudayaan dunia sebagai satu kesatuan. Kita tidak dapat mengelak melihat sejarah kebudayaan dunia, sebagai mana festasi kehebatan keupayaan manusia, untuk membangun kebudayaan.

Sutan Takdir menulis pandangan ini dalam makalah yang berjudul, *Confluence and Conflicts of Culture in Malaysia in World Perspectives*. Makalah ini juga diterbitkan bersama makalah lainnya dalam buku *The Cultural Problem of Malaysia, The Contact of South East Asia*. Penulis yang menyumbang antaranya ialah Wang Gungwu, Syed Hussein dan Syed Naquib Al Akhtar serta Sutan Takdir sendiri. Saya menyebut nama-nama besar ini, adalah untuk kita sama-sama mengimbau *towering figures* yang mencetuskan impak besar kepada intelektualisme Malaysia pada tahun 60-an dan 70-an. Cita-cita mereka untuk membangun satu identiti nasional sebahagiannya tertuang dalam Rukun negara dan Dasar Kebangsaan. Namun sekarang kita tidak lagi membincangkan secara serius, kita sempurna. Meminjam buku Almarhum Syed Hussein Al-Atas, pandemik ini, manakala kesannya menyakitkan juga. Membuka peluang buat kita kembali membincang isu keharmonian dan perpaduan kaum di negara kita. Bahasa merupakan wadah utama menyatupadukan kita. Oleh kerana itu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan wajib dipertegaskan. Janganlah dianggap bahasa kebangsaan adalah satu manifestasi Huggermonic. Hanya kerana ada kumpulan chauvinisme tertentu, mengeksplot dan memanifestasi iaitu perlambangan kaum tertentu, menyebabkan kita curiga kepada penzahiran tersebut.

Saya lihat Kampung Tunku, hari ini, mengenakan baju kebaya, Yang Berhormat Subang mengenakan baju kurung. Inilah contoh baik daripada ADUN muda kita yang tidak kekok dengan identiti nasional, sama ada bahasa kebangsaan, kebaya, baju kurung, sampin serta songkok, bukanlah milik kumpulan chauvinisme dan agenda Huggermonic kita bersama. Tuan Speaker, krisis ini ataupun krisis pandemik ini, mencetuskan kita kembali, bagaimana kita ingin mendapat keserasian dan juga keseimbangan. Di antara kemenangan politik dan kestabilan. Di antara cita-cita politik dan kestabilan. Dan kita dapat melihat kembali di mana kita meletakkan aulawiat ataupun keutamaan-keutamaan kita. Sama ada kita ingin memastikan kehidupan rakyat terus terjamin. Sama ada kita ingin semata-mata mencapai kemenangan peribadi, menolak mereka yang kita tidak ingin. Menaikkan siapa yang kita ingin sahaja. Sebaliknya kita akan terjerumus terus kepada kegagalan dan kegagalan itu dikongsikan merata-rata. Dan itulah yang timbul di hati kita, dan kita kena bersedia

30 OGOS 2021 (ISNIN)

melihat dengan menyeluruh isu ini. Kalau tidak kita juga akan terseret bersama-sama dengan *feel state*, ataupun kegagalan yang tidak kita ingin. Alhamdulillah, saya ucap terima kasih kepada semua, kerajaan dan pembangkang, kita akan perhalusi semua isu, perkara dan detail dan perinci. Yang panas baik pun yang terpendam, dan sebagainya, InsyaAllah, Dewan ini tetap menjadi tempat semak dan imbang, lambang demokrasi dan kestabilan politik negeri Selangor. Terima kasih Speaker.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Sungai Tua. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun di hadapan dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi seperti berikut,

“Ampun Tuanku, pada patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini, memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal Keempat Belas Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “YA”.

“YA” (suara ramai)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “TIDAK”.

Usul ini di **PERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Rang Undang-undang peruntukan Diraja, Pengesahan 2021. Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen untuk Mengesahkan Pembayaran Bagi Peruntukan Kelas 9, Enakmen Peruntukan Diraja 1959, (Enakmen 7) yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor semasa tempoh dari 01 Januari 2008 hingga 31 Disember 2021.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suatu Enakmen Untuk Mengesahkan Pembayaran Bagi Peruntukan Kelas 9, Enakmen Peruntukan Diraja 1959, (Enakmen 7) yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor semasa tempoh dari 01 Januari 2008 hingga 31 Disember 2021. Walau apa pun peruntukan dalam kelas 9, Jadual Pertama (Enakmen 7), apa-apa pun pembayaran yang dibuat Kerajaan negeri Selangor berhubung dengan butiran dalam Kelas 9 Jadual Pertama (Enakmen 7), semasa tempoh dari 01 Januari 2008 hingga 31 Disember 2021 hendaklah disifatkan telah dibuat dengan sah.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan penjelasan tadi, dengan ini saya mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bernama Enakmen Diraja, Pengesahan 2021 dibaca kali kedua.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan rang undang-undang ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-undang ini hendaklah dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “**YA**”.

“**YA**” (suara ramai)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “**TIDAK**”.

PERSETUJUI.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali yang kedua. Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen untuk mengesahkan Pembayaran Bagi Peruntukan Kelas 9, Enakmen Peruntukan Diraja 1959, (Enakmen 7) yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor semasa tempoh dari 01 Januari 2008 hingga 31 Disember 2021.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbang Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1.

TUAN PENGERUSI : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “**YA**”.

“**YA**” (suara ramai)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “**TIDAK**”.

DIPERSETUJUI.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

TUAN PENGERSUSI : Fasal 2 sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata “YA”.

“YA” (suara ramai)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “TIDAK”.

DIPERSETUJUI.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Pengersusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini, seperti yang telah dibincangkan dan dipersetujui dimaklumkan ke dalam Dewan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Pengersusi, saya menyokong.

TUAN PENGERSUSI : Baik. Dewan bersidang semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin... eh..salah.. Sorry.. Maafkan saya...

Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa rang undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui. Oleh itu saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat,cadangan di hadapan Dewan ialah rang undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini, sila kata “YA”.

“YA” (suara ramai)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata “TIDAK”.

DIPERSETUJUI.

SETIAUSAHA DEWAN : Bacaan kali ketiga. Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Peruntukan Diraja Pengesahan 2021.

Aturan seterusnya, Usul No.1 Tahun 2021. Usul Meminda Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor.

30 OGOS 2021 (ISNIN)

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi seperti berikut :

"Bahwasanya menurut Peraturan 26 dan 69 (4) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor dengan menambahkan peraturan-peraturan berikut :-

- 1) Mesyuarat Dewan Negeri boleh dibuat secara atas talian, secara keseluruhannya atau secara separa atas talian, atas permohonan Menteri Besar, atas alasan darurat, pandemik atau kecemasan luar jangka, yang sangat memudaratkan di mana kehadiran kendiri tidak harus diadakan.
- 2) Mesyuarat Jawatankuasa Dewan Negeri boleh diadakan secara atas talian secara keseluruhannya atau secara separa atas talian, setelah Speaker menerima pengesahan daripada Menteri Besar bahawa Negeri Selangor sedang berada dalam keadaan darurat, pandemik atau kecemasan luar jangka yang sangat memudaratkan di mana kehadiran kendiri tidak harus diadakan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong menurut perenggan 4, Peraturan Tetap 69, Usul ini tidak perlu dibahaskan lagi dan dikemukakan masalah ini kepada mesyuarat untuk keputusan sehingga Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan menyediakan penyata berhubungan cadangan pindaan tersebut kepada Dewan. Oleh itu Usul ini diserahkan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan untuk dikaji dan dibincangkan.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Usul untuk menangguhkan Dewan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Marilah kita ucapkan rasa syukur, Dewan kita dapat bersidang dengan baik. Kita dapat membahaskan dengan panjang dan lebar hala tuju Negeri. Sebagaimana Titah Duli Yang Maha Mulia Baginda ketika membuka ataupun Pembukaan sidang ini. Paling tidak, Dewan Negeri ini dapat berbahas dan tidak terganggu dengan disiplin dan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada semua Ahli Dewan yang secara kendiri membuktikan mampu menjaga diri kita apabila membuat saringan secara kendiri secara bersama-sama dan mengisyiharkan untuk datang dan inilah contoh yang baik bagaimana kita harus lakukan dan inilah norma baru yang harus kita lakukan bersama-sama. Ada isu-isu yang dipersetujui, ada isu-isu yang menjadi ketegangan, kita harus mencari titik perseimbangan di antara memastikan kita dapat mengawal pandemik, di antara kita mahu meneruskan kelestarian kehidupan kita di dunia ini, dan juga di antara memastikan kita dapat menangani dan mengatasi isu pendapatan, hasil dan lonjakan ekonomi yang perlu

30 OGOS 2021 (ISNIN)

dijana ketika kita selepas daripada krisis ini. Kerajaan Negeri mempertimbangkan semua aspek dan semua segi dan sudah pasti Kerajaan Negeri sentiasa berfikiran terbaik walaupun kadangkala kita mengambil keputusan tidak popular dan saya bukan hanya ingin mengambil keputusan popular *decision* sahaja keputusan penting sebaliknya keputusan itu penting untuk memastikan hasil negeri, pencapaian negeri, pendapatan kita termasuk usaha-usaha untuk membangunkan dan mempertahankan negeri ini sebagai negeri yang maju dan berdaya saing dapat kita pertahankan. Selepas ini, Jawatankuasa-jawatankuasa Anak Syarikat, Jawatankuasa Badan Berkanun, Jawatankuasa PADAT, Jawatankuasa Jabatan, Selgate, bukan Selgate, apa? Selcat, *Allahuakhbar*, apa? Selcat dan Jawatankuasa PAC boleh dibincangkan dengan lebih rinci setiap butiran termasuk perkara yang menjadi kepanasan disaat pergulungan Kajang tadi boleh dibahaskan lagi. Adakah kita ikut Aturan? Adakah kita melanggar norma? Adakah kita melanggar dan tidak meninggalkan sesuatu yang warisan penting kepada dunia dan tempat kita. Selamat Hari Merdeka, saya mencadangkan Persidangan ini ditangguhkan. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Baik, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya menangguhkan Persidangan ini, saya mengambil peluang dan kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pejawai Kerajaan di atas kerjasama yang diberikan bagi melicinkan perjalanan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Keempat kali ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Setiausaha dan Penolong Setiausaha Dewan, Urus setia, Pelapor-pelapor dan semua petugas-petugas yang terlibat secara langsung maupun secara tidak langsung di atas komitmen dan kesungguhan semua di dalam memastikan perjalanan Mesyuarat berjalan lancar. Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, sila semak Draf Penyata yang telah dan akan diedarkan berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dan kembalikan semula ke Pentadbiran Dewan sekiranya terdapat sebarang pembetulan agar Penyata Rasmi itu dapat disediakan dan diedarkan segera kepada Yang Berhormat sekalian.

Sempena menyambut Hari Kemerdekaan yang Ke-64 ini, saya mengucapkan Selamat menyambut Hari Kemerdekaan. Salam Merdeka. Dengan ini, saya menangguhkan Persidangan hari ini hingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Dewan ditangguhkan.

(Dewan Ditangguhkan Pada Jam 5.40 Petang)